



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

**Pencegahan Pengubahan Wang Haram,
Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan
Sekatan Kewangan Bersasar untuk
*Perniagaan dan Profesion Bukan
Kewangan yang Ditentukan (DNFBP) dan
Institusi Kewangan Bukan Bank (NBFI)*
*(AML/CFT dan TFS untuk
DNFBP dan NBFI)***

Sekiranya maklumat dalam dokumen dasar yang utama (Bahasa Inggeris) adalah berbeza dengan maklumat yang terkandung di dalam dokumen ini, maklumat dalam dokumen dasar utama tersebut adalah diutamakan dan diterimapakai / terpakai.

KANDUNGAN

BAHAGIAN A	GAMBARAN KESELURUHAN.....	1
1	Pengenalan	1
2	Objektif	2
3	Pemakaian	2
4	Peruntukan Undang-Undang	6
5	Tarikh Kuat Kuasa	6
6	Takrifan / Definisi dan Tafsiran	7
7	Instrumen Undang-Undang dan Dokumen Dasar yang Berkaitan.....	16
8	Dokumen Dasar dan Pekeliling yang Digantikan	16
9	Ketidakpatuhan	16
BAHAGIAN B	KEHENDAK AML/CFT	17
10	Pemakaian Pendekatan Berasaskan Risiko	17
11	Program Pematuhan AML/CFT	21
12	Produk dan Amalan Perniagaan yang Baharu	32
13	Pemakaian untuk Cawangan dan Subsidiari Asing	33
14	Usaha Wajar Pelanggan (CDD)	34
14A	Usaha Wajar Pelanggan: Kasino Berlesen	44
14B	Usaha Wajar Pelanggan: Institusi Perjudian Berlesen.....	46
14C	Usaha Wajar Pelanggan: Peguam, Akauntan dan Setiausaha Syarikat	47
14D	Usaha Wajar Pelanggan: Syarikat Amanah	48
14E	Usaha Wajar Pelanggan: Peniaga Logam Berharga atau Batu Berharga.....	49
14F	Usaha Wajar Pelanggan: Ejen Harta Tanah Berdaftar.....	51
14G	Usaha Wajar Pelanggan: Pemberi Pinjam Wang.....	52
14H	Usaha Wajar Pelanggan: Pemegang Pajak Gadai.....	53

15	Individu yang Mempunyai Pengaruh Politik (PEP).....	54
16	Kebergantungan kepada Pihak Ketiga	57
17	Negara Berisiko Lebih Tinggi.....	58
18	Laporan Nilai Ambang Tunai (CTR)	59
19	Laporan Transaksi yang Mencurigakan (STR)	61
20	Penzahiran Laporan Transaksi yang Mencurigakan, Laporan Nilai Ambang Tunai dan Maklumat Berkaitan	64
21	Penyimpanan Rekod	65
22	Sistem Pengurusan Maklumat.....	66
23	Sekatan Kewangan Bersasar terhadap Pembiayaan Keganasan	67
24	Sekatan Kewangan Bersasar terhadap Pembiayaan Percambahan dan Rejim-Rejim Sekatan PBB yang Lain	73
25	Obligasi Pelaporan Lain.....	79

BAHAGIAN C GLOSARI, TEMPLAT DAN BORANG80

LAMPIRAN 1	Glosari	81
LAMPIRAN 2	Takrifan / Definisi Institusi Pelapor Bersaiz Kecil	82
LAMPIRAN 3	Borang Pemberitahuan Pencalonan Pegawai Pematuhan	83
LAMPIRAN 4	Borang Usaha Wajar Pelanggan	85
LAMPIRAN 5	Borang STR	92
LAMPIRAN 5(i)	Borang STR untuk Kasino Berlesen	92
LAMPIRAN 5(ii)	Borang STR untuk Institusi Perjudian Berlesen	95
LAMPIRAN 5(iii)	Borang STR untuk Peguam, Notari Awam dan Akauntan.....	98
LAMPIRAN 5(iv)	Borang STR untuk Setiausaha Syarikat	102
LAMPIRAN 5(v)	Borang STR untuk Syarikat Amanah	105
LAMPIRAN 5(vi)	Borang STR untuk Peniaga Logam Berharga atau Batu Berharga.....	112
LAMPIRAN 5(vii)	Borang STR untuk Ejen Harta Tanah Berdaftar	115
LAMPIRAN 5(viii)	Borang STR untuk Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai	120
LAMPIRAN 5(ix)	Borang STR untuk Syarikat Pemajakan dan Pemfaktoran	123
LAMPIRAN 5(x)	Borang STR untuk Institusi Kewangan Bukan Bank yang Lain..	126
LAMPIRAN 6A	Pelaporan Sekatan Kewangan Bersasar (NBFI) - Setelah Penentuan.....	131

LAMPIRAN 6B	Pelaporan Sekatan Kewangan Bersasar (DNFBP) - Setelah Penentuan.....	132
LAMPIRAN 7A	Pelaporan Sekatan Kewangan Bersasar (NBFI) - Laporan Berkala Padanan Nama Positif	133
LAMPIRAN 7B	Pelaporan Sekatan Kewangan Bersasar (DNFBP) - Laporan Berkala Padanan Nama Positif.....	134
BAHAGIAN D	PANDUAN	135
LAMPIRAN 8	Panduan Pemakaian Pendekatan Berasaskan Risiko	136
LAMPIRAN 9	Templat Penilaian Risiko Tahap Institusi	151
LAMPIRAN 10	Infografik berkenaan Pendekatan Berasaskan Risiko.....	157
LAMPIRAN 11	Infografik berkenaan Peranan dan Tanggungjawab Pegawai Pematuhan.....	159
LAMPIRAN 12	Infografik berkenaan Usaha Wajar Pelanggan (CDD)	160
LAMPIRAN 13	Infografik berkenaan Laporan Transaksi yang Mencurigakan ...	164
LAMPIRAN 14	Infografik berkenaan Sekatan Kewangan Bersasar.....	166
BAHAGIAN E	PETUNJUK TRANSAKSI YANG MENCURIGAKAN (RED FLAGS).....	169
LAMPIRAN 15	Contoh-contoh Petunjuk Transaksi yang Mencurigakan	170

BAHAGIAN A GAMBARAN KESELURUHAN

1 Pengenalan

Latar Belakang

- 1.1 Pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (*money laundering/terrorism financing*, ML/TF) adalah jenayah kewangan yang mempunyai kesan buruk secara meluas terhadap sosio-ekonomi. Rangkaian jenayah, pengubah wang haram dan pembiaya keganasan pantas menyesuaikan diri serta menyusup masuk dan mengeksploitasi mana-mana kelemahan di dalam dunia tanpa sempadan yang semakin meluas untuk mengaburi dana haram tersebut daripada dikesan. Globalisasi industri perkhidmatan kewangan dan kemajuan teknologi, termasuk kemunculan pemain baharu dan produk yang inovatif, menampilkan cabaran yang besar kepada pihak pengawal selia dan agensi penguatkuasaan undang-undang untuk membendung kegiatan jenayah
- 1.2 Selaras dengan piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (*Financial Action Task Force*, FATF)¹, obligasi pelaporan bagi pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (*anti-money laundering/ countering financing of terrorism*, AML/CFT) yang dikenakan ke atas institusi pelapor adalah berasaskan maklumat risiko yang tertakluk kepada semakan semula secara berkala, sejajar dengan sebarang perubahan yang ketara dalam piawaian antarabangsa atau situasi risiko ML/TF di Malaysia. Sehubungan dengan faktor risiko yang semakin berkembang dan potensi peluang pembangunan yang didorong oleh era pendigitalan, beberapa penambahbaikan kepada obligasi pelaporan AML/CFT yang sedia ada telah dicadangkan demi memastikan bahawa bidang yang berisiko tinggi tertakluk kepada kawalan yang dipertingkatkan, manakala bidang yang berisiko rendah diberikan kelonggaran pelaksanaan polisi demi memastikan integriti sistem kewangan dipelihara, sekali gus melancarkan lagi langkah-langkah bagi mencapai objektif pembangunannya.

¹ FATF adalah badan bebas antara kerajaan yang membangunkan dan menggalakkan polisi untuk melindungi sistem kewangan global terhadap pengubahan wang haram (ML), pembiayaan keganasan (TF) dan pembiayaan pencambahan senjata pemusnah besar-besaran (PF). Piawaian Antarabangsa FATF untuk Memerangi Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan & Pencambahan (Saranan FATF, *The FATF Recommendations*), yang dikeluarkan pada Februari 2012, dan dikemaskini dari semasa ke semasa, menetapkan rangka kerja yang komprehensif dan konsisten berkenaan langkah-langkah yang harus dilaksanakan oleh negara-negara berdasarkan keadaan tertentu mereka untuk memastikan keteguhan bidang kuasa rejim AML/CFT masing-masing. Malaysia diterima sebagai ahli FATF pada bulan Februari 2016. Untuk maklumat lanjut mengenai FATF, sila layari laman sesawangnya www.fatf-gafi.org

- 1.3 Selain itu, Penilaian Risiko ML/TF Kebangsaan (*National ML/TF Risk Assessment*, NRA) oleh Jawatankuasa Penyelaras Pencegahan Pengubahan Wang Haram Peringkat Kebangsaan (*National Coordination Committee to Counter Money Laundering*, NCC) yang menilai dan mengenal pasti ancaman utama dan kelemahan sektoral yang boleh mendedahkan sistem kewangan dan ekonomi Malaysia kepada risiko ML/TF, telah menjadi panduan dalam merangka strategi dan dasar untuk keseluruhan rejim AML/CFT di Malaysia. NRA adalah alat utama yang digunakan oleh Kementerian yang berkaitan, agensi penguatkuasaan undang-undang, pihak berkuasa pengawasan dan institusi pelapor untuk tujuan penilaian berkala dan pengesanan keberkesanan bagi mencegah dan memerangi ML/TF dan pembiayaan percambahan (*proliferation financing*, PF).
- 1.4 Selaras dengan Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (*United Nations Security Council Resolutions*, UNSCR), institusi pelapor juga dikehendaki mematuhi dan melaksanakan sekatan yang dikenakan ke atas negara dan individu yang telah ditentukan demi memerangi keganasan, pembiayaan keganasan, percambahan senjata pemusnah besar-besaran dan pembiayaan percambahan serta menyekat sebarang bentuk konflik bersenjata atau keganasan yang lain. Semua obligasi ini telah dihuraikan dan dijelaskan dengan lebih lanjut selaras dengan UNSCR yang berkaitan.

2 Objektif

- 2.1 Dokumen dasar ini bertujuan untuk menggariskan:
 - (a) obligasi-obligasi institusi pelapor terhadap kehendak yang dikenakan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA);
 - (b) kehendak-kehendak ke atas institusi pelapor dalam melaksanakan pendekatan berasaskan risiko yang menyeluruh untuk menguruskan risiko ML/TF; dan
 - (c) kehendak-kehendak ke atas institusi pelapor dalam melaksanakan sekatan kewangan bersasar.

3 Pemakaian

- 3.1 Sekiranya institusi pelapor tertakluk kepada lebih daripada satu dokumen yang berkaitan dengan perkara-perkara AML/CFT yang dikeluarkan menurut AMLA, kehendak yang lebih ketat adalah terpakai.
- 3.2 Sekiranya perlu, pihak berkuasa berwibawa boleh mengeluarkan garis panduan, pekeliling atau notis untuk mengubah, memadam, menambah, mengganti atau mengubah suai dokumen dasar ini.

- 3.3 Bagi kehendak-kehendak AML/CFT dan sekatan kewangan bersasar untuk memerangi pembiayaan keganasan, pembiayaan percambahan dan kehendak-kehendak untuk menyekat sebarang bentuk konflik bersenjata yang lain, dokumen dasar ini terpakai untuk institusi pelapor yang menjalankan aktiviti-aktiviti berikut seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama dan perundangan subsidiari yang berkaitan AMLA:
- (a) peguam bela dan peguam cara seperti yang ditakrifkan dalam Akta Profesion Undang-Undang 1976 serta seseorang yang diterima masuk sebagai peguam bela menurut Ordinan Peguam Bela Sabah 1953 dan Ordinan Peguam Bela Sarawak 1953 (secara kolektif dirujuk sebagai "peguam" dalam dokumen dasar ini), sekiranya mereka menyediakan atau menjalankan aktiviti-aktiviti berikut untuk pelanggan mereka:
 - (i) membeli dan menjual harta tak alih;
 - (ii) menguruskan wang, sekuriti atau harta lain milik pelanggan;
 - (iii) menguruskan akaun termasuk akaun simpanan dan sekuriti;
 - (iv) menganjurkan sumbangan untuk pewujudan, operasi atau pengurusan syarikat; atau
 - (v) mewujudkan, mengendalikan atau menguruskan entiti undang-undang atau pengaturan berasaskan undang-undang (*legal arrangements*) dan pembelian dan penjualan entiti perniagaan².
 - (b) syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 dan entiti perniagaan seperti yang ditakrifkan dan didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 yang menjalankan aktiviti urusniaga logam berharga atau batu berharga (dirujuk sebagai "peniaga logam berharga atau batu berharga" dalam dokumen dasar ini).
 - (c) kasino berlesen yang menjalankan perniagaan perjudian di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953;
 - (d)
 - (i) pemegang lesen seperti yang ditakrifkan dalam Akta Pertaruhan Pool 1967;
 - (ii) agensi totalizator seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perlumbaan (Lembaga Totalizator) 1961; dan
 - (iii) kelab lumba kuda seperti yang ditakrifkan dalam Akta Kelab Lumba Kuda (Ambil Tagan Awam) 1965.
(dirujuk secara kolektif dalam dokumen ini sebagai "institusi perjudian berlesen");
 - (e) pemberi pinjam wang yang dilesenkan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951;

² Seperti yang diterbitkan dalam P.U. (A) 340/2004 dan P.U. (A) 293/2006

- (f) ahli yang memegang sijil amalan yang sah yang dikeluarkan menurut Kaedah 9, Kaedah-Kaedah Institut Akauntan Malaysia (Keanggotaan dan Majlis) 2001 (dirujuk sebagai "akauntan" dalam dokumen dasar ini), sekiranya mereka menyediakan atau menjalankan aktiviti-aktiviti berikut untuk pelanggan mereka:
- (i) membeli dan menjual harta tak alih;
 - (ii) menguruskan wang, sekuriti atau harta lain milik pelanggan;
 - (iii) menguruskan akaun termasuk akaun simpanan dan sekuriti;
 - (iv) menganjurkan sumbangan untuk pewujudan, operasi atau pengurusan syarikat; atau
 - (v) mewujudkan, mengendalikan atau menguruskan entiti undang-undang atau pengaturan berasaskan undang-undang (*legal arrangements*) dan pembelian dan penjualan entiti perniagaan³.
- (g) notari awam seperti yang ditakrifkan dalam Akta Notari Awam 1959 sekiranya mereka menjalankan kuasa dan fungsi mereka di bawah Akta tersebut berkaitan dengan aktiviti-aktiviti berikut untuk pelanggan mereka:
- (i) membeli dan menjual harta tak alih;
 - (ii) menguruskan wang, sekuriti atau harta lain milik pelanggan;
 - (iii) menguruskan akaun termasuk akaun simpanan dan sekuriti;
 - (iv) menganjurkan sumbangan untuk pewujudan, operasi atau pengurusan syarikat; atau
 - (v) mewujudkan, mengendalikan atau menguruskan entiti undang-undang atau pengaturan berasaskan undang-undang (*legal arrangements*) dan pembelian dan penjualan entiti perniagaan⁴.
- (h) pemegang pajak gadai seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972;
- (i) seseorang yang ditetapkan oleh Menteri atau dilesenkan oleh Pendaftar Syarikat untuk bertindak sebagai setiausaha syarikat menurut seksyen 235 Akta Syarikat 2016 (dirujuk sebagai "setiausaha syarikat" dalam dokumen dasar ini), apabila mereka, sama ada secara peribadi atau melalui firma atau syarikat, menyediakan atau menjalankan aktiviti-aktiviti berikut untuk pelanggan mereka:
- (i) bertindak sebagai ejen pembentukan entiti undang-undang;
 - (ii) bertindak sebagai (atau mengatur bagi orang lain untuk bertindak sebagai) seorang pengarah atau setiausaha syarikat dalam suatu syarikat, pekongsi dalam suatu perkongsian, atau kedudukan yang seumpama itu dalam entiti undang-undang yang lain;
 - (iii) menyediakan pejabat berdaftar, alamat perniagaan atau penginapan, alamat surat-menyurat atau pentadbiran untuk syarikat, perkongsian, atau mana-mana entiti undang-undang atau pengaturan berasaskan undang-undang (*legal arrangements*) lain;

³ Seperti yang diterbitkan dalam P.U. (A) 340/2004 dan P.U. (A) 293/2006

⁴ Seperti yang diterbitkan dalam P.U. (A) 113/2005 dan P.U. (A) 293/2006

- (iv) bertindak sebagai (atau mengatur bagi orang lain untuk bertindak sebagai) pemegang amanah dalam suatu amanah yang nyata; atau
 - (v) bertindak sebagai (atau mengatur bagi orang lain untuk bertindak sebagai) pemegang saham penama untuk orang lain⁵.
- (j) ejen harta tanah berdaftar seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981;
- (k) Perbadanan seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 dan syarikat amanah seperti yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat Amanah 1949 sekiranya mereka menjalankan aktiviti-aktiviti berikut untuk pelanggan mereka:
- (i) bertindak sebagai (atau mengatur bagi orang lain untuk bertindak sebagai) seorang pengarah atau setiausaha syarikat dalam suatu syarikat, pekongsi dalam suatu perkongsian, atau kedudukan yang seumpama itu dalam entiti undang-undang yang lain;
 - (ii) bertindak sebagai (atau mengatur bagi orang lain untuk bertindak sebagai) pemegang amanah dalam suatu amanah nyata; atau
 - (iii) bertindak sebagai (atau mengatur bagi orang lain untuk bertindak sebagai) pemegang saham penama untuk orang lain⁶.
- (l) aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perniagaan kredit bangunan, perniagaan pembiayaan pembangunan, perniagaan pemfaktoran atau perniagaan pemajakan yang dijalankan oleh syarikat yang diperbadankan menurut Akta Syarikat 1965 dan perniagaan seperti yang ditakrifkan dan didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956;
- (m) mana-mana institusi pelapor lain yang boleh ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa; dan
- (n) cawangan dan subsidiari institusi pelapor di dalam dan di luar Malaysia yang menjalankan sebarang aktiviti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama AMLA, sekiranya berkaitan.
- 3.4 Dokumen dasar ini terpakai untuk peguam, akauntan dan setiausaha syarikat yang merupakan pengamal tunggal, pekongsi atau profesional yang digaji di dalam firma profesional. Dokumen dasar ini tidak terpakai ke atas peguam, akauntan dan setiausaha syarikat 'dalaman' yang merupakan pekerja dalam jenis-jenis perniagaan lain, mahu pun kepada golongan profesional yang bekerja untuk agensi kerajaan.

⁵ Seperti yang diterbitkan dalam P.U. (A) 340/2004 dan P.U. (A) 293/2006

⁶ Seperti yang diterbitkan dalam P.U. (A) 293/2006 dan P.U. (A) 103/2007

4 Peruntukan Undang-undang

- 4.1 Berkaitan dengan peruntukan AML/CFT, dokumen dasar ini dikeluarkan menurut:
- (a) seksyen 8, 13, 14, 14A, 15, 16, 17, 18, 19, 20 dan 83 AMLA; dan
 - (b) seksyen 143(2) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA).
- 4.2 Berkaitan dengan kehendak-kehendak sekatan kewangan bersasar terhadap kehendak pembiayaan keganasan, dokumen dasar ini dikeluarkan menurut seksyen 14(1)(c) AMLA.
- 4.3 Berkaitan dengan kehendak-kehendak sekatan kewangan bersasar terhadap pembiayaan percambahan dan kehendak-kehendak Rejim Sekatan PBB yang lain, dokumen dasar ini dikeluarkan bagi tujuan pemantauan dan penyeliaan pelaksanaan obligasi dan sekatan di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010 (STA), Perintah Perdagangan Strategik (Pengguna Akhir Terhad dan Pengguna Akhir Terlarang) 2010 dan Arahan Pelaksanaan Sekatan Kewangan Bersasar Berkaitan Pembiayaan Percambahan⁷ (Arahan mengenai TFS-PF) yang dikeluarkan oleh Pengawal Perdagangan Strategik, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada bulan April 2018.

5 Tarikh Kuat Kuasa

- 5.1 Dokumen dasar ini berkuatkuasa pada 01 Januari 2020.
- 5.2 Pematuhan kepada kehendak yang digariskan dalam dokumen dasar ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta, melainkan jika dinyatakan sebaliknya oleh pihak berkuasa berwibawa.
- 5.3 Walau apa pun yang dinyatakan dalam perenggan 5.2, institusi pelapor diberi tempoh 12 bulan dari tarikh berkuat kuasa untuk mematuhi kehendak usaha wajar pelanggan standard berkaitan dengan pelanggan sedia ada yang merupakan syarikat berkaitan kerajaan (*government-linked companies*), perbadanan milik kerajaan (*state-owned corporations*) dan orang berdaftar (menurut peruntukan FSA).

⁷ Arahan Pelaksanaan Sekatan Kewangan Bersasar Berkaitan Pembiayaan Percambahan (TFS-PF) di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010, Peraturan Perdagangan Strategik (Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) 2010 dan Perintah Perdagangan Strategik (Pengguna Akhir Terhad dan Pengguna Akhir yang Terlarang) 2010

6 Takrifan / Definisi dan Tafsiran

6.1 Terma dan ungkapan yang digunakan dalam dokumen dasar ini hendaklah mempunyai makna yang sama yang diberikan dalam AMLA, STA, Perintah Perdagangan Strategik (Pengguna Akhir Terhad dan Pengguna Akhir Terlarang) 2010 dan Arahan mengenai TFS-PF, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika ditakrifkan sebaliknya dalam dokumen dasar ini atau konteksnya menghendaki makna yang lain.

6.2 Bagi maksud dokument dasar ini:

"tepat"	Merujuk kepada maklumat yang telah ditentukan ketepatan.
"pemilik benefisial"	Merujuk kepada mana-mana orang sebenar yang memiliki atau mengawal secara mutlak seseorang pelanggan dan/atau orang sebenar yang bagi pihaknya suatu transaksi dilakukan. Ia juga termasuk orang sebenar yang melaksanakan kawalan berkesan mutlak ke atas entiti korporat (<i>legal persons</i>) atau pengaturan yang berasaskan undang-undang (<i>legal arrangements</i>). Rujukan kepada "memiliki atau mengawal secara mutlak" atau "kawalan berkesan mutlak" adalah merujuk kepada situasi yang mana pemilikan atau kawalan yang dilaksanakan melalui rantai pemilikan atau melalui cara kawalan selain daripada kawalan secara langsung. Untuk produk insurans dan takaful, ini juga merujuk kepada mana-mana orang sebenar yang memiliki atau mengawal secara mutlak seseorang benefisiari, sebagaimana yang ditetapkan dalam dokumen dasar ini.
"benefisiari"	Bergantung pada konteks: Dalam undang-undang amanah, suatu benefisiari merujuk kepada individu atau sekumpulan orang yang berhak mendapat manfaat daripada mana-mana pengaturan amanah. Suatu benefisiari boleh terdiri daripada orang sebenar atau entiti korporat (<i>legal persons</i>) atau pengaturan yang berasaskan undang-undang (<i>legal arrangements</i>). Semua amanah (selain daripada amanah khairat atau amanah bukan untuk khairat yang dibenarkan undang-undang) dikehendaki untuk mempunyai benefisiari yang boleh ditentukan. Walaupun amanah mesti sentiasa mempunyai beberapa benefisiari yang boleh ditentukan secara mutlak, suatu amanah mungkin tidak mempunyai benefisiari sedia ada yang telah ditentukan tetapi hanya mempunyai objek-objek kuasa sehingga seseorang menjadi layak sebagai benefisiari ke atas pendapatan atau modal

	apabila tamat tempoh masa yang telah ditentukan, yang dikenali sebagai tempoh pengumpulan. Tempoh ini biasanya bersamaan dengan tempoh kekal amanah yang biasanya dirujuk dalam surat ikatan amanah sebagai tempoh amanah. Dalam kelab, pertubuhan dan badan amal, merujuk kepada orang sebenar atau sekumpulan orang sebenar, yang menerima sumbangan amal, kemanusiaan atau lain-lain jenis perkhidmatan daripada kelab, pertubuhan dan badan amal.
"Lembaga Pengarah"	Berkaitan dengan suatu syarikat, merujuk kepada: (a) pengarah syarikat yang bilangan ahli tidak kurang daripada korum yang diperlukan untuk bertindak sebagai lembaga pengarah; atau (b) jika syarikat hanya mempunyai seorang pengarah, pengarah itu; Berkaitan dengan: (a) pemilikan tunggal, merujuk kepada pemilik tunggal; atau (b) perkongsian, termasuk perkongsian liabiliti terhad, merujuk kepada pekongsi kanan atau pekongsi ekuiti.
"transaksi tunai"	Merujuk kepada suatu transaksi pembayaran yang menggunakan tunai atau setara tunai oleh atau bagi pihak pelanggan dalam bentuk: (a) wang kertas dan duit syiling kepada institusi pelapor atau akaun bank institusi pelapor; (b) instrumen boleh niaga pembawa termasuk cek kembara, baucar dan lain-lain; atau (c) logam berharga dan/atau batu berharga.
"sekutu rapat PEP"	Merujuk kepada mana-mana individu yang berkait rapat dengan individu yang mempunyai pengaruh politik (<i>politically exposed person</i>, PEP), sama ada secara sosial atau profesional. Sekutu rapat dalam konteks ini termasuk: (a) ahli keluarga besar, seperti saudara-mara (hubungan biologi atau hubungan bukan biologi); (b) individu yang bergantung dari segi kewangan (contohnya orang yang dibayar gaji oleh PEP seperti pemandu, pengawal peribadi, setiausaha); (c) pekongsi perniagaan atau sekutu kepada PEP; (d) anggota utama dalam satu organisasi yang sama dengan PEP; (e) individu yang bekerja rapat dengan PEP (contohnya rakan sekerja atau memberikan perkhidmatan profesional); atau (f) kawan / rakan rapat.

“pihak berkuasa berwibawa”	Merujuk kepada pihak yang dilantik oleh Menteri Kewangan melalui perintah yang disiarkan dalam <i>Warta Kerajaan Persekutuan</i> , menurut seksyen 7(1) AMLA. Pada tarikh perintah tersebut diwartakan, ini merujuk kepada Bank Negara Malaysia.
“Prinsip Teras”	Merujuk kepada Prinsip Teras untuk Penyeliaan Perbankan Berkesan (<i>Core Principles for Effective Banking Supervision</i>) yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Basel mengenai Penyeliaan Perbankan, Objektif dan Prinsip untuk Pengawalan Sekuriti yang dikeluarkan oleh Organisasi Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (<i>International Organization of Securities Commission</i>), dan Prinsip Teras Insurans yang dikeluarkan oleh Persatuan Penyelia Insurans Antarabangsa (<i>International Association of Insurance Supervisors</i>).
“pelanggan”	Merujuk kepada orang yang institusi pelapor menjalankan atau berhasrat untuk menjalankan transaksi perniagaan. Istilah ini juga merujuk kepada klien.
“usaha wajar pelanggan (CDD)”	Merujuk kepada apa-apa langkah yang dilaksanakan menurut seksyen 16 AMLA.
“Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditentukan (DNFBP)”	Merujuk kepada institusi pelapor yang disenaraikan dalam perenggan 3.3 (a) hingga (k) dalam dokumen dasar ini.
“pengarah”	Merujuk kepada mana-mana orang yang memegang jawatan pengarah, walau bagaimanapun digelar, dalam sesuatu perbadanan dan termasuk seseorang yang mengikut arahan atau petunjuknya majoriti pengarah atau pegawai lazimnya bertindak dan seorang pengarah silih ganti atau pengarah ganti. Berkaitan dengan: (a) pemilikan tunggal, merujuk kepada pemilik tunggal; atau (b) perkongsian, termasuk perkongsian liabiliti terhad, merujuk kepada pekongsi kanan atau pekongsi ekuiti.

“ahli keluarga kepada PEP”	Merujuk kepada individu yang berkaitan dengan PEP sama ada secara langsung (kekeluargaan) atau melalui perkahwinan. Ahli keluarga dalam konteks ini termasuk: (a) ibu bapa; (b) adik-beradik; (c) pasangan; (d) anak; atau (e) ibu bapa pasangan, untuk kedua-dua hubungan biologi atau bukan biologi.
“kumpulan kewangan”	Merujuk kepada suatu kumpulan yang terdiri daripada syarikat induk yang diperbadankan di Malaysia atau mana-mana jenis entiti korporat (<i>legal persons</i>) yang menjalankan fungsi kawalan dan penyelarasan dalam kumpulan tersebut untuk melaksanakan pengawasan kumpulan di bawah Prinsip Teras, mencakupi cawangan dan/atau subsidiari yang tertakluk kepada polisi dan tatacara AML/CFT pada peringkat kumpulan.
“transaksi dana masuk”	Merujuk kepada transaksi kasino berlesen yang menerima dana daripada pelanggan atau pengendali junkets. Transaksi boleh dilakukan secara tunai atau dalam bentuk lain.
“transaksi dana keluar	Merujuk kepada transaksi kasino berlesen yang membayar dana yang dimenangi atau tidak dimenangi, komisen, rebat dan pembayaran lain kepada pelanggan atau junkets. Transaksi boleh dilakukan secara tunai atau bentuk lain.
“G”	Menandakan "Panduan" (<i>Guidance</i>) yang boleh merangkumi pernyataan atau maklumat yang bertujuan untuk menggalakkan pemahaman bersama dan nasihat atau cadangan yang digalakkan untuk diterima pakai.

“berisiko lebih tinggi”	Merujuk kepada keadaan apabila institusi pelapor menilai risiko ML/TF sebagai lebih tinggi, dengan mempertimbangkan, dan tidak terhad kepada faktor-faktor berikut: (a) Faktor risiko pelanggan: • hubungan perniagaan dilakukan dalam keadaan yang bukan seperti kebiasaan (contohnya, jarak kedudukan geografi antara institusi pelapor dengan pelanggan yang ketara yang tidak dapat dijelaskan); • pelanggan bukan pemastautin; • entiti korporat (<i>legal persons</i>) atau pengaturan yang berasaskan undang-undang (<i>legal arrangements</i>) yang digunakan bagi tujuan pegangan aset peribadi; • syarikat yang mempunyai pemegang saham penama atau saham dalam bentuk pembawa; • perniagaan yang berintensif tunai; • struktur pemilikan syarikat kelihatan luar biasa atau terlalu kompleks berbanding dengan jenis perniagaan syarikat; • individu bernilai bersih tinggi (<i>high net worth individuals</i>); • orang dari lokasi yang dikenali dengan kadar jenayah yang tinggi (contohnya, penghasilan dadah, pemerdagangan manusia, penyeludupan); • keadaan, perniagaan atau aktiviti yang dikenal pasti oleh FATF yang mempunyai risiko ML/TF yang lebih tinggi; • pengaturan yang berasaskan undang-undang (<i>legal arrangements</i>) yang kompleks (misalnya hubungan penama atau hubungan berlapis dengan entiti korporat (<i>legal persons</i>); dan • orang yang sepadan dengan kriteria petunjuk transaksi yang mencurigakan (<i>red flags</i>) institusi pelapor. (b) Faktor risiko negara atau kedudukan geografi: • negara yang dikenal pasti dari sumber yang boleh dipercayai, seperti penilaian bersama atau laporan susulan yang diterbitkan, yang mempunyai sistem AML/CFT yang tidak mencukupi; • negara yang tertakluk kepada sekatan, embargo atau tindakan serupa yang dikeluarkan oleh, misalnya, PBB; • negara yang dikenal pasti oleh FATF, badan serantau lain yang menyerupai FATF atau badan
---------------------------------------	--

	antarabangsa lain, yang mempunyai risiko ML/TF yang lebih tinggi; • negara yang dikenal pasti dari sumber yang boleh dipercayai mempunyai tahap rasuah atau kegiatan jenayah lain yang ketara; dan • negara atau kawasan geografi yang dikenal pasti dari sumber yang boleh dipercayai sebagai penyedia dana atau sokongan untuk aktiviti pengganas, atau yang mempunyai operasi organisasi pengganas yang telah ditetapkan di dalam negara mereka. (c) Faktor risiko produk, perkhidmatan, transaksi atau saluran penyampaian: • transaksi tanpa nama (yang mungkin termasuk tunai); • hubungan atau transaksi perniagaan tanpa bersemuka; • pembayaran diterima daripada pelbagai orang dan/atau negara yang tidak sepadan dengan jenis perniagaan dan profil risiko; • pembayaran diterima daripada pihak yang tidak diketahui atau pihak ketiga yang tidak berkaitan; dan • perkhidmatan penama.
“negara berisiko lebih tinggi”	Merujuk kepada negara yang dinamakan oleh FATF atau Kerajaan Malaysia sebagai negara yang menimbulkan risiko kepada sistem kewangan antarabangsa.
“pertubuhan antarabangsa”	Merujuk kepada entiti-entiti yang ditubuhkan melalui perjanjian politik formal antara negara-negara anggota yang mempunyai status sebagai triti antarabangsa; kewujudan entiti-entiti ini diakui oleh undang-undang dalam negara-negara anggota; dan entiti-entiti ini tidak dianggap sebagai unit institusi pemastautin di negara yang entiti-entiti ini berada. Contoh organisasi antarabangsa merangkumi yang berikut: (a) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan organisasi antarabangsa sekutunya; (b) organisasi antarabangsa serantau seperti Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Majlis Negara-negara Eropah, institusi-institusi Kesatuan Eropah, Organisasi Keselamatan dan Kerjasama di Eropah dan Pertubuhan Negara-negara Amerika; (c) organisasi antarabangsa ketenteraan seperti Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara; dan (d) organisasi ekonomi seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia.

“junkets”	Merujuk kepada individu atau entiti korporat (<i>legal persons</i>) yang diluluskan, didaftarkan atau dilantik oleh kasino berlesen untuk memperkenalkan, menganjurkan dan/ atau mempermudah mana-mana permainan perjudian dalam suatu kasino berlesen oleh satu atau lebih pelanggan termasuk pelanggan tempatan dan asing.
“pengaturan yang berasaskan undang-undang (<i>legal arrangements</i>)”	Merujuk kepada pengaturan amanah yang nyata atau pengaturan yang berasaskan undang-undang lain yang serupa.
“entiti korporat (<i>legal persons</i>)”	Merujuk kepada mana-mana entiti selain daripada orang sebenar yang boleh mengadakan hubungan pelanggan yang kekal dengan institusi pelapor atau boleh memiliki harta. Ini termasuk syarikat, pertubuhan perbadanan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), yayasan, perkongsian, atau persatuan dan lain-lain entiti yang serupa. GLC merujuk kepada suatu entiti yang pemegang saham majoriti atau pemegang saham tunggal terbesarnya ialah kerajaan dan/atau kerajaan mempunyai kemampuan untuk menjalankan dan mempengaruhi keputusan utama seperti pelantikan anggota lembaga pengarah dan pengurusan kanan.
“saluran mudah alih”	Merujuk kepada menjalankan transaksi melalui apa-apa alat elektronik menggunakan aplikasi telefon bimbit yang disediakan oleh institusi pelapor.
“Institusi Kewangan Bukan Bank”	Merujuk kepada institusi pelapor yang disenaraikan dalam perenggan 3.3 (l) dokumen dasar ini.
“saluran dalam talian”	Merujuk kepada menjalankan transaksi melalui apa-apa alat elektronik selain daripada transaksi yang dilakukan melalui saluran mudah alih.
“orang”	Termasuk suatu kumpulan orang, diperbadankan atau tidak diperbadankan.
“orang yang menjalankan transaksi”	Merujuk kepada mana-mana orang sebenar yang menjalankan transaksi atau bertindak bagi pihak pelanggan, contohnya individu yang menandatangani ke akaun pelanggan lain atau individu yang menjalankan transaksi bagi pihak individu lain.

“individu yang mempunyai pengaruh politik (PEP)”	Merujuk kepada: (a) PEP asing - individu yang sedang atau yang telah diamanahkan dengan fungsi awam utama oleh sebuah negara asing. Contohnya, Ketua Negara atau Kerajaan, ahli politik kanan, pegawai kanan kerajaan, kehakiman atau ketenteraan, eksekutif kanan perbadanan milik kerajaan dan pegawai penting dalam parti politik; (b) PEP domestik - individu yang sedang atau yang telah diamanahkan dengan fungsi awam domestik yang utama. Contohnya, Ketua Negara atau Kerajaan, ahli politik kanan, pegawai kanan kerajaan (termasuk kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan), kehakiman atau ketenteraan, eksekutif kanan perbadanan milik kerajaan dan pegawai penting dalam parti politik; atau (c) Individu yang sedang atau yang telah diamanahkan dengan suatu fungsi utama oleh organisasi antarabangsa, yang merujuk kepada anggota pengurusan kanan. Contohnya, pengarah, timbalan pengarah dan anggota Lembaga Pengarah atau fungsi yang setaraf. Definisi PEP tidak bertujuan untuk merangkumi individu peringkat pertengahan atau lebih rendah dalam kategori di atas.
“S”	Menandakan standard, obligasi, kehendak, spesifikasi, arahan, syarat dan apa-apa peruntukan tafsiran, tambahan dan peralihan yang mesti dipatuhi. Ketidakpatuhan boleh mengakibatkan tindakan penguatkuasaan.
“berpuas hati”	Sekiranya rujukan dibuat mengenai sesebuah institusi pelapor “berpuas hati” ke atas suatu perkara, institusi pelapor mesti dapat memberi justifikasi berkenaan penilaiannya kepada pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa penyelia dalam bentuk dokumen.
“Badan Pengawalseliaan Kendiri (SRB)”	Merujuk kepada badan yang mewakili suatu profesion (misalnya peguam, akauntan atau setiausaha syarikat), dan terdiri daripada ahli daripada profesion tersebut, mempunyai peranan dalam mengawal selia orang yang layak memasuki dan yang mengamalkan profesion tersebut, dan/atau juga menjalankan fungsi penyeliaan atau pemantauan tertentu. Badan-badan tersebut hendaklah menguatkuasakan peraturan untuk memastikan bahawa standard etika dan moral yang tinggi dipelihara oleh mereka yang mengamalkan profesion tersebut.

“Pengurusan Kanan”	Merujuk kepada mana-mana individu yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah atau mengawal aktiviti institusi pelapor atau entiti korporat (<i>legal persons</i>) termasuk pengurusan dan pentadbiran institusi pelapor atau entiti korporat (<i>legal persons</i>).
“institusi pelapor bersaiz kecil”	Merujuk kepada institusi pelapor yang memenuhi kriteria dan parameter yang berkaitan dengan DNFBPs dan institusi kewangan bukan bank seperti yang disenaraikan dalam Lampiran 2 dokumen dasar ini.
“pihak berkuasa penyeliaan”	Merujuk kepada kementerian, agensi atau SRB yang boleh melaksanakan kuasa menurut seksyen 21 AMLA.
“sekatan kewangan bersasar”	Merujuk kepada pembekuan aset dan larangan untuk mengelak dana atau aset lain daripada disediakan, secara langsung atau tidak langsung, untuk faedah individu yang ditentukan atau entiti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Sekatan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berkaitan atau oleh Menteri Dalam Negeri.
“pihak ketiga”	Merujuk kepada institusi pelapor yang dikawal selia oleh pihak berkuasa berwibawa yang berkaitan dan yang memenuhi kehendak di bawah perenggan 16 berkenaan dengan Kebergantungan kepada Pihak Ketiga, iaitu orang atau perniagaan yang institusi pelapor bergantung untuk melaksanakan proses usaha wajar pelanggan. Kebergantungan kepada pihak ketiga sering berlaku melalui pengenalan oleh ahli lain dari kumpulan kewangan yang sama atau oleh institusi pelapor lain. Definisi ini tidak termasuk penyumberluaran (<i>outsourcing</i>) atau hubungan agensi kerana penyedia perkhidmatan atau ejen penyumberluaran dianggap sebagai sinonim dengan institusi pelapor. Penyedia perkhidmatan atau ejen penyumberluaran (<i>outsourcing</i>) boleh merangkumi perunding harta tanah yang berdaftar, ejen pemasaran atau tele-pemasaran penyumberan luar dan lain-lain.

7 Instrumen Undang-Undang dan Dokumen Dasar yang Berkaitan

- 7.1 Dokumen dasar ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan dokumen lain yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwibawa yang berkaitan dengan pematuhan kepada kehendak-kehendak AML/CFT dan pelaksanaan sekatan kewangan bersasar terhadap negara atau individu yang ditentukan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

8 Dokumen Dasar dan Pekeliling yang Digantikan

- 8.1 Dokumen dasar ini menggantikan AML/CFT - Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditentukan (DNFBP) & Sektor Bukan Kewangan Lain (Sektor 5) yang mula berkuatkuasa pada 1 November 2013.

9 Ketidakpatuhan

- 9.1 Tindakan penguatkuasaan boleh diambil terhadap institusi pelapor termasuk pengarah, pegawai dan kakitangannya berhubung dengan mana-mana ketidakpatuhan terhadap mana-mana peruntukan yang ditanda sebagai "S" di Bahagian B dokumen dasar ini.

BAHAGIAN B KEHENDAK AML/CFT

10 Pemakaian Pendekatan Berasaskan Risiko

10.1 Fungsi Pengurusan Risiko

- S** 10.1.1 Institusi pelapor dikehendaki untuk menggunakan pendekatan berasaskan risiko untuk mengenal pasti, menilai dan memahami risiko ML/TF yang mereka terdedah kepada dan mengambil langkah AML/CFT yang setara dengan risiko tersebut untuk mengurangkan risiko tersebut dengan berkesan dan cekap
- S** 10.1.2 Institusi pelapor dikehendaki untuk memastikan bahawa pendekatan berasaskan risiko adalah selaras dengan saiz, jenis dan kerumitan operasi perniagaannya.
- S** 10.1.3 Bagi kasino berlesen dan institusi kewangan bukan bank, sebagai tambahan kepada perenggan 10.1.1 dan 10.1.2, fungsi pengurusan risiko AML/CFT hendaklah diselaraskan dan disepadukan dengan keseluruhan fungsi kawalan pengurusan risiko mereka.

10.2 Penilaian Risiko

- S** 10.2.1 Institusi pelapor dikehendaki untuk mengambil langkah yang sesuai untuk mengenal pasti, menilai dan memahami risiko ML/TF mereka di tahap institusi, berhubung dengan faktor risiko pelanggan, negara atau kedudukan geografi, produk, perkhidmatan, transaksi atau saluran penyampaian, dan faktor risiko lain yang berkaitan.
- S** 10.2.2 Dalam menilai risiko ML/TF, institusi pelapor hendaklah melaksanakan proses-proses berikut:
 - (a) mendokumentasikan penilaian risiko dan dapatan;
 - (b) mempertimbangkan semua faktor risiko yang berkaitan sebelum menentukan tahap risiko keseluruhan dan tahap dan jenis mitigasi yang sesuai untuk dilaksanakan;
 - (c) memastikan penilaian risiko sentiasa dikemas kini melalui semakan semula berkala; dan
 - (d) mempunyai mekanisme yang sesuai untuk memberikan maklumat penilaian risiko kepada pihak berkuasa berwajib atau pihak pengawalselia.

- S** 10.2.3 Institusi pelapor dikehendaki untuk melakukan penilaian tambahan sebagaimana dan apabila dikehendaki oleh pihak berkuasa berwibawa atau pihak pengawalselia.
- S** 10.2.4 Institusi pelapor hendaklah berpandukan kepada keputusan NRA yang dikeluarkan oleh NCC dalam menjalankan penilaian risiko mereka sendiri dan hendaklah mengambil langkah-langkah yang dipertingkatkan untuk mengurus dan mengurangkan risiko yang dikenal pasti dalam NRA.
- G** 10.2.5 Dalam melakukan penilaian risiko di perenggan 10.2.1, institusi pelapor boleh mempertimbangkan sama ada:
- (a) ia terdedah kepada jenayah baharu muncul yang utama dan sektor berisiko lebih tinggi yang dikenal pasti dalam NRA ketika menilai risiko ML/TF institusi mereka; dan
 - (b) penambahbaikan kepada Program Pematuhan AML/CFT diperlukan bagi memastikan mana-mana bidang yang mempunyai risiko ML/TF yang lebih tinggi dapat dikurangkan dengan sewajarnya.

10.3 Mengawal dan Mengurangkan Risiko

- S** 10.3.1 Institusi pelapor dikehendaki untuk:
- (a) mempunyai polisi, tatacara dan kawalan untuk mengurus dan mengurangkan risiko ML/TF yang telah dikenalpasti;
 - (b) memantau pelaksanaan polisi, tatacara dan kawalan dan meningkatkannya sekiranya perlu; dan
 - (c) mengambil langkah-langkah yang dipertingkatkan untuk mengurus dan mengurangkan risiko lebih tinggi yang telah dikenal pasti dan ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa penyeliaan.
- S** 10.3.2 Sebagai tambahan kepada perenggan 10.3.1, kasino berlesen dan institusi kewangan bukan bank hendaklah menjalankan ujian kawalan bebas ke atas polisi, tatacara dan kawalan mereka untuk tujuan memantau pelaksanaannya di bawah perenggan 10.3.1 (b).

10.4 Pemprofilan Risiko

- S** 10.4.1 Institusi pelapor dikehendaki membuat pemprofilan risiko ke atas pelanggan dan memberikan kadar risiko ML/TF yang setimpal dengan profil risiko mereka.
- S** 10.4.2 Suatu profil risiko perlu mempertimbangkan faktor-faktor berikut, di mana berkaitan:
- (a) risiko pelanggan (misalnya pemastautin atau bukan pemastautin, jenis pelanggan, sekali sekala atau sekali sahaja, struktur entiti korporat (*legal persons*), jenis PEP, jenis pekerjaan);

- (b) risiko negara atau kedudukan geografi (contohnya lokasi perniagaan, tempat asal pelanggan);
- (c) produk, perkhidmatan, transaksi atau saluran penyampaian (misalnya berasaskan tunai atau bukan berasaskan tunai, bersemuka atau tidak bersemuka, domestik atau rentas sempadan); dan
- (d) sebarang maklumat lain yang menunjukkan bahawa pelanggan dalam kategori risiko lebih tinggi.

- G** 10.4.3 Dalam mengenal pasti faktor risiko negara dan kedudukan geografi di bawah perenggan 10.4.2(b), institusi pelapor boleh merujuk pada sumber yang boleh dipercayai seperti laporan penilaian bersama, laporan susulan dan laporan lain yang berkaitan yang dikeluarkan oleh organisasi antarabangsa dan badan antara kerajaan yang lain.
- S** 10.4.4 Langkah-langkah mengawal dan mengurangkan risiko yang dilaksanakan oleh institusi pelapor hendaklah sepadan dengan profil risiko pelanggan atau jenis pelanggan yang tertentu.
- S** 10.4.5 Selepas proses penerimaan pelanggan buat kali pertama, institusi pelapor dikehendaki untuk mengkaji dan mengemas kini profil risiko pelanggan secara berkala berdasarkan tahap risiko ML/TF mereka.
- S** 10.4.6 Sebagai tambahan kepada perenggan 10.4.1, kasino berlesen diperlukan untuk melakukan pemprofilan risiko ke atas pengendali junket.

10.5 Pelaporan Risiko AML/CFT

- S** 10.5.1 Kasino berlesen dan institusi kewangan bukan bank hendaklah menyediakan pelaporan yang tepat pada masanya mengenai penilaian risiko, profil risiko ML/TF dan keberkesanan langkah-langkah mengawal dan mengurangkan risiko, kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan mereka. Kekerapan pelaporan hendaklah sepadan dengan tahap risiko yang terlibat dan persekitaran pengendaliannya.
- G** 10.5.2 Laporan yang disebut di bawah perenggan 10.5.1 di atas boleh merangkumi perkara berikut:
 - (a) hasil aktiviti pemantauan AML/CFT yang dilakukan oleh kasino berlesen dan institusi kewangan bukan bank seperti tahap pendedahan terhadap risiko ML/TF, pecahan pendedahan risiko ML/TF berdasarkan aktiviti utama atau segmen-segmen pelanggan dan junket, trend laporan transaksi yang mencurigakan dan laporan nilai ambang tunai, trend perintah yang diterima daripada agensi penguatkuasaan undang-undang, sekiranya berkaitan;

- (b) perincian mengenai peristiwa risiko penting yang terbaharu, yang berlaku secara dalaman atau luaran, modus operandi dan kesannya atau potensi kesannya kepada kasino berlesen dan institusi kewangan bukan bank; dan
- (c) perkembangan terkini dalam undang-undang dan peraturan AML/CFT, dan implikasinya terhadap kasino berlesen dan institusi kewangan bukan bank.

10.6 Panduan Risiko

- G** 10.6.1 Institusi pelapor boleh merujuk pada dokumen yang disediakan di Bahagian C dan D dokumen dasar ini, dokumen lain yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwajib atau sumber lain yang boleh dipercayai sebagai panduan mengenai pelaksanaan pendekatan berasaskan risiko.

11 Program Pematuhan AML/CFT

11.1 Pemakaian untuk Institusi Pelapor Bersaiz Kecil

- S** 11.1.1 Untuk institusi pelapor bersaiz kecil seperti yang ditakrifkan di bawah perenggan 6.2, pengecualian atau pemudahan yang berikut adalah diterima pakai:
- (a) Perenggan 11.2 mengenai kehendak Polisi, Tatacara dan Kawalan tidak terpakai. Walau bagaimanapun, institusi pelapor yang sedemikian hendaklah, sekurang-kurangnya, menerima pakai dokumen dasar ini sebagai polisi dan tatacara mereka;
 - (b) Perenggan 11.3.4 (c) dan (f) mengenai kehendak Lembaga Pengarah adalah tidak terpakai;
 - (c) Perenggan 11.4.2 (b), (c) dan (h) mengenai kehendak Pengurusan Kanan adalah tidak terpakai. Walau bagaimanapun, kelulusan keseluruhan Program Pematuhan dan usaha wajar yang dipertingkatkan (CDD yang dipertingkatkan) masih berada di dalam akauntabiliti individu yang mempunyai kawalan terhadap operasi keseluruhan institusi pelapor;
 - (d) Perenggan 11.7 mengenai kehendak Saringan Kakitangan hanya terpakai pada proses awal pengambilan;
 - (e) Perenggan 11.8 mengenai kehendak Program Latihan dan Kesedaran Kakitangan hendaklah diterima pakai menggunakan pendekatan yang dipermudahkan, seperti melalui latihan semasa kerja dan program latihan pihak ketiga; dan
 - (f) Perenggan 11.9 mengenai kehendak Fungsi Audit Bebas adalah dikecualikan.
- S** 11.1.2 Walau apa pun yang dinyatakan dalam perenggan 11.1.1, institusi pelapor tersebut dikehendaki mematuhi kehendak Program Pematuhan AML/CFT sebagaimana dan apabila ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa pengawalselia.

11.2 Polisi, Tatacara dan Kawalan

- S** 11.2.1 Institusi pelapor dikehendaki untuk membangunkan polisi, tatacara dan kawalan dalaman AML/CFT yang sepadan dengan risiko ML/TF mereka serta saiz, jenis dan kerumitan operasi perniagaan mereka.
- S** 11.2.2 Institusi pelapor hendaklah memastikan bahawa polisi dan tatacara sentiasa dikemas kini selaras dengan kehendak pengawalseliaan.

- S** 11.2.3 Untuk tujuan perenggan 11.2.2, institusi pelapor dikehendaki untuk:
- (a) mendokumentasikan apa-apa perubahan pada polisi, tatacara dan kawalan dalaman;
 - (b) mendokumentasikan komunikasi tentang perubahan tersebut kepada pekerja; dan
 - (c) memastikan (a) dan (b) tersedia kepada pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa penyeliaan, apabila diminta.

11.3 Lembaga Pengarah

Secara Umum

- S** 11.3.1 Ahli lembaga pengarah mesti memahami peranan dan tanggungjawab mereka dalam menguruskan risiko ML/TF yang dikenal pasti oleh institusi pelapor.
- S** 11.3.2 Ahli lembaga pengarah mesti mempunyai pengetahuan dan kesedaran mengenai risiko ML/TF yang berkaitan dengan strategi perniagaan, saluran penyampaian dan liputan geografi produk dan perkhidmatan perniagaannya.
- S** 11.3.3 Ahli lembaga pengarah mesti memahami langkah-langkah AML/CFT yang dikehendaki oleh undang-undang yang berkaitan, instrumen yang dikeluarkan di bawah AMLA, serta standard dan amalan terbaik industri dalam melaksanakan langkah-langkah AML/CFT.

Peranan dan Tanggungjawab

- S** 11.3.4 Lembaga Pengarah mempunyai peranan dan tanggungjawab seperti yang berikut:
- (a) memelihara akauntabiliti dan pengawasan dalam membangunkan polisi dan standard minimum AML/CFT;
 - (b) meluluskan polisi mengenai langkah-langkah AML/CFT dalam institusi pelapor, termasuk langkah-langkah yang dikehendaki untuk penilaian risiko, mitigasi dan pemprofilan, usaha wajar pelanggan (CDD), penyimpanan rekod, usaha wajar yang berterusan, laporan transaksi yang mencurigakan dan memerangi pembiayaan keganasan;
 - (c) meluluskan mekanisme yang sesuai untuk memastikan polisi AML/CFT dikaji semula dan dinilai secara berkala sejajar dengan perubahan dan perkembangan produk dan perkhidmatan institusi pelapor, teknologi serta trend dalam ML/TF;
 - (d) meluluskan sistem kawalan dalaman AML/CFT yang berkesan dan mengekalkan pengawasan yang mencukupi terhadap keseluruhan langkah-langkah AML/CFT yang dilaksanakan oleh institusi pelapor;

- (e) menentukan garis kuasa dan tanggungjawab untuk melaksanakan langkah-langkah AML/CFT dan memastikan terdapat pemisahan tugas antara mereka yang melaksanakan polisi dan tatacara dengan mereka yang menguatkuasakan kawalan;
- (f) memastikan fungsi audit dalaman yang berkesan dalam menilai dan menaksir kemantapan dan kecukupan kawalan yang dilaksanakan untuk mencegah ML/TF;
- (g) menilai pelaksanaan polisi AML/CFT yang diluluskan melalui pelaporan berkala dan kemas kini oleh Pengurusan Kanan dan Jawatankuasa Audit; dan
- (h) menubuhkan Sistem Pengurusan Maklumat (MIS) yang mencerminkan jenis operasi institusi pelapor, saiz perniagaan, kerumitan operasi dan struktur perniagaan, profil risiko produk dan perkhidmatan yang ditawarkan dan liputan geografi.

11.4 Pengurusan Kanan

- S** 11.4.1 Pengurusan Kanan bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dan pengurusan program pematuhan AML/CFT berdasarkan kepada polisi, tatacara dan kawalan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, kehendak undang-undang, peraturan, garis panduan dan standard dan amalan terbaik industri.

Peranan dan Tanggungjawab

- S** 11.4.2 Pengurusan Kanan mempunyai peranan dan tanggungjawab seperti berikut:
- (a) sedar dan faham akan risiko ML/TF yang berkaitan dengan strategi perniagaan, saluran penyampaian dan liputan geografi produk dan perkhidmatan perniagaan yang ditawarkan dan yang akan ditawarkan termasuk produk baharu, saluran penyampaian baharu dan liputan geografi baharu;
 - (b) merumuskan polisi AML/CFT untuk memastikannya selaras dengan profil risiko, jenis perniagaan, kerumitan, jumlah transaksi yang dilakukan oleh institusi pelapor dan liputan geografinya;
 - (c) menubuhkan mekanisme yang sesuai dan merumuskan tatacara untuk melaksanakan polisi dan kawalan dalaman AML/CFT yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah secara berkesan, termasuk mekanisme dan tatacara untuk memantau dan mengesan transaksi yang kompleks dan luar biasa;
 - (d) melakukan semakan semula dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tentang penambahbaikan yang diperlukan terhadap polisi AML/CFT untuk mencerminkan perubahan dalam profil risiko institusi pelapor, struktur perniagaan institusi dan kumpulan, saluran penyampaian dan liputan geografi;

- (e) memberikan pelaporan berkala tepat pada masanya kepada Lembaga Pengarah mengenai tahap risiko ML/TF yang dihadapi institusi pelapor, kekuatan dan kecukupan pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang dilaksanakan untuk mengurus risiko dan perkembangan terkini berkenaan AML/CFT yang boleh memberi kesan kepada institusi pelapor;
- (f) memperuntukkan sumber yang mencukupi bagi melaksanakan dan mentadbir program pematuhan AML/CFT dengan berkesan yang mencerminkan saiz, jenis dan kerumitan operasi dan profil risiko institusi pelapor;
- (g) melantik Pegawai Pematuhan di peringkat pengurusan di Ibu Pejabat dan melantik Pegawai Pematuhan di peringkat pengurusan di setiap cawangan atau subsidiari;
- (h) memastikan tahap latihan AML/CFT yang sesuai untuk kakitangan di semua peringkat dalam organisasi, jika berkaitan;
- (i) memastikan terdapat saluran komunikasi yang betul untuk menyampaikan polisi dan tatacara AML/CFT dengan berkesan kepada semua peringkat kakitangan;
- (j) memastikan bahawa isu AML/CFT yang dibangkitkan dapat ditangani tepat pada masanya; dan
- (k) memastikan integriti kakitangan dengan mewujudkan tatacara penilaian kakitangan yang sesuai.

11.5 Pengaturan Pengurusan Pematuhan di Ibu Pejabat

- | | | |
|----------|--------|--|
| S | 11.5.1 | Pegawai Pematuhan hendaklah bertindak sebagai rujukan utama untuk hal-hal berkaitan AML/CFT dalam institusi pelapor. |
| S | 11.5.2 | Pegawai Pematuhan hendaklah mempunyai tahap kedudukan, kuasa dan senioriti yang mencukupi dalam institusi pelapor supaya dapat mengambil bahagian dan mempengaruhi secara berkesan keputusan yang berkaitan dengan perkara-perkara AML/CFT. |
| S | 11.5.3 | Pegawai Pematuhan hendaklah layak dan sesuai untuk melaksanakan tanggungjawab AML/CFT dengan berkesan. |
| S | 11.5.4 | <p>Bagi tujuan perenggan 11.5.3, “layak dan sesuai” hendaklah termasuk kriteria minimum yang berkaitan dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) kejujuran, integriti peribadi dan reputasi; (b) kecekapan dan keupayaan; dan (c) integriti kewangan |

- G** 11.5.5 Merujuk kepada kehendak di bawah perenggan 11.5.4(a), institusi pelapor boleh mempertimbangkan faktor-faktor atau contoh-contoh berikut yang boleh menjejaskan keberkesanan pelaksanaan tanggungjawab Pegawai Pematuhan, sama ada individu tersebut:
- (a) sedang atau pernah menjadi subjek dalam sebarang prosiding berkaitan tatatertib atau yang bersifat jenayah yang berat;
 - (b) telah melanggar mana-mana peruntukan yang dibuat oleh atau di bawah apa-apa undang-undang bertulis yang digubal untuk melindungi orang ramai daripada kerugian kewangan berpunca daripada ketidakjujuran, ketidakcekapan atau penyelewengan;
 - (c) telah melanggar mana-mana kehendak dan standard yang berkaitan dengan kelayakan dan kesesuaian yang dikeluarkan oleh badan pengawalseliaan, kerajaan atau agensinya atau SRB;
 - (d) telah terlibat dalam apa-apa amalan perniagaan yang menipu, menindas atau tidak wajar (sama ada haram di sisi undang-undang atau tidak), atau yang sebaliknya mencerminkan kesangsian terhadap tingkah laku profesionalnya;
 - (e) telah diberhentikan, dikehendaki untuk melepaskan jawatan atau telah dilepaskan jawatan daripada suatu pekerjaan atau daripada suatu kedudukan amanah, pelantikan fidusiari atau jawatan yang serupa kerana persoalan mengenai kejujuran dan integriti; dan
 - (f) telah bertindak secara tidak adil atau tidak jujur pada masa lalu, dalam urusannya dengan pelanggan, majikan, juruaudit dan pihak berkuasa pengawalseliaan.
- G** 11.5.6 Merujuk kepada kehendak di bawah perenggan 11.5.4(b), institusi pelapor boleh mempertimbangkan sama ada individu itu mempunyai prestasi atau kepakaran masa lalu yang memuaskan, dengan mempertimbangkan saiz, jenis dan tahap kerumitan operasi perniagaan mereka.
- G** 11.5.7 Merujuk kepada kehendak di bawah perenggan 11.5.4(c), institusi pelapor boleh mempertimbangkan faktor-faktor berikut:
- (a) sama ada beliau pernah dan akan dapat memenuhi obligasi kewangannya, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, sebaik sahaja dan apabila tiba tempoh pembayaran; dan
 - (b) sama ada individu tersebut menjadi subjek kepada hutang penghakiman yang belum dilunaskan, baik secara keseluruhan atau sebahagian.
- G** 11.5.8 Dalam menjalankan penilaian di bawah perenggan 11.5.4(c) dan 11.5.7, institusi pelapor boleh merujuk kepada pangkalan data kewangan atau kredit komersial yang tersedia, menghendaki individu tersebut untuk mengemukakan laporan kredit yang berkaitan atau melengkapkan pengisytiharan sendiri mengenai maklumat yang diperlukan, bergantung pada saiz, jenis dan kerumitan operasi perniagaan mereka.

- S** 11.5.9 Pegawai Pematuhan perlu mempunyai pengetahuan dan kepakaran yang diperlukan untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya dengan berkesan, termasuk mengikuti perkembangan terkini berkenaan teknik ML/TF dan langkah-langkah AML/CFT yang dilakukan oleh industri.
- G** 11.5.10 Pegawai Pematuhan digalakkan untuk mempunyai pensijilan AML/CFT atau kelayakan profesional yang berkaitan untuk melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan.
- S** 11.5.11 Institusi pelapor dikehendaki untuk memastikan bahawa peranan dan tanggungjawab Pegawai Pematuhan ditentukan dan didokumentasikan dengan jelas.
- S** 11.5.12 Pegawai Pematuhan mempunyai kewajipan untuk memastikan:
- (a) pematuhan dengan kehendak AML/CFT;
 - (b) pelaksanaan polisi dan tatacara AML/CFT yang bersesuaian dengan berkesan, termasuk CDD, penyimpanan rekod, usaha wajar yang berterusan, laporan transaksi yang mencurigakan dan memerangi pembiayaan keganasan;
 - (c) penilaian berkala ke atas mekanisme AML/CFT agar berkesan dan mencukupi untuk menangani sebarang perubahan dalam trend ML/TF;
 - (d) keselamatan dan kerahsiaan komunikasi daripada pekerja kepada pegawai pematuhan di cawangan atau subsidiari dan seterusnya kepada Pegawai Pematuhan;
 - (e) semua kakitangan mempunyai kesedaran terhadap langkah-langkah AML/CFT institusi pelapor, termasuk polisi, mekanisme kawalan dan saluran pelaporan;
 - (f) mewujudkan dan mengekalkan kriteria dalaman yang berkaitan (petunjuk transaksi yang mencurigakan) untuk membolehkan pengenalanpastian dan pengesanan transaksi yang mencurigakan;
 - (g) penilaian yang sewajarnya dibuat oleh pegawai pematuhan di cawangan atau subsidiari terhadap laporan transaksi mencurigakan yang dijana secara dalaman sebelum dilaporkan dengan kadar segera kepada Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan, Bank Negara Malaysia;
 - (h) pengenalanpastian risiko ML/TF yang betul berkaitan dengan produk atau perkhidmatan yang baharu atau risiko yang timbul daripada perubahan operasi institusi pelapor, termasuk pengenalan teknologi dan proses yang baharu; dan
 - (i) pematuhan dengan apa-apa obligasi lain yang dikenakan di bawah AMLA, perundangan subsidiari dan instrumen yang berkaitan.

- S** 11.5.13 Institusi pelapor dikehendaki untuk memaklumkan kepada Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan, Bank Negara Malaysia secara bertulis atau dengan melengkapkan borang yang disediakan di Bahagian C dokumen polisi ini dalam masa sepuluh hari bekerja, mengenai pelantikan atau pertukaran Pegawai Pematuhan, termasuk butiran terperinci seperti nama, jawatan, alamat pejabat, nombor telefon pejabat, nombor faks, alamat e-mel dan maklumat-maklumat lain yang mungkin diperlukan.

11.6 Ujian Kelayakan dan Kesesuaian untuk Junket

- S** 11.6.1 Kasino berlesen dikehendaki untuk memastikan bahawa semua junket adalah layak dan sesuai sebelum melantik, mendaftar atau meluluskan permohonan dari mana-mana junket. Untuk junket yang sedia ada, kasino berlesen hendaklah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa mereka layak dan sesuai.
- S** 11.6.2 Bagi tujuan perenggan 11.6.1, "layak dan sesuai" hendaklah termasuk kriteria minimum yang berkaitan dengan:
(a) kejujuran, integriti peribadi dan reputasi;
(b) kecekapan dan keupayaan; dan
(c) integriti kewangan
- S** 11.6.3 Selepas pelantikan, pendaftaran atau kelulusan asal junket, kasino berlesen dikehendaki untuk menilai kelayakan dan kesesuaian junkets secara berkala berdasarkan tahap risiko ML/TF.
- G** 11.6.4 Merujuk kepada kehendak di bawah perenggan 11.6.2, kasino berlesen boleh mengambil kira faktor-faktor yang disediakan di bawah perenggan 11.5.5, 11.5.6, 11.5.7 dan 11.5.8.

11.7 Tatacara Saringan Kakitangan

- S** 11.7.1 Institusi pelapor dikehendaki untuk mewujudkan tatacara penilaian kakitangan yang sepadan dengan saiz, jenis dan tahap kerumitan operasi perniagaan mereka dan pendedahan kepada risiko ML/TF.
- S** 11.7.2 Untuk kasino berlesen, saringan kakitangan hendaklah dilakukan ke atas junket yang dinilai mempunyai risiko ML/TF yang lebih tinggi.
- S** 11.7.3 Tatacara saringan hendaklah dilaksanakan pada permulaan pengambilan kakitangan dan sepanjang tempoh pekerjaan.
- S** 11.7.4 Tatacara penilaian pekerja di bawah perenggan 11.7.1 hendaklah merangkumi:
(a) penilaian ke atas maklumat peribadi kakitangan termasuk sejarah pekerjaan dan kewangan; dan

(b) parameter atau keadaan yang jelas untuk mencetuskan penyaringan semula ke atas kakitangan semasa tempoh pekerjaan.

- G** 11.7.5 Dalam menjalankan penilaian ke atas sejarah kewangan, institusi pelapor boleh merujuk kepada pangkalan data kewangan atau kredit komersial yang tersedia, menghendaki pekerja untuk mengemukakan laporan kredit yang berkaitan atau melengkapkan pengisytiharan sendiri mengenai maklumat yang diperlukan.
- G** 11.7.6 Parameter untuk mencetuskan penyaringan semula boleh termasuk perubahan fungsi kerja atau tanggungjawab, kenaikan pangkat, atau berada dalam jawatan yang sama untuk tempoh yang lama.
- G** 11.7.7 Institusi pelapor boleh menentukan bahawa beberapa fungsi tidak tertakluk kepada kehendak saringan, dengan syarat bahawa fungsi-fungsi tersebut tidak mempunyai urusan langsung dengan pelanggan dan/atau tidak terlibat dalam pemantauan transaksi, berdasarkan kepada saiz, jenis dan kerumitan operasi perniagaan dan profil risiko ML/TF.

11.8 Latihan dan Kesedaran untuk Kakitangan

- S** 11.8.1 Institusi pelapor hendaklah menjalankan program kesedaran dan latihan mengenai amalan dan langkah-langkah AML/CFT untuk kakitangan mereka. Program latihan sedemikian mesti dijalankan secara berkala dan ditambah dengan kursus ulang kaji (*refresher courses*) mengikut jarak waktu yang sesuai.
- S** 11.8.2 Latihan yang dijalankan untuk kakitangan hendaklah bersesuaian dengan tahap tanggungjawab mereka dalam mengesan aktiviti ML/TF dan risiko ML/TF yang dikenal pasti oleh institusi pelapor.
- S** 11.8.3 Kakitangan yang berurusan secara langsung dengan pelanggan hendaklah dilatih tentang amalan dan langkah-langkah AML/CFT sebelum berurusan dengan pelanggan.
- S** 11.8.4 Skop latihan perlu merangkumi, sekurang-kurangnya :
- (a) risiko ML/TF;
 - (b) CDD, CDD yang dipertingkatkan dan usaha wajar yang berterusan;
 - (c) saringan sekatan kewangan bersasar;
 - (d) pemprofilan risiko dan penilaian risiko;
 - (e) mekanisme pelaporan transaksi yang mencurigakan dan petunjuk transaksi yang mencurigakan (*red flags*); dan
 - (f) penyimpanan rekod.

- G** 11.8.5 Institusi pelapor boleh mempertimbangkan pengedaran surat pekeliling, panduan, penerbitan dan kehadiran secara berterusan ke program pendidikan yang disediakan oleh pihak berkuasa berwibawa, SRB dan/atau agensi-agensi lain yang berkaitan dalam membangunkan, dan sebagai sebahagian daripada program latihan dalamannya.
- S** 11.8.6 Institusi pelapor hendaklah mendokumentasikan penyediaan latihan kepada kakitangan, termasuk perincian mengenai tarikh dan jenis latihan yang disediakan.
- S** 11.8.7 Institusi pelapor hendaklah menyediakan polisi dan tatacara AML/CFT untuk semua kakitangan dan langkah-langkah AML/CFT yang didokumenkan mesti mengandungi sekurang-kurangnya perkara yang berikut:
(a) dokumen-dokumen berkaitan AML/CFT yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa penyeliaan yang berkaitan; dan
(b) polisi dan tatacara AML/CFT dalaman institusi pelapor.
- S** 11.8.8 Kakitangan hendaklah dimaklumkan bahawa mereka mungkin akan dipertanggungjawabkan secara peribadi ke atas sebarang kegagalan untuk mematuhi kehendak AML/CFT.
- G** 11.8.9 Institusi pelapor boleh menentukan bahawa beberapa fungsi tidak tertakluk kepada kehendak latihan AML/CFT, dengan syarat fungsi-fungsi tersebut tidak mempunyai urusan langsung dengan pelanggan dan/atau tidak terlibat dalam pemantauan transaksi, berdasarkan kepada saiz, jenis dan kerumitan operasi perniagaan dan profil risiko ML/TF.

Latihan untuk Junket

- S** 11.8.10 Kasino berlesen hendaklah menjalankan program latihan dan kesedaran mengenai amalan dan langkah-langkah AML/CFT untuk junket.
- S** 11.8.11 Kekerapan dan skop program latihan dan kesedaran hendaklah sepadan dengan tahap risiko ML/TF junket berdasarkan profil risiko mereka seperti yang dinilai di bawah perenggan 10.4.6.
- S** 11.8.12 Skop latihan untuk junket hendaklah merangkumi, sekurang-kurangnya :
(a) polisi dan tatacara AML/CFT kasino berlesen tersebut; dan
(b) CDD, CDD yang dipertingkatkan dan usaha wajar yang berterusan.

11.9 Fungsi Juruaudit Bebas

- S** 11.9.1 Lembaga Pengarah hendaklah memastikan audit bebas secara berkala dilaksanakan ke atas langkah-langkah AML/CFT dalaman untuk menentukan keberkesanan dan kepatuhan terhadap AMLA, perundangan dan instrumen subsidiari, dokumen berkaitan AML/CFT yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwajib serta kehendak undang-undang dan peraturan pihak berkuasa penyeliaan yang lain yang berkaitan, jika berkenaan.
- S** 11.9.2 Bagi tujuan perenggan 11.9.1, fungsi audit bebas hendaklah diasingkan daripada fungsi pematuhan.
- G** 11.9.3 Institusi pelapor boleh melantik juruaudit dalaman atau luaran untuk menjalankan fungsi audit bebas.
- S** 11.9.4 Lembaga Pengarah hendaklah memastikan bahawa peranan dan tanggungjawab juruaudit ditentukan dan didokumentasikan dengan jelas. Peranan dan tanggungjawab juruaudit merangkumi, sekurang-kurangnya:
- (a) memeriksa dan menguji kepatuhan dengan polisi, tatacara dan kawalan AML/CFT serta keberkesanannya; dan
 - (b) menilai sama ada langkah-langkah semasa adalah selaras dengan perkembangan terkini dan perubahan dalam kehendak AML/CFT yang berkaitan.
- S** 11.9.5 Lembaga Pengarah hendaklah menentukan dan memastikan kekerapan dan skop audit bebas sepadan dengan risiko ML/TF dan kelemahan yang dinilai oleh institusi pelapor.
- S** 11.9.6 Skop audit bebas merangkumi, sekurang-kurangnya:
- (a) pematuhan dengan AMLA, perundangan dan instrumen subsidiari yang dikeluarkan di bawah AMLA;
 - (b) pematuhan dengan polisi dan tatacara AML/CFT dalaman institusi pelapor;
 - (c) kecukupan dan keberkesanan Program Pematuhan AML/CFT; dan
 - (d) kebolehpercayaan, integriti dan ketepatan masa pelaporan dalaman dan sistem pengurusan maklumat.

- G** 11.9.7 Dalam menentukan kekerapan audit bebas, institusi pelapor boleh berpandukan kepada keadaan yang berikut:
- (a) perubahan struktur perniagaan institusi pelapor seperti penggabungan dan pengambilalihan;
 - (b) perubahan pada bilangan atau jumlah transaksi yang dilaporkan kepada Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan, Bank Negara Malaysia;
 - (c) pengenalan produk dan perkhidmatan yang baharu atau saluran penyampaian baharu; atau
 - (d) ketidakpatuhan yang terdahulu di bawah AMLA yang mengakibatkan tindakan penyeliaan dan/atau penguatkuasaan diambil terhadap institusi pelapor tersebut.
- S** 11.9.8 Walau apa pun dalam perenggan 11.9.5, institusi pelapor hendaklah mematuhi apa-apa kehendak tambahan mengenai kekerapan dan skop audit bebas seperti yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa.
- S** 11.9.9 Juruaudit hendaklah mengemukakan laporan audit secara bertulis kepada Lembaga Pengarah untuk memaparkan penilaian mengenai keberkesanan langkah-langkah AML/CFT yang telah dilaksanakan dan kekurangan dalam kawalan dalaman dan tatacara termasuk langkah-langkah pembetulan yang disyorkan.
- S** 11.9.10 Institusi pelapor hendaklah memastikan bahawa laporan audit tersebut termasuk dapatan audit dan langkah-langkah pembetulan yang telah diambil, boleh disediakan untuk pihak berkuasa berwibawa, apabila dikehendaki.
- S** 11.9.11 Walau apa pun dalam perenggan 11.9.10, kasino berlesen dan institusi kewangan bukan bank hendaklah memastikan bahawa laporan audit termasuk dapatan audit dan langkah-langkah pembetulan yang telah diambil dikemukakan kepada Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan, Bank Negara Malaysia dalam masa sepuluh hari bekerja dari tarikh penyerahan kepada Lembaga Pengarah.

12 Produk dan Amalan Perniagaan yang Baharu

- S** 12.1 Institusi pelapor dikehendaki untuk mengenal pasti dan menilai risiko ML/TF yang mungkin timbul sehubungan dengan perkembangan produk dan amalan perniagaan yang baharu, termasuk mekanisme penyampaian baharu dan penggunaan teknologi baharu atau yang sedang dibangunkan untuk kedua-dua produk baharu dan produk yang sedia ada.
- S** 12.2 Institusi pelapor dikehendaki untuk:
- (a) melakukan penilaian risiko sebelum pelancaran atau penggunaan produk, amalan dan teknologi tersebut; dan
 - (b) mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengurus dan mengurangkan risiko.

13 Pemakaian untuk Cawangan dan Subsidiari Asing

13.1 Cawangan dan Subsidiari Asing

- S** 13.1.1 Kehendak di bawah perenggan 13 ini hanya terpakai untuk institusi kewangan bukan bank, jika berkaitan.
- S** 13.1.2 Institusi pelapor dikehendaki untuk mengawasi secara dekat cawangan atau subsidiari asing institusi pelapor yang beroperasi dalam negara yang tidak mempunyai undang-undang dan peraturan AML/CFT yang mencukupi seperti yang telah dinyatakan oleh FATF atau Kerajaan Malaysia.
- S** 13.1.3 Institusi pelapor hendaklah memastikan bahawa cawangan dan subsidiari asing menggunakan langkah-langkah AML/CFT dengan cara yang konsisten dengan kehendak AML/CFT di Malaysia. Sekiranya kehendak minimum AML/CFT di negara tuan rumah adalah kurang ketat daripada Malaysia, institusi pelapor hendaklah menggunakan kehendak AML/CFT Malaysia, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan negara tuan rumah.
- S** 13.1.4 Sekiranya negara tuan rumah tidak membenarkan pelaksanaan langkah-langkah AML/CFT yang betul yang selaras dengan kehendak AML/CFT di Malaysia, institusi pelapor adalah dikehendaki untuk menggunakan langkah-langkah tambahan untuk menguruskan risiko ML/TF, dan melaporkan kepada pihak berkuasa berwibawa mengenai jurang AML/CFT dan langkah-langkah tambahan yang dilaksanakan untuk menguruskan risiko ML/TF yang berpunca daripada jurang yang telah dikenal pasti.
- G** 13.1.5 Institusi pelapor boleh mempertimbangkan untuk memberhentikan operasi cawangan atau subsidiari yang tidak dapat melaksanakan kawalan mitigasi yang diperlukan seperti yang dikehendaki di bawah perenggan 13.1.4.

14 Usaha Wajar Pelanggan (*Customer Due Diligence, CDD*)

- S** 14.1 Institusi pelapor dikehendaki untuk menjalankan CDD terhadap pelanggan dan orang yang menjalankan transaksi, apabila:
- (a) memulakan hubungan perniagaan;
 - (b) menjalankan sebarang transaksi atau transaksi secara sekali sekala yang melibatkan keadaan atau amaun sebagaimana yang ditentukan di bawah perenggan 14A hingga 14H;
 - (c) mempunyai sebarang rasa syak berkaitan ML/TF, tanpa mengira amaun; atau
 - (d) mempunyai sebarang keraguan terhadap kebenaran atau kecukupan maklumat yang diperoleh sebelum ini.
- S** 14.2 Institusi pelapor juga dikehendaki untuk mematuhi kehendak CDD yang lain seperti yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwajib dari semasa ke semasa.
- S** 14.3 Semasa menjalankan CDD, institusi pelapor dikehendaki untuk:
- (a) mengenal pasti pelanggan dan menentusahkan identiti pelanggan tersebut menggunakan dokumen sumber, data atau maklumat yang boleh dipercayai dan bebas;
 - (b) menentusahkan bahawa mana-mana orang yang bertindak bagi pihak pelanggan diberi kuasa untuk berbuat sedemikian, dan mengenal pasti dan menentusahkan identiti orang tersebut;
 - (c) mengenal pasti pemilik benefisial dan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menentusahkan identiti pemilik benefisiari tersebut, dengan menggunakan maklumat atau data yang berkaitan yang diperoleh daripada sumber yang boleh dipercayai, sehingga institusi pelapor berpuas hati bahawa institusi pelapor mengetahui siapa pemilik benefisial; dan
 - (d) memahami, dan sekiranya berkaitan, memperoleh maklumat mengenai tujuan dan jenis hubungan perniagaan yang diniatkan.
- S** 14.4 Dalam menjalankan CDD, institusi pelapor dikehendaki untuk mematuhi kehendak sekatan kewangan bersasar yang berkaitan dengan:
- (a) pembiayaan keganasan di bawah perenggan 23; dan
 - (b) pembiayaan percambahan senjata pemusnah besar-besaran dan sekatan PBB yang lain di bawah perenggan 24.

Penentusahan

- S** 14.5 Institusi pelapor mesti menentusahkan dan berpuas hati dengan identiti pelanggan atau pemilik benefisial melalui dokumentasi, data elektronik atau apa-apa langkah lain yang boleh dipercayai dan bebas, yang difikirkan wajar oleh institusi pelapor.
- S** 14.6 Institusi pelapor hendaklah menentukan takat bagi kaedah penentusahan yang sepadan dengan risiko ML/TF yang telah dikenal pasti.

- S** 14.7 Institusi pelapor mesti berpuas hati dengan kebenaran maklumat dalam perenggan 14.5 apabila menentusahkan identiti pelanggan atau pemilik benefisiari.
- S** 14.8 Institusi pelapor hendaklah menentusahkan identiti pelanggan atau pemilik benefisiari sebelum atau semasa memulakan hubungan perniagaan atau menjalankan transaksi untuk pelanggan sekali-sekala.
- G** 14.9 Bagi tujuan perenggan 14.5, institusi pelapor boleh memperoleh maklumat yang tersedia melalui pangkalan data komersial atau awam untuk menentusahkan identiti pelanggan atau pemilik benefisiari.

14.10 Langkah-langkah CDD yang Standard

Pelanggan Individu dan Pemilik Benefisial

- S** 14.10.1 Dalam menjalankan CDD, institusi pelapor dikehendaki untuk mengenal pasti pelanggan individu dan pemilik benefisiari, dengan memperoleh sekurang-kurangnya maklumat berikut:
- (a) nama penuh;
 - (b) Nombor Kad Pengenalan Pendaftaran Negara (Kad Pengenalan) atau nombor pasport atau nombor rujukan sebarang dokumen rasmi yang lain daripada pelanggan atau pemilik benefisial;
 - (c) alamat kediaman dan surat-menyurat;
 - (d) tarikh lahir;
 - (e) kewarganegaraan;
 - (f) jenis pekerjaan;
 - (g) nama majikan atau jenis pekerjaan sendiri atau jenis perniagaan;
 - (h) nombor telefon (rumah, pejabat atau telefon bimbit); dan
 - (i) tujuan transaksi.
- S** 14.10.2 Institusi pelapor hendaklah menentusahkan identiti pelanggan dan pemilik benefisial.

Entiti Korporat (Legal Persons)

- S** 14.10.3 Bagi pelanggan yang merupakan entiti korporat (*legal persons*), institusi pelapor dikehendaki untuk memahami jenis perniagaan pelanggan, struktur pemilikan dan struktur kawalannya.

- S** 14.10.4 Institusi pelapor dikehendaki untuk mengenal pasti pelanggan dan menentusahkan identitinya melalui maklumat berikut:
- (a) nama, jenis pembentukan dari segi undang-undang dan bukti kewujudan, seperti Sijil Pemerbadanan / Perlembagaan / Perjanjian Perkongsian (salinan yang disahkan benar / salinan yang disahkan oleh notari, boleh diterima) atau apa-apa rujukan lain yang boleh dipercayai untuk menentusahkan identiti pelanggan;
 - (b) kuasa yang mengawal dan mengikat pelanggan seperti resolusi pengarah, serta nama orang yang berkaitan yang mempunyai jawatan Pengurusan Kanan; dan
 - (c) alamat pejabat berdaftar dan, jika berbeza, tempat perniagaan utama.
- S** 14.10.5 Institusi pelapor dikehendaki untuk mengenal pasti dan menentusahkan orang yang diberi kuasa untuk mewakili syarikat atau perniagaan sama ada melalui surat kuasa atau resolusi pengarah apabila berurusan dengan orang tersebut.
- S** 14.10.6 Institusi pelapor dikehendaki untuk mengenal pasti dan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menentusahkan identiti pemilik benefisiari mengikut urutan berikut:
- (a) identiti orang sebenar yang secara mutlak mempunyai kepentingan kawalan pemilikan dalam entiti korporat (*legal persons*). Pada tahap minimum, ini termasuk mengenal pasti pengarah/pemegang saham dengan kepentingan ekuiti lebih daripada dua puluh lima peratus/rakan kongsi;
 - (b) setakat mana terdapat keraguan sama ada orang dengan kepentingan kawalan pemilikan adalah pemilik benefisiari yang dirujuk dalam perenggan 14.10.6(a) atau sekiranya tiada orang sebenar yang melakukan kawalan melalui kepentingan pemilikan, identiti orang sebenar (jika ada) yang menjalankan kawalan ke atas entiti korporat (*legal persons*) tersebut melalui cara lain; dan
 - (c) sekiranya tiada orang sebenar yang dikenal pasti di bawah perenggan 14.10.6(a) atau (b), identiti orang sebenar yang berkaitan yang memegang jawatan Pengurusan Kanan.
- G** 14.10.7 Bagi tujuan perenggan 14.10.6(b), menjalankan kawalan ke atas entiti korporat (*legal persons*) dengan cara yang lain boleh merangkumi menjalankan kawalan melalui penama atau orang lain yang berhak melantik atau menyingkirkan mana-mana ahli Lembaga Pengarah entiti korporat (*legal persons*) tersebut.
- S** 14.10.8 Sekiranya terdapat keraguan mengenai identiti orang di bawah perenggan 14.10.4, 14.10.5 dan 14.10.6, institusi pelapor hendaklah:
- (a) melakukan pencarian atau siasatan asas mengenai latar belakang orang tersebut bagi memastikan bahawa orang

tersebut belum atau tidak berada di dalam proses pembubaran atau likuidasi, atau merupakan seorang muflis; dan

- (b) menentusahkan kesahihan maklumat yang diberikan oleh orang tersebut dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan atau mana-mana pihak berkuasa lain yang berkaitan.

- | | | |
|----------|----------|---|
| S | 14.10.9 | <p>Institusi pelapor dikecualikan daripada mendapatkan salinan Sijil Pemernbadanan atau Perlembagaan dan daripada menentusahkan identiti pengarah dan pemegang saham entiti korporat (<i>legal persons</i>) yang berada dalam kategori berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">(a) syarikat tersenarai awam atau perbadanan yang disenaraikan di Bursa Malaysia;(b) syarikat tersenarai awam asing:<ul style="list-style-type: none">(i) disenaraikan di bursa yang diiktiraf; dan(ii) tidak tersenarai di negara berisiko lebih tinggi;(c) institusi kewangan asing yang bukan dari negara berisiko lebih tinggi;(d) orang yang dibenarkan di bawah FSA 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (iaitu mana-mana orang yang telah diberi lesen atau kelulusan);(e) orang yang dilesenkan atau didaftarkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;(f) entiti berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 dan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010;(g) institusi yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002; atau(h) entiti berlesen di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011. |
| S | 14.10.10 | <p>Walau apa pun dinyatakan di atas, institusi pelapor dikehendaki untuk mengenalpasti dan menyimpan maklumat yang berkaitan dengan identiti pengarah dan pemegang saham entiti korporat (<i>legal persons</i>) yang dirujuk dalam perenggan 14.10.9(a) hingga (h) melalui daftar awam, sumber lain yang boleh dipercayai atau berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pelanggan.</p> |
| G | 14.10.11 | <p>Institusi pelapor boleh merujuk kepada Arahan berhubung dengan Bursa Saham yang Diiktiraf (R/R6 pada tahun 2012) yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia dalam menentukan bursa asing yang diiktiraf.</p> |

Pengaturan yang Berasaskan Undang-Undang (Legal Arrangements)

- S** 14.10.12 Bagi pelanggan yang merupakan pengaturan yang berasaskan undang-undang (*legal arrangements*), institusi pelapor dikehendaki untuk memahami jenis perniagaan pelanggan, struktur pemilikan dan kawalannya.
- S** 14.10.13 Institusi pelapor dikehendaki untuk mengenal pasti pelanggan dan menentusahkan identitinya melalui maklumat berikut:
- (a) nama, jenis pembentukan dari segi undang-undang dan bukti kewujudan, atau apa-apa rujukan yang boleh dipercayai untuk menentusahkan identiti pelanggan;
 - (b) kuasa yang mengawal dan mengikat pelanggan serta nama orang yang berkaitan yang mempunyai jawatan Pengurusan Kanan; dan
 - (c) alamat pejabat berdaftar pemegang amanah dan, jika berbeza, tempat perniagaan utama.
- S** 14.10.14 Institusi pelapor dikehendaki untuk mengenal pasti dan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menentusahkan identiti pemilik benefisial melalui maklumat berikut:
- (a) untuk amanah, identiti setlor, pemegang amanah, pelindung (jika ada), benefisiari atau kelas benefisiari, dan mana-mana orang sebenar yang menjalankan kawalan berkesan mutlak ke atas amanah (termasuk melalui rangkaian kawalan / pemilikan); atau
 - (b) untuk jenis pengaturan lain yang berasaskan undang-undang (*legal arrangements*), identiti orang dalam kedudukan yang setara atau serupa.
- G** 14.10.15 Institusi pelapor boleh bergantung pada pihak ketiga untuk menentusahkan identiti benefisiari apabila menjadi tidak praktikal untuk mengenal pasti setiap benefisiari.
- S** 14.10.16 Apabila kebergantungan diletakkan pada pihak ketiga di bawah perenggan 14.10.15, institusi pelapor dikehendaki untuk mematuhi perenggan 16 berkenaan dengan Kebergantungan pada Pihak Ketiga.

Kelab, Pertubuhan dan Badan Amal

- S** 14.10.17 Bagi pelanggan yang merupakan kelab, pertubuhan atau badan amal, institusi pelapor hendaklah menjalankan CDD ke atas entiti korporat (*legal persons*) atau ke atas pengaturan yang berasaskan undang-undang (*legal arrangements*), jika berkaitan, dan meminta daripada pelanggan untuk memberikan pengenalan yang berkaitan termasuk Sijil Pendaftaran dan dokumen-dokumen penubuhan yang lain. Sebagai tambahan, institusi pelapor dikehendaki untuk mengenal pasti dan menentusahkan pemegang jawatan atau mana-

mana orang yang diberi kuasa untuk mewakili kelab, pertubuhan atau badan amal, mengikut mana yang berkenaan.

- S** 14.10.18 Institusi pelapor juga dikehendaki untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mengenal pasti dan menentusahkan identiti pemilik benefisial kelab, pertubuhan dan badan amal tersebut.
- S** 14.10.19 Sekiranya terdapat apa-apa keraguan mengenai identiti orang di bawah perenggan 14.10.17 dan 14.10.18, institusi pelapor hendaklah menentusahkan kesahihan maklumat yang diberikan oleh orang tersebut dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri atau mana-mana pihak berkuasa lain yang berkaitan.

Penentusahan Tertangguh

- G** 14.10.20 Dalam keadaan tertentu di mana risiko ML/TF dinilai sebagai rendah dan penentusahan tidak dapat dilakukan semasa memulakan hubungan perniagaan, institusi pelapor boleh melengkapkan penentusahan setelah wujudnya hubungan perniagaan untuk memberi ruang yang lebih fleksibel kepada pelanggannya atau pemilik benefisial untuk memberikan dokumen yang berkaitan.
- S** 14.10.21 Apabila penentusahan tertangguh diterima pakai, syarat-syarat berikut mesti dipenuhi:
(a) ini berlaku secepat yang semunasabahnya dilaksanakan;
(b) penangguhan tersebut adalah mustahak agar tidak mengganggu urusan perniagaan normal institusi pelapor seperti biasa;
(c) risiko ML/TF diuruskan dengan berkesan; dan
(d) tidak ada rasa syak berkenaan ML/TF.
- S** 14.10.22 Istilah “semunasabahnya dilaksanakan” di bawah perenggan 14.10.21(a) hendaklah tidak boleh melebihi sepuluh hari bekerja atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa.
- S** 14.10.23 Institusi pelapor dikehendaki untuk mengguna pakai tatacara pengurusan risiko yang berkaitan dengan keadaan apabila pelanggan boleh menggunakan hubungan perniagaan sebelum penentusahan, dan tatacara untuk mengurangkan atau menangani risiko penentusahan tertangguh.

- G** 14.10.24 Langkah-langkah yang boleh diambil oleh institusi pelapor untuk menguruskan risiko penentusahan tertanggung termasuk mengehadkan jumlah, jenis dan/atau amaun transaksi yang dapat dilakukan.

14.11 CDD yang Dipertingkatkan (*Enhanced CDD*)

- S** 14.11.1 Institusi pelapor dikehendaki untuk menjalankan CDD yang dipertingkatkan apabila risiko ML/TF dinilai sebagai risiko yang lebih tinggi. CDD yang dipertingkatkan, hendaklah sekurang-kurangnya, merangkumi perkara berikut:
- (a) mendapatkan maklumat CDD di bawah perenggan 14.10;
 - (b) mendapatkan maklumat tambahan mengenai pelanggan dan pemilik benefisial (contohnya, jumlah aset dan maklumat lain dari pangkalan data komersial atau awam);
 - (c) membuat pertanyaan mengenai sumber kekayaan atau sumber dana. Dalam kes PEP, kedua-dua sumber mesti diperolehi; dan
 - (d) mendapatkan kelulusan daripada Pengurusan Kanan institusi pelapor sebelum memulakan (atau meneruskan, untuk pelanggan yang sedia ada) hubungan perniagaan dengan pelanggan tersebut. Dalam kes PEP, Pengurusan Kanan merujuk kepada Pengurusan Kanan di ibu pejabat.
- G** 14.11.2 Sebagai tambahan kepada perenggan 14.11.1, institusi pelapor juga boleh mempertimbangkan langkah-langkah CDD yang dipertingkatkan seperti berikut, sepadan dengan risiko ML /TF yang dikenal pasti:
- (a) mendapatkan maklumat tambahan mengenai tahap dan jenis hubungan perniagaan yang diniatkan;
 - (b) Jika berkaitan, mendapatkan maklumat tambahan mengenai pemilik benefisial kepada benefisiari tersebut (contohnya pekerjaan, jumlah aset, maklumat yang tersedia melalui pangkalan data komersial atau awam); dan
 - (c) membuat pertanyaan tentang sebab-sebab untuk transaksi yang diniatkan atau dilakukan.

14.12 Usaha Wajar yang Berterusan (*On-going Due Diligence*)

- S** 14.12.1 Institusi pelapor dikehendaki untuk menjalankan usaha wajar berterusan ke atas hubungan perniagaan dengan pelanggannya. Langkah-langkah tersebut hendaklah termasuk:
- (a) meneliti transaksi yang dilakukan sepanjang hubungan tersebut untuk memastikan bahawa transaksi yang dijalankan konsisten dengan pengetahuan institusi pelapor mengenai pelanggan, perniagaan dan pemprofilan risiko mereka, termasuk jika perlu, sumber dana; dan

- (b) memastikan bahawa dokumen, data atau maklumat yang dikumpulkan dalam proses CDD sentiasa dikemas kini dan berkaitan, dengan melakukan semakan semula terhadap rekod yang sedia ada terutama untuk pelanggan yang berisiko lebih tinggi.

- | | | |
|----------|---------|---|
| G | 14.12.2 | Dalam menjalankan usaha wajar yang berterusan, institusi pelapor boleh mempertimbangkan latar belakang ekonomi dan apa-apa tujuan transaksi atau hubungan perniagaan yang: <ul style="list-style-type: none"> (a) kelihatan aneh; (b) tidak konsisten dengan jenis aktiviti dan model perniagaan yang dijangka jika dibandingkan dengan jumlah transaksi; (c) tidak mempunyai tujuan ekonomi yang jelas; atau (d) menimbulkan keraguan terhadap kesahihan transaksi tersebut, terutama berkaitan dengan transaksi yang kompleks dan besar atau melibatkan pelanggan yang berisiko lebih tinggi. |
| S | 14.12.3 | Kekerapan dalam melaksanakan perenggan 14.12.1(a) di bawah usaha wajar yang berterusan dan usaha wajar berterusan yang dipertingkatkan (<i>enhanced on-going due diligence</i>) hendaklah sepadan dengan tahap risiko ML/TF yang ditimbulkan oleh pelanggan berdasarkan pemprofilan risiko dan jenis transaksi. |
| S | 14.12.4 | Dalam melaksanakan usaha wajar yang berterusan, institusi pelapor dikehendaki untuk: <ul style="list-style-type: none"> (a) meningkatkan bilangan dan masa kawalan yang digunapakai; dan (b) pilih corak transaksi yang memerlukan pemeriksaan yang lebih lanjut. |

14.13 Pelanggan Sedia Ada – Materialiti dan Risiko

- | | | |
|----------|---------|---|
| S | 14.13.1 | Pelanggan yang sedia ada dalam perenggan ini merujuk kepada mereka yang menjadi pelanggan sebelum obligasi CDD di bawah seksyen 16 AMLA adalah terpakai untuk institusi pelapor. |
| S | 14.13.2 | Institusi pelapor dikehendaki untuk menggunakan kehendak CDD untuk pelanggan yang sedia ada berdasarkan materialiti dan risiko. |
| S | 14.13.3 | Institusi pelapor dikehendaki untuk menjalankan CDD ke atas hubungan yang sedia ada pada masa yang sesuai, dengan mengambil kira sama ada dan bila langkah-langkah CDD sebelum ini dilakukan dan kecukupan data yang diperoleh. |

- G** 14.13.4 Dalam menilai materialiti dan risiko pelanggan yang sedia ada di bawah perenggan 14.13.2, institusi pelapor boleh mempertimbangkan keadaan berikut:
- (a) jenis dan keadaan di sekitar transaksi termasuk kepentingan transaksi;
 - (b) apa-apa perubahan penting dalam cara akaun atau hubungan perniagaan dikendalikan; atau
 - (c) maklumat yang tidak mencukupi mengenai pelanggan atau perubahan maklumat pelanggan.

14.14 Hubungan Perniagaan Tanpa Bersemuka

- G** 14.14.1 Institusi pelapor boleh mengadakan hubungan perniagaan tanpa bersemuka dengan pelanggannya.
- S** 14.14.2 Institusi pelapor hendaklah mendapat persetujuan daripada Lembaga Pengarah terlebih dahulu sebelum pelaksanaan hubungan perniagaan tanpa bersemuka.
- S** 14.14.3 Institusi pelapor mesti mematuhi apa-apa langkah tambahan yang dikenakan ke atas pelaksanaan tanpa bersemuka yang difikirkan perlu oleh pihak berkuasa berwajib.
- S** 14.14.4 Institusi pelapor dikehendaki untuk berwaspada dalam mengadakan dan menjalankan hubungan perniagaan secara elektronik, termasuk saluran mudah alih dan saluran dalam talian.
- S** 14.14.5 Lembaga Pengarah hendaklah menetapkan dan memastikan pelaksanaan polisi dan tatacara yang berkesan untuk menangani sebarang risiko ML/TF yang khusus berkaitan dengan pelaksanaan hubungan perniagaan tanpa bersemuka.
- S** 14.14.6 Institusi pelapor mesti memastikan dan dapat menunjukkan secara berterusan bahawa langkah-langkah yang sesuai untuk mengenalpasti dan menentusahkan identiti pelanggan adalah berkesan sama seperti secara bersemuka dengan pelanggan dan melaksanakan mekanisme pemantauan dan pelaporan untuk mengenal pasti aktiviti yang berpotensi ML/TF.
- S** 14.14.7 Berkaitan dengan perenggan 14.14.6, institusi pelapor hendaklah mengambil langkah-langkah untuk mengenal pasti dan menentusahkan identiti pelanggan melalui mana-mana yang berikut:
- (a) mengadakan hubungan bebas dengan pelanggan;
 - (b) menentusahkan maklumat pelanggan melalui sumber yang boleh dipercayai dan bebas untuk mengesahkan identiti pelanggan dan mengenal pasti risiko ML/TF yang diketahui atau disyaki berkaitan dengan pelanggan; atau

- (c) meminta, melihat dan menyenggara rekod dokumen tambahan yang diperlukan untuk melaksanakan penentusahan pelanggan secara bersemuka.

- S** 14.14.8 Institusi pelapor perlu memastikan sistem dan teknologi yang dibangunkan dan digunakan untuk tujuan mengadakan hubungan perniagaan melalui saluran tanpa bersemuka (termasuk penentusahan dokumen-dokumen pengenalan) mempunyai keupayaan untuk menyokong Program Pematuhan AML/CFT yang berkesan.

14.15 Kegagalan Melengkapkan CDD dengan Memuaskan

- S** 14.15.1 Jika institusi pelapor tidak dapat mematuhi kehendak CDD;
 - (a) Institusi pelapor hendaklah tidak membuka akaun, memulakan hubungan perniagaan atau melakukan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan bakal pelanggan, atau hendaklah menamatkan hubungan perniagaan dengan pelanggan yang sedia ada; dan
 - (b) Institusi pelapor mesti mempertimbangkan untuk menghantar laporan transaksi mencurigakan di bawah perenggan 19.

14.16 CDD dan Pemberian Maklumat

- S** 14.16.1 Dalam kes di mana institusi pelapor mempunyai rasa syak berhubung ML/TF dan dengan munasabahnyanya percaya bahawa dengan melakukan proses CDD akan memberi maklumat kepada pelanggan, institusi pelapor tersebut dibenarkan untuk tidak meneruskan proses CDD, mendokumentasikan sebab-sebab CDD tidak dapat disempurnakan dan segera memfailkan laporan transaksi yang mencurigakan di bawah perenggan 19.
- G** 14.16.2 Walau apa pun yang dinyatakan dalam perenggan 14.16.1, institusi pelapor boleh mempertimbangkan untuk meneruskan transaksi tersebut untuk tujuan melanjutkan apa-apa pertanyaan atau penyiasatan mengenai rasa syak berhubung ML/TF.

Panduan Usaha Wajar Pelanggan (CDD)

- G** 14.16.3 Institusi pelapor boleh merujuk kepada panduan dan templat yang disediakan di bahagian C dan D dokumen dasar ini untuk melaksanakan kehendak CDD dan pemprofilan risiko.

14A Usaha Wajar Pelanggan: Kasino Berlesen

14A.1 Bila CDD diperlukan

- S** 14A.1.1 Kasino berlesen dikehendaki untuk menjalankan CDD ke atas pelanggan, orang yang menjalankan transaksi dan junket, apabila mereka terlibat dalam apa-apa transaksi dengan nilai bersamaan atau melebihi **RM10,000**. Ini termasuk keadaan di mana transaksi yang dijalankan adalah suatu transaksi tunggal atau melalui beberapa transaksi dalam sehari yang didapati berkaitan.
- S** 14A.1.2 Bagi tujuan perenggan 14A.1.1, "terlibat dalam apa-apa transaksi" merangkumi:
- (a) semua transaksi dana masuk dan dana keluar yang diterima dan dibayar oleh kasino berlesen, secara tunai atau dalam bentuk lain yang mempunyai nilai yang sama;
 - (b) transaksi perantaraan bank sebelum pelanggan, orang yang menjalankan transaksi atau junket, dibenarkan menggunakan dana tersebut;
 - (c) meminta pembayaran dibuat kepada orang lain, oleh pelanggan, orang yang menjalankan transaksi dan junket; dan
 - (d) sebarang transaksi lain yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa.
- S** 14A.1.3 Berkaitan dengan perenggan 14A.1.2(b), untuk transaksi perantaraan bank, kasino berlesen dikehendaki untuk mengenal pasti dan menyimpan maklumat mengenai hubungan:
- (a) antara pelanggan dengan junket, dan pengirim dana masuk yang lain; dan
 - (b) antara pelanggan dengan junket, dan benefisiari transaksi dana keluar.
- S** 14A.1.4 Berkaitan dengan perenggan 14A.1.2(c), bagi pembayaran kepada orang lain, kasino berlesen dikehendaki untuk mendapatkan maklumat yang berikut:
- (a) hubungan antara orang lain, dengan pelanggan dan junket; dan
 - (b) tujuan pembayaran kepada orang lain.

14A.2 Langkah-Langkah CDD yang Khusus

Junket yang merupakan Individu

- S** 14A.2.1 Dalam menjalankan CDD ke atas junket yang merupakan individu, kasino berlesen dikehendaki menjalankan CDD seperti yang dinyatakan di bawah perenggan 14.1 hingga 14.9 dan 14.10.1 hingga 14.10.2.

Junket yang merupakan Entiti Korporat (Legal Persons)

- S** 14A.2.2 Untuk junket yang merupakan entiti korporat (*legal persons*), kasino berlesen dikehendaki untuk menjalankan CDD seperti yang dinyatakan di bawah perenggan 14.1 hingga 14.9 dan perenggan 14.10.3 hingga 14.10.11.

14B Usaha Wajar Pelanggan: Institusi Perjudian Berlesen

14B.1 Bila CDD diperlukan

- | | | |
|----------|---------|---|
| S | 14B.1.1 | Institusi perjudian berlesen dikehendaki untuk menjalankan CDD ke atas pelanggan dan orang yang menjalankan transaksi apabila kemenangan pelanggan adalah dengan nilai bersamaan atau melebihi RM50,000 termasuk dalam situasi di mana transaksi dijalankan dalam suatu transaksi tunggal atau melalui beberapa transaksi yang didapati berkaitan. |
| S | 14B.1.2 | Sebagai tambahan kepada kehendak di bawah perenggan 14B.1.1, institusi perjudian berlesen dikehendaki mendapatkan dan memeriksa ketepatan maklumat berikut:
(a) nombor tiket;
(b) nombor pendaftaran dan alamat institusi di mana tiket kemenangan dibeli; dan
(c) amaun kemenangan. |
| S | 14B.1.3 | Institusi perjudian berlesen dikehendaki menjalankan CDD ke atas mana-mana orang lain yang ditentukan oleh pemenang apabila pemenang meminta pembayaran ke akaun orang tersebut untuk amaun dengan nilai yang bersamaan atau melebihi RM50,000 . |
| S | 14B.1.4 | Sebagai tambahan kepada kehendak dalam perenggan 14B.1.3, institusi perjudian berlesen mestilah mendapatkan maklumat berikut:
(a) hubungan antara pemenang dengan orang lain yang ditentukan oleh pemenang; dan
(b) tujuan pembayaran kepada orang lain yang ditentukan oleh pemenang. |

14C Usaha Wajar Pelanggan: Peguam, Akauntan dan Setiausaha Syarikat

14C.1 Bila CDD diperlukan

- S** 14C.1.1 Peguam dan akauntan dikehendaki menjalankan CDD, sebagaimana yang ditetapkan di bawah perenggan 3.3(a) dan (f) masing-masing.
- S** 14C.1.2 Setiausaha syarikat dikehendaki menjalankan CDD, sebagaimana yang ditetapkan di bawah perenggan 3.3(i).

14C.2 CDD yang Dipertingkatkan

- S** 14C.2.1 Berkaitan dengan perenggan 14C.1.1 dan 14C.1.2, apabila perkhidmatan penama disediakan, hubungan perniagaan yang sedemikian mesti tertakluk kepada CDD yang dipertingkatkan dan usaha wajar berterusan yang dipertingkatkan (*enhanced on-going due diligence*).
- S** 14C.2.2 Bagi tujuan perenggan 14C.2.1, perkhidmatan penama merujuk kepada penama pegangan saham, penama lembaga pengarah atau perkhidmatan perkongsian penama, jika berkenaan.

14D Usaha Wajar Pelanggan: Syarikat Amanah

14D.1 Bila CDD diperlukan

- S** 14D.1.1 Syarikat amanah dikehendaki menjalankan CDD, sebagaimana yang ditetapkan di bawah perenggan 3.3(k).

14D.2 CDD yang Dipertingkatkan

- S** 14D.2.1 Berkaitan dengan perenggan 14D.1.1, apabila perkhidmatan penama disediakan, hubungan perniagaan mesti tertakluk kepada CDD yang dipertingkatkan dan usaha wajar berterusan yang dipertingkatkan (*enhanced on-going due diligence*).
- S** 14D.2.2 Bagi tujuan perenggan 14C.2.1, perkhidmatan penama merujuk kepada penama pegangan saham, penama lembaga pengarah atau perkhidmatan perkongsian penama, jika berkenaan.

14E Usaha Wajar Pelanggan: Peniaga Logam Berharga atau Batu Berharga

14E.1 Bila CDD diperlukan

- S** 14E.1.1 Peniaga logam berharga atau batu berharga dikehendaki untuk menjalankan CDD ke atas pelanggan dan orang yang menjalankan transaksi apabila mereka terlibat dalam apa-apa transaksi tunai dengan pelanggan dengan nilai bersamaan atau melebihi **RM50,000**, atau apa-apa amaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa. Ini termasuk:
- (a) transaksi yang dijalankan adalah suatu transaksi tunggal atau melalui beberapa transaksi dalam sehari yang didapati berkaitan dan merentasi semua cawangan institusi pelapor; dan
 - (b) pembayaran secara agregat dalam suatu tempoh masa untuk suatu pembelian tunggal.
- S** 14E.1.2 Berkaitan dengan kehendak di bawah perenggan 14E.1.1, CDD hendaklah dijalankan ke atas kedua-dua pembelian dan penjualan logam berharga atau batu berharga daripada atau kepada pelanggan.

Notis kepada Pelanggan

- G** 14E.1.3 Bagi tujuan CDD, peniaga logam berharga atau batu berharga boleh memaparkan di premis perniagaannya (kedua-dua fizikal dan digital) suatu notis, dalam format yang disediakan di bawah, untuk memaklumkan pelanggan tentang kehendak CDD.

Notice to Customer

(Dealers in precious metals or precious stones)

Customer Due Diligence (CDD) is a requirement under the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (AMLA). CDD shall be conducted on customers conducting cash transactions **equivalent to RM50,000 and above**. Please produce your identification document before making any cash transaction equivalent to RM50,000 and above.

Notis kepada Pelanggan

(Peniaga logam berharga atau batu berharga)

Pelaksanaan Usaha Wajar Pelanggan (*Customer Due Diligence/CDD*) adalah satu keperluan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA). Usaha Wajar Pelanggan akan dilaksanakan terhadap pelanggan yang melakukan transaksi tunai dengan **nilai bersamaan atau melebihi RM50,000**. Sila sediakan dokumen pengenalan anda sebelum menjalankan transaksi tunai dengan nilai bersamaan atau melebihi RM50,000.

14F Usaha Wajar Pelanggan: Ejen Harta Tanah Berdaftar

14F.1 Bila CDD diperlukan

- S** 14F.1.1 Ejen harta tanah berdaftar dikehendaki untuk menjalankan CDD ke atas kedua-dua pembeli dan penjual, atau tuan tanah dan penyewa suatu harta tanah.

14G Usaha Wajar Pelanggan: Pemberi Pinjam Wang

14G.1 Bila CDD diperlukan

- S** 14G.1.1 Pemberi Pinjam Wang dikehendaki untuk menjalankan CDD ke atas pelanggan dan orang yang menjalankan transaksi, apabila memberikan pembiayaan dengan nilai bersamaan atau melebihi **RM3,000**, termasuk dalam keadaan di mana transaksi tersebut dilakukan adalah suatu transaksi tunggal atau melalui beberapa transaksi dalam sehari yang didapati berkaitan.
- S** 14G.1.2 Sebagai tambahan kepada perenggan 14G.1.1, pemberi pinjam wang juga mesti menjalankan CDD ke atas penjamin apabila suatu perjanjian antara institusi pelapor dengan pelanggan atau peminjam melibatkan penjamin.

14H Usaha Wajar Pelanggan: Pemegang Pajak Gadai

14H.1 Bila CDD diperlukan

- S** 14H.1.1 Pemegang pajak gadai dikehendaki untuk menjalankan CDD ke atas pelanggan dan orang yang menjalankan transaksi, apabila amaun sandaran adalah nilai bersamaan atau melebihi **RM3,000**, termasuk dalam keadaan di mana transaksi tersebut dilakukan adalah suatu transaksi tunggal atau melalui beberapa transaksi dalam sehari yang didapati berkaitan.

15 Individu yang Mempunyai Pengaruh Politik (PEP)

15.1 Umum

- S** 15.1.1 Kehendak yang dinyatakan dalam perenggan ini terpakai untuk semua jenis PEP dan ahli keluarga atau sekutu rapat PEP tersebut.
- S** 15.1.2 Dalam mengenal pasti individu yang termasuk dalam definisi sekutu rapat PEP, institusi pelapor mesti mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menentukan setakat mana individu ini terlibat secara langsung dalam aktiviti PEP.

15.2 PEP Asing

- S** 15.2.1 Institusi pelapor dikehendaki untuk mempunyai sistem pengurusan risiko untuk menentukan sama ada pelanggan atau pemilik benefisial adalah PEP asing.
- S** 15.2.2 Setelah menentukan bahawa pelanggan atau pemilik benefisial di bawah perenggan 15.2.1 adalah PEP asing, kehendak CDD yang dipertingkatkan menurut perenggan 14.11 dan usaha wajar berterusan yang dipertingkatkan (*enhanced on-going due diligence*) menurut perenggan 14.12.4 mesti dilakukan.

15.3 PEP domestic atau orang yang diamanahkan dengan fungsi utama oleh organisasi antarabangsa

- S** 15.3.1 Institusi pelapor hendaklah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menentukan sama ada pelanggan atau pemilik benefisial adalah PEP domestik atau orang yang diamanahkan dengan fungsi utama oleh sebuah organisasi antarabangsa.
- S** 15.3.2 Jika pelanggan atau pemilik benefisial telah ditentukan sebagai PEP domestik atau orang yang diamanahkan dengan fungsi utama oleh sebuah organisasi antarabangsa, institusi pelapor hendaklah menilai tahap risiko ML/TF yang ditimbulkan oleh hubungan perniagaan dengan PEP domestik atau orang yang diamanahkan dengan fungsi utama oleh sebuah organisasi antarabangsa.
- S** 15.3.3 Penilaian risiko ML/TF seperti yang ditentukan di bawah perenggan 15.3.2 hendaklah mengambil kira profil pelanggan di bawah perenggan 10.4.2 mengenai Pemprofilan Risiko.

- S** 15.3.4 Kehendak mengenai CDD yang dipertingkatkan seperti yang dinyatakan di bawah perenggan 14.11 dan usaha wajar berterusan yang dipertingkatkan (*enhanced on-going due diligence*) sebagaimana yang dinyatakan di bawah perenggan 14.12.4 mesti dijalankan ke atas PEP domestik atau orang yang diamanahkan dengan fungsi utama oleh organisasi antarabangsa yang dinilai sebagai berisiko lebih tinggi.
- G** 15.3.5 Institusi pelapor boleh menerima pakai langkah-langkah CDD yang serupa terhadap pelanggan yang lain untuk PEP domestik atau orang yang diamanahkan dengan fungsi utama oleh organisasi antarabangsa sekiranya institusi pelapor berpuas hati bahawa PEP domestik atau orang yang diamanahkan dengan fungsi utama oleh organisasi antarabangsa tidak dinilai sebagai berisiko lebih tinggi.
- G** 15.3.6 Dalam menilai tahap risiko ML/TF pelanggan, pemilik benefisial, atau benefisiari yang dikenal pasti sebagai ahli keluarga atau sekutu rapat PEP domestik atau orang yang diamanahkan dengan fungsi awam utama oleh organisasi antarabangsa, institusi pelapor boleh mempertimbangkan faktor-faktor berikut:
- (a) ahli keluarga atau sekutu rapat mempunyai kepentingan perniagaan yang berkaitan dengan fungsi awam PEP (kemungkinan adanya konflik kepentingan);
 - (b) kedudukan sosial atau kapasiti rasmi anggota keluarga atau sekutu rapat adalah sedemikian dan dapat dikawal, diarahkan atau dipengaruhi oleh PEP;
 - (c) negara ahli keluarga atau sekutu rapat berasal atau tinggal; atau
 - (d) ahli keluarga atau sekutu rapat diketahui terlibat dalam perniagaan atau aktiviti yang mempunyai kemungkinan besar boleh disalahgunakan sebagai saluran untuk ML/TF oleh PEP.

15.4 Sumber Maklumat

- G** 15.4.1 Institusi pelapor boleh merujuk kepada mana-mana sumber berikut untuk mengenal pasti PEP, ahli keluarga atau sekutu rapat PEP:
- (a) pangkalan data dalaman atau komersial;
 - (b) maklumat risiko atau panduan yang dikongsi oleh pihak berkuasa berwibawa, pihak berkuasa penyeliaan atau pihak berkuasa pengawalseliaan;
 - (c) maklumat awam atau sumber terbuka; atau
 - (d) pengisytiharan sendiri oleh pelanggan.
- G** 15.4.2 Contoh sumber-sumber yang dirujuk di bawah perenggan 15.4.1 adalah bukan muktamad dan institusi pelapor digalakkan untuk membangunkan rujukan dalaman dalam mengenal pasti PEP, anggota keluarga atau sekutu rapat PEP.

15.2 Penamatan status PEP

- S** 15.5.1 Institusi pelapor hendaklah mempertimbangkan faktor-faktor yang berikut dalam menentukan sama ada status PEP seseorang yang tidak lagi memegang fungsi awam utama boleh ditamatkan:
- (a) tahap pengaruh tidak formal yang masih boleh dilaksanakan oleh PEP tersebut, walaupun PEP tersebut tidak lagi memegang fungsi awam yang utama; dan
 - (b) sama ada fungsi PEP sebelumnya dan yang terkini, dalam kapasiti rasmi atau sebaliknya, ada kaitan dengan hal-hal substantif yang sama.

16 Kebergantungan kepada Pihak Ketiga

Usaha Wajar Pelanggan

- G** 16.1 Institusi pelapor boleh bergantung pada pihak ketiga untuk menjalankan CDD atau untuk memperkenalkan perniagaan.
- S** 16.2 Tanggungjawab dan akauntabiliti mutlak untuk langkah-langkah CDD kekal berada pada institusi pelapor yang bergantung pada pihak ketiga.
- S** 16.3 Institusi pelapor hendaklah mempunyai polisi dan tatacara dalaman untuk mengurangkan risiko apabila bergantung pada pihak ketiga, termasuk dari negara yang telah dikenalpasti mempunyai kekurangan dalam langkah strategik AML/CFT yang menimbulkan risiko ML/TF kepada sistem kewangan antarabangsa.
- S** 16.4 Institusi pelapor adalah dilarang daripada bergantung pada pihak ketiga yang berada di negara yang berisiko lebih tinggi yang telah dikenal pasti menurut perenggan 17.
- S** 16.5 Hubungan antara institusi pelapor dengan pihak ketiga yang institusi pelapor tersebut bergantung untuk melaksanakan CDD hendaklah ditadbir oleh suatu pengaturan yang secara jelas menentukan hak, tanggungjawab dan harapan semua pihak. Dalam meletakkan kebergantungan pada pihak ketiga, institusi pelapor, sekurang-kurangnya:
- (a) mesti boleh memperoleh maklumat yang diperlukan mengenai CDD pada kadar segera sebagaimana yang diperlukan di bawah perenggan 14; dan
 - (b) mesti berpuas hati dengan semunasabahnya bahawa pihak ketiga:
 - (i) mempunyai proses CDD yang mencukupi;
 - (ii) mempunyai langkah-langkah untuk kehendak penyimpanan rekod;
 - (iii) dapat memberikan maklumat CDD dan memberikan salinan dokumentasi yang berkaitan dengan segera apabila dikehendaki; dan
 - (iv) dikawal selia dengan betul dan tertakluk pada pengawasan AML/CFT oleh pihak berkuasa penyeliaan yang berkenaan.
- S** 16.6 Institusi pelapor hendaklah mendapatkan pengesahan dari pihak ketiga untuk memuaskan hati bahawa kehendak dalam perenggan 16.5 telah dipenuhi.
- G** 16.7 Institusi pelapor boleh memperoleh pengesahan bertulis daripada pihak ketiga bahawa pihaknya telah menjalankan CDD ke atas pelanggan atau pemilik benefisial, mengikut mana-mana yang berkenaan, menurut perenggan 14.

Usaha Wajar yang Berterusan

- S** 16.8 Institusi pelapor hendaklah tidak bergantung kepada pihak ketiga untuk melakukan usaha wajar yang berterusan ke atas pelanggannya.

17 Negara Berisiko Lebih Tinggi

- S** 17.1 Institusi pelapor dikehendaki untuk menjalankan CDD yang dipertingkatkan yang sepadan dengan risiko, ke atas hubungan perniagaan dan transaksi dengan mana-mana orang dari negara-negara berisiko lebih tinggi seperti yang dinyatakan oleh FATF atau Kerajaan Malaysia.
- S** 17.2 Walau apa pun yang dinyatakan secara umum dalam perenggan 17.1, CDD yang dipertingkatkan hendaklah merangkumi apa-apa langkah CDD yang khusus yang boleh dikenakan oleh FATF atau Kerajaan Malaysia.
- S** 17.3 Institusi pelapor dikehendaki untuk menggunakan tindakan balas yang sesuai, dan sepadan dengan risiko, apabila dikehendaki untuk melakukan tindakan sedemikian oleh FATF atau Kerajaan Malaysia.
- G** 17.4 Bagi tujuan perenggan 17.3, langkah tindakan balas boleh termasuk seperti berikut:
- (a) mengehadkan hubungan perniagaan atau transaksi kewangan dengan negara yang dikenal pasti atau orang yang berada di negara yang berkenaan;
 - (b) menyimpan laporan dengan ringkasan pendedahan kepada pelanggan dan pemilik benefisial dari negara yang berkenaan dan ia mesti disediakan kepada pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa pengawasan yang berkaitan apabila dikehendaki; dan
 - (c) melakukan sebarang tindakan balas lain sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa
- S** 17.5 Di samping perkara yang di atas, apabila risiko ML/TF dinilai sebagai risiko yang lebih tinggi, institusi pelapor dikehendaki untuk menjalankan CDD yang dipertingkatkan terhadap hubungan perniagaan dan transaksi dengan mana-mana orang dari negara lain yang mempunyai kekurangan strategik AML/CFT yang mana pelan tindakan telah dibangunkan bersama FATF.
- G** 17.6 Bagi maksud kehendak di bawah perenggan 17.1, 17.2, 17.3 dan 17.5, institusi pelapor boleh merujuk laman sesawang FATF:

<http://www.fatf-gafi.org>

18 Laporan Nilai Ambang Tunai (*Cash Threshold Report, CTR*)

18.1 Umum

- S** 18.1.1 Sekiranya kehendak laporan ambang tunai terpakai, institusi pelapor dikehendaki untuk mengemukakan laporan nilai ambang tunai (CTR) kepada Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan, Bank Negara Malaysia.

18.2 Takrifan

- S** 18.2.1 Bagi tujuan perenggan 18:
- (a) transaksi tunai merujuk kepada transaksi yang melibatkan mata wang fizikal (mata wang domestik atau asing) dan instrumen boleh niaga pembawa seperti cek pengembara dan cek tunai tetapi tidak termasuk draf bank, cek dan pemindahan elektronik; dan
 - (b) transaksi tunai merangkumi transaksi yang melibatkan pengeluaran tunai dari akaun atau pertukaran instrumen boleh niaga pembawa untuk tunai.

18.3 Pemakaian

- S** 18.3.1 Kehendak untuk laporan nilai ambang tunai (CTR) adalah terpakai untuk pelanggan dan orang yang menjalankan suatu transaksi tunggal atau melalui beberapa transaksi tunai dalam akaun yang sama dalam sehari untuk amaun dengan nilai bersamaan atau melebihi RM25,000.
- S** 18.3.2 Institusi pelapor hendaklah tidak mengimbangi (*offset*) transaksi tunai antara satu sama lain. Jika terdapat transaksi deposit dan pengeluaran, jumlahnya mesti diagregatkan. Contohnya, deposit sebanyak RM20,000 dan pengeluaran sebanyak RM10,000 mestilah dijumlahkan kepada RM30,000 dan dengan itu, mestilah dilaporkan kerana nilai ini melebihi amaun yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia.
- S** 18.3.3 Transaksi yang disebut di bawah perenggan 18.3.1 termasuk tunai yang dikontra dari satu akaun ke akaun lain melalui urus niaga di kaunter (*over-the-counter*) oleh mana-mana pelanggan.

18.4 Pelaporan Laporan Nilai Ambang Tunai (CTR)

- S** 18.4.1 Institusi pelapor dikehendaki untuk menubuhkan suatu sistem pelaporan untuk tujuan penyerahan laporan ambang tunai (CTR) ke Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan, Bank Negara Malaysia.

- S** 18.4.2 Pegawai Pematuhan institusi pelapor yang telah diberikan akses kepada Sistem Perisikan Kewangan (FINS) yang ditadbir oleh Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan, Bank Negara Malaysia, mesti mengemukakan laporan nilai ambang tunai melalui laman sesawang yang berikut:
- <https://bnmapp.bnm.gov.my/fins2>
- S** 18.4.3 Sebagaimana yang dinyatakan, untuk institusi pelapor yang belum diberikan akses kepada FINS, Pegawai Pematuhan mesti mengemukakan laporan nilai ambang tunai, menggunakan templat pelaporan seperti yang boleh ditentukan oleh Bank Negara Malaysia.
- S** 18.4.4 Institusi pelapor mesti memastikan bahawa laporan nilai ambang tunai diserahkan dalam masa lima hari bekerja, dari tarikh transaksi.
- S** 18.4.5 Penyerahan laporan nilai ambang tunai tidak mengecualikan obligasi institusi pelapor untuk mengemukakan laporan transaksi yang mencurigakan.

19 Laporan Transaksi yang Mencurigakan (*Suspicious Transaction Report, STR*)

19.1 Umum

- S** 19.1.1 Institusi pelapor hendaklah mengemukakan laporan transaksi yang mencurigakan dengan kadar segera kepada Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan, Bank Negara Malaysia setiap kali institusi pelapor mengesyaki atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa transaksi (termasuk cubaan atau cadangan), tanpa mengambil kira amaun:
- (a) kelihatan aneh;
 - (b) tidak mempunyai tujuan ekonomi yang jelas;
 - (c) kelihatan tidak sah;
 - (d) melibatkan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan; atau
 - (e) menunjukkan bahawa pelanggan terlibat dalam ML/TF.
- S** 19.1.2 Institusi pelapor mesti memberikan maklumat yang diperlukan dan berkaitan yang menimbulkan keraguan dalam borang laporan transaksi yang mencurigakan tersebut, yang merangkumi tetapi tidak terbatas kepada jenis atau keadaan persekitaran transaksi dan latar belakang perniagaan orang yang menjalankan transaksi yang berhubung kait dengan aktiviti haram.
- S** 19.1.3 Institusi pelapor mesti mewujudkan suatu mekanisme pelaporan untuk penyerahan laporan transaksi yang mencurigakan.

19.2 Mekanisme Pelaporan

- S** 19.2.1 Institusi pelapor dikehendaki untuk memastikan bahawa pegawai pematuhan di cawangan atau subsidiari bertanggungjawab untuk menyalurkan semua laporan dalaman transaksi yang mencurigakan yang diterima daripada kakitangan di cawangan atau subsidiari masing-masing kepada Pegawai Pematuhan di ibu pejabat. Bagi kakitangan di ibu pejabat, laporan transaksi dalaman yang mencurigakan tersebut perlu disalurkan terus kepada Pegawai Pematuhan.
- S** 19.2.2 Institusi pelapor dikehendaki untuk mempunyai polisi mengenai jangka masa untuk semakan laporan transaksi yang mencurigakan dalaman oleh Pegawai Pematuhan, termasuk keadaan yang membolehkan jangka masa tersebut dilanjutkan, jika perlu.
- S** 19.2.3 Setelah menerima laporan dalaman transaksi yang mencurigakan sama ada dari ibu pejabat, cawangan atau subsidiari, Pegawai Pematuhan mesti menilai alasan untuk rasa syak. Setelah rasa syak itu disahkan, Pegawai Pematuhan mesti mengemukakan laporan transaksi yang mencurigakan dengan kadar segera. Sekiranya Pegawai Pematuhan memutuskan bahawa tidak ada alasan yang munasabah untuk rasa syak, Pegawai Pematuhan mesti

mendokumentasikan dan memfailkan keputusan tersebut, serta disokong oleh dokumen yang berkaitan.

- S** 19.2.4 Pegawai Pematuhan institusi pelapor yang telah diberikan akses FINS yang ditadbir oleh Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan, Bank Negara Malaysia mestilah mengemukakan laporan transaksi yang mencurigakan melalui laman sesawang berikut:

<https://bnmapp.bnm.gov.my/fins2>

- S** 19.2.5 Bagi institusi pelapor yang belum diberi akses kepada FINS, Pegawai Pematuhan mesti mengemukakan laporan transaksi yang mencurigakan, dengan menggunakan borang pelaporan yang ditetapkan seperti dilampirkan di bahagian C dokumen dasar ini, melalui mana-mana saluran berikut:

Surat : Pengarah

Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan

Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

(Untuk dibuka oleh penerima sahaja)

Faks : +603-26916108

E-mel : str@bnm.gov.my

- S** 19.2.6 Pegawai Pematuhan hendaklah memastikan bahawa laporan transaksi yang mencurigakan dikemukakan pada hari bekerja yang berikutnya, bermula dari tarikh Pegawai Pematuhan mempunyai rasa syak ke atas transaksi tersebut.

- S** 19.2.7 Institusi pelapor hendaklah memastikan bahawa semasa dalam proses mengemukakan laporan transaksi yang mencurigakan, langkah-langkah waspada perlu dilaksanakan bagi memastikan bahawa laporan tersebut disediakan dengan tahap kerahsiaan yang tertinggi. Pegawai Pematuhan mempunyai budi bicara dan kebebasan dalam melaksanakan tanggungjawab melaporkan transaksi yang mencurigakan.

- S** 19.2.8 Institusi pelapor hendaklah memberikan maklumat dan dokumentasi tambahan sebagaimana yang dikehendaki oleh Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan, Bank Negara Malaysia dan

hendaklah segera menjawab apa-apa pertanyaan lanjut berkenaan dengan sebarang laporan yang diterima di bawah seksyen 14 AMLA.

S 19.2.9 Institusi pelapor hendaklah memastikan bahawa mekanisme pelaporan transaksi yang mencurigakan dikendalikan dalam persekitaran yang selamat untuk memelihara penyimpanan rahsia dan kerahsiaan.

G 19.2.10 Apabila laporan transaksi yang mencurigakan telah dibuat, institusi pelapor boleh mengemas kini atau membuat laporan transaksi yang mencurigakan yang baharu sebagaimana dan apabila timbul rasa syak yang baharu.

19.3 Pencetus kepada Pengemukakan Laporan Transaksi yang Mencurigakan

S 19.3.1 Institusi pelapor dikehendaki untuk mewujudkan kriteria dalaman (petunjuk transaksi mencurigakan) untuk mengesan transaksi yang mencurigakan.

S 19.3.2 Institusi pelapor hendaklah mempertimbangkan untuk mengemukakan laporan transaksi yang mencurigakan apabila terdapat apa-apa transaksi atau cubaan transaksi oleh pelanggannya yang menepati keterangan petunjuk transaksi mencurigakan institusi pelapor.

G 19.3.3 Institusi pelapor boleh merujuk kepada Bahagian E dokumen dasar ini untuk contoh-contoh transaksi yang mempunyai petunjuk transaksi yang mencurigakan atau apa-apa contoh lain yang mungkin dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwibawa, badan pengawalseliaan, SRB dan organisasi antarabangsa untuk tujuan pelaporan transaksi yang mencurigakan.

19.4 Laporan Transaksi yang Mencurigakan yang Dijana Secara Dalaman

S 19.4.1 Institusi pelapor hendaklah memastikan bahawa Pegawai Pematuhan menyimpan fail yang lengkap mengenai semua laporan yang dijana secara dalaman dan apa-apa bukti dokumentasi sokongan tanpa mengambil kira sama ada laporan tersebut telah dikemukakan.

S 19.4.2 Menurut perenggan 19.4.1, jika tiada laporan transaksi yang mencurigakan dikemukakan kepada Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan, Bank Negara Malaysia, laporan yang dijana secara dalaman dan bukti dokumentasi sokongan yang berkaitan mesti disediakan kepada pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa pengawalseliaan yang berkenaan apabila diminta.

20 Penzahiran Laporan Transaksi yang Mencurigakan (STR), Laporan Nilai Ambang Tunai (CTR) dan Maklumat Berkaitan

- S** 20.1 Institusi pelapor dilarang daripada menzahirkan apa-apa laporan transaksi yang mencurigakan, dan jika berkenaan, laporan ambang tunai, serta apa-apa maklumat yang berkaitan dengan laporan-laporan ini, selaras dengan seksyen 14A AMLA. Ini termasuk apa-apa maklumat mengenai subjek atau pihak balas yang dilaporkan, seperti pengenalan diri, butiran akaun, butiran transaksi, kesalahan yang disyaki atau aktiviti mencurigakan yang dilaporkan, dan apa-apa maklumat lain yang terkandung dalam laporan tersebut.
- S** 20.2 Larangan di bawah perenggan 20.1 tidak terpakai sekiranya pengecualian di bawah seksyen 14A(3) AMLA terpakai.
- S** 20.3 Sekiranya pengecualian di bawah seksyen 14A(3) AMLA terpakai, institusi pelapor hendaklah mempunyai langkah-langkah yang berikut:
- (a) satu set parameter tentang:
 - (i) keadaan yang mana penzahiran diperlukan;
 - (ii) jenis maklumat yang boleh dizahirkan; dan
 - (iii) kepada siapa ia boleh dizahirkan;
 - (b) tatacara tadbir urus dalaman untuk memastikan bahawa apa-apa penzahiran diberikan justifikasi dengan betul, diluluskan dan diuruskan dalam persekitaran yang terkawal dan selamat;
 - (c) memaklumkan kepada semua kakitangan dan penerima maklumat yang dimaksudkan yang mengetahui tentang laporan dan maklumat berkaitan untuk memelihara kerahsiaan; dan
 - (d) jejak audit yang berkesan berkenaan dengan penzahiran maklumat tersebut kekal terpelihara.
- G** 20.4 Untuk apa-apa penzahiran laporan dan maklumat yang berkaitan menurut seksyen 14A(3)(d) AMLA, institusi pelapor boleh membuat permohonan secara bertulis kepada Pengarah, Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan, Bank Negara Malaysia untuk mendapatkan kebenaran secara bertulis.
- S** 20.5 Dalam membuat permohonan di bawah perenggan 20.4, institusi pelapor hendaklah menyediakan perkara berikut:
- (a) perincian dan justifikasi berhubung dengan penzahiran tersebut;
 - (b) perincian mengenai perlindungan dan langkah-langkah yang dilaksanakan untuk memelihara kerahsiaan maklumat yang dihantar sepanjang masa;
 - (c) maklumat mengenai orang yang diberi kuasa oleh institusi pelapor untuk mempunyai akses kepada laporan dan maklumat yang berkaitan;
 - (d) apa-apa dokumen atau maklumat lain yang dianggap berkaitan oleh institusi pelapor; dan
 - (e) apa-apa dokumen atau maklumat lain yang dikehendaki atau ditentukan oleh Bank Negara Malaysia.

21 Penyimpanan Rekod

- S** 21.1 Institusi pelapor dikehendaki untuk menyimpan rekod yang berkaitan termasuk apa-apa akaun, fail, surat-menyurat perniagaan dan dokumen yang berkaitan dengan transaksi, khususnya, yang diperoleh semasa proses CDD. Ini termasuk dokumen yang digunakan untuk menentusahkan identiti pelanggan dan pemilik benefisial, dan hasil apa-apa analisis yang dilakukan. Rekod yang disimpan hendaklah dikemas kini dan berkaitan.
- S** 21.2 Institusi pelapor hendaklah memastikan bahawa semua rekod berkaitan transaksi yang disimpan adalah mencukupi untuk membolehkan pembentukan semula sesuatu transaksi tersebut untuk menyediakan, sekiranya perlu, bukti-bukti untuk pendakwaan terhadap kegiatan jenayah.
- S** 21.3 Institusi pelapor dikehendaki menyimpan rekod untuk sekurang-kurangnya enam tahun setelah selesainya suatu transaksi, selepas penamatan hubungan perniagaan atau selepas tarikh berlakunya transaksi sekali sekala.
- S** 21.4 Dalam situasi apabila rekod tersebut adalah tertakluk kepada penyiasatan yang sedang dilakukan atau pendakwaan yang sedang berlangsung di mahkamah, rekod tersebut hendaklah disimpan di luar batas waktu simpanan rekod yang ditetapkan sehingga ke suatu masa institusi pelapor tersebut dimaklumkan oleh agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan bahawa rekod tersebut tidak lagi diperlukan.
- S** 21.5 Institusi pelapor dikehendaki untuk menyimpan rekod yang berkaitan dalam bentuk yang boleh diterima sebagai bukti di mahkamah menurut Akta Keterangan 1950, dan menyediakan rekod tersebut kepada pihak berkuasa berwajib atau pihak berkuasa penyeliaan dan agensi penguatkuasaan undang-undang tepat pada masa diperintahkan.

22 Sistem Pengurusan Maklumat

- S** 22.1 Institusi pelapor mesti mempunyai sistem pengurusan maklumat (MIS) secara elektronik atau manual yang mencukupi untuk melengkapkan proses CDD. MIS adalah diperlukan untuk memberikan informasi yang tepat pada waktunya secara berkala kepada institusi pelapor untuk membolehkan institusi pelapor mengesan sebarang ketidakaturan dan/atau apa-apa aktiviti yang mencurigakan.
- S** 22.2 MIS hendaklah sepadan dengan saiz, jenis dan kerumitan operasi perniagaan institusi pelapor dan profil risiko ML/TF.
- S** 22.3 MIS hendaklah merangkumi, pada tahap minimum, maklumat mengenai pelbagai transaksi dalam jangka masa tertentu, transaksi besar, anomali dalam corak transaksi, profil risiko pelanggan dan transaksi yang melebihi nilai ambang yang ditentukan secara dalaman.
- S** 22.4 MIS hendaklah dapat mengumpulkan secara agregat transaksi pelanggan dari pelbagai akaun dan/atau dari pelbagai sistem, ejen dan merentas semua cawangan institusi pelapor.
- G** 22.5 MIS boleh disepadukan dengan sistem maklumat institusi pelapor yang mengandungi transaksi normal atau profil perniagaan pelanggannya, yang tepat, terkini dan boleh dipercayai.

23 Sekatan Kewangan Bersasar terhadap Pembiayaan Keganasan

23.1 Takfiran dan Tafsiran

23.1.1 Bagi tujuan perenggan 23,

"pelanggan" termasuk "pemilik benefisial" dan "benefisiari".

"Senarai Domestik" merujuk kepada nama dan butiran entiti yang ditentukan seperti yang diisytiharkan oleh Menteri Dalam Negeri di bawah perundangan subsidiari yang berkaitan yang dibuat di bawah seksyen 66B(1) AMLA.

"pihak berkaitan" merujuk kepada:

- (a) individu yang mempunyai kaitan dengan harta atau dana, yang dimiliki atau dikawal sepenuhnya atau bersama, secara langsung atau tidak langsung, oleh entiti yang ditentukan; dan
- (b) individu yang bertindak bagi pihak atau atas arahan entiti yang ditentukan.

"Senarai UNSCR" merujuk kepada nama dan butiran orang yang ditentukan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) atau Jawatankuasa Sekatan yang berkaitan menurut Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSCR) dan dianggap sebagai entiti yang ditentukan di bawah seksyen 66C(2) AMLA.

23.2 Umum

- S** 23.2.1 Institusi pelapor dikehendaki untuk sentiasa mempunyai pengetahuan terkini mengenai UNSCR yang berkaitan dengan memerangi pembiayaan keganasan, yang merangkumi:
- (a) UNSCR 1267 (1999), 1373 (2001), 1988 (2011), 1989 (2011) dan 2253 (2015) yang mengkehendaki sekatan ke atas individu dan entiti yang dimiliki oleh atau berkaitan dengan Taliban, ISIL (Da'esh) dan Al-Qaida; dan
 - (b) UNSCR baharu yang diterbitkan oleh UNSC atau Jawatankuasa Sekatan yang berkaitan seperti yang disiarkan dalam laman sesawang Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

23.3 Penyenggaraan Senarai Sekatan

Senarai UNSCR

- S** 23.3.1 Institusi pelapor dikehendaki untuk menyenggara suatu pangkalan data sekatan mengenai Senarai UNSCR.

- S** 23.3.2 Institusi pelapor hendaklah memastikan maklumat yang terdapat dalam pangkalan data sekatan dikemas kini dan berkuatkuasa serta merta sebaik sahaja diterbitkan oleh UNSC atau Jawatankuasa Sekatan yang berkaitan dalam laman sesawang PBB.
- G** 23.3.3 Institusi pelapor boleh merujuk kepada Senarai Gabungan UNSCR yang disiarkan dalam laman sesawang PBB yang berikut:
- <https://www.un.org>
- S** 23.3.4 Senarai UNSCR hendaklah kekal di dalam pangkalan data sekatan sehingga penyahsenaraian entiti yang ditentukan oleh Jawatankuasa Sekatan yang berkaitan disiarkan dalam laman sesawang PBB.

Senarai Domestik

- S** 23.3.5 Institusi pelapor dikehendaki untuk sentiasa mempunyai pengetahuan yang terkini mengenai Senarai Domestik sebagaimana dan apabila disiarkan dalam Warta.
- S** 23.3.6 Institusi pelapor dikehendaki untuk menyenggara suatu pangkalan data sekatan mengenai Senarai Domestik.
- S** 23.3.7 Institusi pelapor hendaklah memastikan maklumat yang terdapat dalam pangkalan data sekatan dikemaskini dan berkuatkuasa serta merta sebaik sahaja disiarkan dalam Warta.
- G** 23.3.8 Institusi pelapor boleh merujuk kepada Senarai Domestik yang disiarkan dalam laman sesawang yang berikut:
- <http://www.federalgazette.agc.gov.my>
- S** 23.3.9 Senarai Domestik hendaklah kekal di dalam pangkalan data sekatan sehingga penyahsenaraian entiti yang ditentukan disiarkan dalam Warta.

Kehendak Lain

- S** 23.3.10 Institusi pelapor hendaklah memastikan maklumat di dalam pangkalan data sekatan adalah lengkap dan mudah diakses oleh pekerja di ibu pejabat, cawangan, subsidiari dan sekiranya berkenaan, kepada penyedia perkhidmatan penyumberan luar atau ejen.
- G** 23.3.11 Institusi pelapor boleh mengawasi dan menggabungkan senarai sekatan unilateral negara lain dalam pangkalan data sekatan mereka.

- G** 23.3.12 Institusi pelapor juga boleh mempertimbangkan perkhidmatan langganan elektronik bagi memastikan pangkalan data sekatan dapat dikemas kini dengan segera.

23.4 Saringan Sekatan - Pelanggan

- S** 23.4.1 Institusi pelapor dikehendaki untuk melakukan saringan sekatan ke atas pelanggan sedia ada, bakal atau baharu terhadap Senarai Domestik dan Senarai UNSCR. Sekiranya berkenaan, saringan hendaklah dilakukan sebahagian daripada proses CDD dan usaha wajar yang berterusan.
- S** 23.4.2 Institusi pelapor dikehendaki untuk menyaring keseluruhan pangkalan data pelanggannya (termasuk akaun tidak aktif), dengan kadar segera, untuk apa-apa padanan nama positif terhadap:
(a) Senarai Domestik, sebaik sahaja disiarkan dalam *Warta*; dan
(b) Senarai UNSCR, sebaik sahaja diterbitkan oleh UNSC atau Jawatankuasa Sekatan yang berkaitan dalam laman sesawang PBB.
- G** 23.4.3 Semasa melakukan proses saringan sekatan, institusi pelapor boleh melakukan carian nama berdasarkan suatu set pilih atur yang berkemungkinan untuk setiap entiti yang ditentukan untuk mengelakkan peninggalan yang tidak diingini.

Pengendalian Positif Palsu (False Positives)

- S** 23.4.4 Institusi pelapor dikehendaki untuk mengenal pasti potensi padanan dengan Senarai UNSCR atau Senarai Domestik adalah padanan yang benar untuk menyingkirkan positif palsu.
- S** 23.4.5 Institusi pelapor dikehendaki untuk membuat pertanyaan lebih lanjut untuk memperoleh maklumat tambahan dan dokumen identifikasi daripada pelanggan, pihak balas atau sumber yang boleh dipercayai untuk membantu menentukan sama ada potensi padanan adalah padanan yang benar.
- G** 23.4.6 Institusi pelapor boleh mengajukan sebarang soalan kepada Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan, Bank Negara Malaysia untuk mengenal pasti sama ada pelanggan ialah entiti yang ditentukan, untuk nama-nama yang serupa atau sama.

23.5 Pihak Berkaitan

- S** 23.5.1 Institusi pelapor dikehendaki untuk melakukan usaha wajar terhadap pihak berkaitan.

- S** 23.5.2 Dalam melaksanakan usaha wajar terhadap pihak berkaitan, institusi pelapor dikehendaki untuk memeriksa dan menganalisa transaksi terdahulu yang membabitkan entiti yang ditentukan dan pihak berkaitan, dan menyimpan rekod analisis transaksi tersebut.
- G** 23.5.3 Dalam menentukan sama ada suatu entiti dimiliki atau dikawal oleh entiti yang ditentukan, institusi pelapor boleh merujuk kepada takrifan "pemilik benefisial" dalam perenggan 6.2, dan kehendak di bawah perenggan 14 berkaitan dengan CDD ke atas pemilik benefisial.

23.6 Pembekuan, Penyekatan dan Penolakan – Pelanggan dan Pihak Berkaitan

- S** 23.6.1 Setelah penentuan dan pengesahan identiti pelanggan sebagai entiti yang ditentukan dan/atau pihak berkaitan, institusi pelapor dikehendaki untuk, dengan kadar segera dan tanpa berlengah, melakukan perkara berikut:
(a) membekukan dana dan harta pelanggan; atau
(b) menyekat transaksi (jika berkenaan),

untuk mencegah pelepasan dana.
- S** 23.6.2 Institusi pelapor dikehendaki untuk menolak bakal pelanggan sekiranya terdapat padanan nama positif.
- S** 23.6.3 Pembekuan dana dan harta atau penyekatan transaksi, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terus kekal berkuat kuasa sehingga entiti yang ditentukan dikeluarkan daripada Senarai Domestik atau Senarai UNSCR selaras dengan perenggan 23.3.4 dan 23.3.9.

Transaksi yang Boleh Dibenarkan

- S** 23.6.4 Sebarang urusan yang melibatkan dana atau harta yang dibekukan, sama ada oleh entiti yang ditentukan, pihak berkaitan atau pihak lain yang berkepentingan, perlu mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Menteri Dalam Negeri.
- S** 23.6.5 Dana dan harta yang dibekukan, boleh terus menerima deposit, dividen, faedah, bonus atau faedah-faedah lain. Walau bagaimanapun, dana dan faedah yang sedemikian hendaklah kekal dibekukan selagi entiti yang ditentukan terus tersenarai di bawah Senarai Domestik dan Senarai UNSCR.

Pengecualian untuk Perbelanjaan Asas dan Luar Biasa

- G** 23.6.6 Institusi pelapor boleh menasihati entiti yang ditentukan, pihak berkaitan atau pihak lain yang berkepentingan terhadap dana atau harta yang dibekukan, atau transaksi yang disekat atau ditolak, untuk mengemukakan permohonan kepada Menteri Dalam Negeri untuk pengecualian ke atas perbelanjaan asas dan luar biasa.
- S** 23.6.7 Institusi pelapor boleh meneruskan pembayaran untuk perbelanjaan asas dan luar biasa hanya setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Menteri Dalam Negeri.

23.7 Pelaporan Padanan Nama Positif

Pelaporan setelah Penentuan Padanan Nama Positif

- S** 23.7.1 Institusi pelapor dikehendaki melaporkan dengan kadar segera setelah penentuan dibuat bahawa mereka mempunyai milikan atau kawalan ke atas dana atau harta milik mana-mana entiti yang ditentukan dan/atau pihak berkaitan, dengan menggunakan borang yang dilampirkan dalam Lampiran 6A atau 6B, jika berkenaan, kepada:
- (a) Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan, Bank Negara Malaysia; dan
 - (b) Ketua Polis Negara.

Laporan Berkala Padanan Nama Positif

- S** 23.7.2 Institusi pelapor yang telah melaporkan padanan nama positif dan mempunyai milikan atau kawalan ke atas dana atau harta yang dibekukan atau disekat milik mana-mana entiti yang ditentukan dan/atau pihak berkaitan dikehendaki untuk melaporkan sebarang perubahan terhadap dana, aset kewangan dan sumber ekonomi lain tersebut, dengan menggunakan borang dan pada jarak masa seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 7A atau 7B, jika berkenaan.
- S** 23.7.3 Walau apa pun yang dinyatakan oleh perenggan 23.7.2, institusi pelapor tidak perlu mengemukakan laporan berkala padanan nama positif untuk pelanggan yang melakukan transaksi sekali sahaja dan jika pelanggan tidak mempunyai akaun dengan institusi pelapor.

23.8 Pelaporan Transaksi yang Mencurigakan

Berkenaan Transaksi Berkaitan

- S** 23.8.1 Institusi pelapor perlu mengemukakan laporan transaksi yang mencurigakan, setelah penentuan mana-mana padanan positif atau mempunyai alasan untuk mengesyaki bahawa akaun atau transaksi mempunyai kaitan, atau digunakan atau dicadang untuk digunakan bagi atau oleh mana-mana entiti yang ditentukan atau pihak berkaitan.
- S** 23.8.2 Institusi pelapor juga dikehendaki untuk mengemukakan laporan transaksi yang mencurigakan mengenai transaksi cubaan oleh entiti yang ditentukan atau pihak berkaitan.

Berkenaan Padanan Nama dengan Senarai Sekatan Unilateral Lain

- G** 23.8.3 Institusi pelapor boleh mempertimbangkan untuk mengemukakan laporan transaksi yang mencurigakan sekiranya terdapat apa-apa padanan nama positif dengan individu atau entiti yang disenaraikan dalam senarai sekatan unilateral lain.

24 Sekatan Kewangan Bersasar terhadap Pembiayaan Percambahan (PF) dan Rejim-Rejim Sekatan PBB yang Lain

24.1 Umum

- 24.1.1 Perenggan ini terpakai untuk tujuan memastikan pematuhan terhadap obligasi institusi pelapor⁸ di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010 (STA), Perintah Perdagangan Strategik (Pengguna Akhir Terhad dan Pengguna Akhir Terlarang) 2010 dan Arahan Pelaksanaan Sekatan Kewangan Bersasar berkaitan Pembiayaan Percambahan (Arahan mengenai TFS-PF) yang dikeluarkan oleh Pengawal Perdagangan Strategik, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada bulan April 2018.

24.2 Takfiran dan Tafsiran

- 24.2.1 Bagi tujuan perenggan 23,

"pelanggan" termasuk "pemilik benefisial" dan "benefisiari".

"pihak berkaitan" merujuk kepada:

- (a) individu yang mempunyai kaitan dengan dana, aset kewangan atau sumber ekonomi lain yang dimiliki atau dikawal sepenuhnya atau bersama, secara langsung atau tidak langsung oleh orang yang ditentukan; dan
- (b) individu yang bertindak bagi pihak atau atas arahan orang yang ditentukan.

"Senarai UNSCR" merujuk kepada nama dan butiran orang seperti yang ditentukan oleh UNSC atau Jawatankuasa Sekatan yang berkaitan dan dianggap sebagai orang yang ditentukan di bawah undang-undang subsidiari STA yang berkaitan.

24.3 Penyenggaraan Senarai Sekatan

- S** 24.3.1 Institusi pelapor dikehendaki untuk sentiasa mempunyai pengetahuan yang terkini mengenai senarai negara dan orang yang ditentukan sebagai pengguna akhir terhad dan pengguna akhir terlarang di bawah STA, selaras dengan UNSCR yang berkaitan dengan pencegahan percambahan senjata pemusnah besar-besaran (WMD) seperti yang diterbitkan dalam laman sesawang PBB, sebagaimana dan apabila terdapat keputusan yang terbaharu oleh UNSC atau Jawatankuasa Sekatan yang berkaitan.

⁸ Arahan Pelaksanaan Sekatan Kewangan Bersasar yang Berkaitan Pembiayaan Percambahan (TFS-PF) di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010 (STA), Peraturan Perdagangan Strategik (Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) 2010 dan Perintah Perdagangan Strategik (Pengguna Akhir Terhad dan Pengguna Akhir Terlarang) 2010

- S** 24.3.2 Institusi pelapor juga dikehendaki untuk sentiasa mempunyai pengetahuan yang terkini mengenai senarai negara dan orang yang ditentukan di bawah STA selaras dengan UNSCR yang berkaitan dengan usaha untuk memelihara keamanan dan keselamatan, melalui pencegahan konflik bersenjata dan pelanggaran hak asasi manusia, seperti yang disiarkan dalam laman sesawang PBB, sebagaimana dan apabila terdapat keputusan yang terbaharu oleh UNSC atau Jawatankuasa Sekatan yang berkaitan.
- S** 24.3.3 Institusi pelapor dikehendaki untuk menyenggara suatu pangkalan data sekatan mengenai Senarai UNSCR.
- S** 24.3.4 Institusi pelapor hendaklah memastikan maklumat yang terdapat dalam pangkalan data sekatan dikemas kini dan berkuat kuasa serta merta sebaik sahaja penerbitan oleh UNSC atau penentuan oleh Jawatankuasa Sekatan yang berkaitan dalam laman sesawang PBB.
- G** 24.3.5 Institusi pelapor boleh merujuk kepada Senarai Gabungan UNSCR yang disiarkan dalam laman sesawang PBB yang berikut:
- <https://www.un.org>
- S** 24.3.6 Senarai UNSCR hendaklah kekal di dalam pangkalan data sekatan sehingga penyahsenaraian negara atau orang yang ditentukan oleh UNSC atau Jawatankuasa Sekatannya yang berkaitan disiarkan dalam laman sesawang PBB.
- S** 24.3.7 Institusi pelapor hendaklah memastikan maklumat di dalam pangkalan data sekatan adalah lengkap dan mudah diakses oleh pekerja di ibu pejabat, cawangan, subsidiari dan sekiranya berkenaan, oleh penyedia perkhidmatan penyumberan luar atau ejen.
- G** 24.3.8 Institusi pelapor boleh mengawasi dan menggabungkan senarai sekatan unilateral negara lain dalam pangkalan data senarai sekatan mereka.
- G** 24.3.9 Institusi pelapor juga boleh mempertimbangkan perkhidmatan langganan elektronik bagi memastikan pangkalan data sekatan dapat dikemaskini dengan segera.

24.4 Saringan Senarai Sekatan – Pelanggan

- S** 24.4.1 Institusi pelapor dikehendaki untuk melakukan saringan sekatan ke atas pelanggan sedia ada, bakal atau baharu terhadap Senarai UNSCR. Sekiranya berkenaan, saringan hendaklah dilakukan sebahagian daripada proses CDD dan usaha wajar yang berterusan.

- | | | |
|----------|--------|--|
| S | 24.4.2 | Institusi Pelapor dikehendaki untuk menyaring keseluruhan pangkalan data pelanggannya (termasuk akaun tidak aktif), dengan kadar segera, untuk apa-apa padanan nama positif terhadap Senarai UNSCR, sebaik sahaja penerbitan penentuan oleh UNSC atau Jawatankuasa Sekatan yang berkaitan di laman sesawang PBB. |
| G | 24.4.3 | Semasa melakukan proses saringan sekatan, institusi pelapor boleh melakukan carian nama berdasarkan suatu set pilih atur yang berkemungkinan untuk setiap orang yang ditentukan untuk mengelakkan peninggalan yang tidak diingini. |
| G | 24.4.4 | Institusi pelapor digalakkan untuk melaksanakan penilaian risiko PF, termasuk pertimbangan terhadap tipologi PF, apabila menyemak transaksi dan maklumat pelanggan yang dikumpulkan melalui obligasi AML/CFT sedia ada. Maklumat yang dikumpulkan hendaklah membolehkan institusi pelapor untuk mengenal pasti transaksi, akaun, atau hubungan dengan bank dan entiti dari negara serta orang yang ditentukan. |

Pengendalian Positif Palsu (False Positives)

- | | | |
|----------|--------|---|
| S | 24.4.5 | Institusi pelapor dikehendaki untuk mengenal pasti potensi padanan dengan Senarai UNSCR adalah padanan yang benar untuk menyingkirkan positif palsu. |
| S | 24.4.6 | Institusi pelapor dikehendaki untuk membuat pertanyaan lebih lanjut untuk memperoleh maklumat tambahan dan dokumen identifikasi daripada pelanggan, pihak balas atau sumber yang boleh dipercayai untuk membantu menentukan sama ada potensi padanan adalah padanan yang benar. |
| G | 24.4.7 | Institusi pelapor boleh mengajukan sebarang soalan kepada Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan, Bank Negara Malaysia untuk mengenal pasti sama ada pelanggan ialah orang yang ditentukan, untuk nama-nama yang serupa atau sama. |

24.5 Pihak Berkaitan

- | | | |
|----------|--------|---|
| S | 24.5.1 | Institusi pelapor dikehendaki untuk melakukan usaha wajar terhadap pihak berkaitan. |
| S | 24.5.2 | Dalam melaksanakan usaha wajar terhadap pihak berkaitan, institusi pelapor dikehendaki untuk memeriksa dan menganalisa transaksi terdahulu yang membabitkan orang yang ditentukan dan pihak berkaitan, dan menyimpan rekod analisis transaksi tersebut. |

- G** 24.5.3 Dalam menentukan sama ada suatu entiti dimiliki atau dikawal oleh orang yang ditentukan, institusi pelapor boleh merujuk kepada takrifan "pemilik benefisial" dalam perenggan 6.2, dan kehendak di bawah perenggan 14 berkaitan dengan usaha wajar pelanggan ke atas pemilik benefisial.

24.6 Pembekuan, Penyekatan dan Penolakan – Pelanggan dan Pihak Berkaitan

- S** 24.6.1 Setelah penentuan dan pengesahan identiti pelanggan sebagai orang yang ditentukan dan/atau pihak berkaitan, institusi pelapor dikehendaki untuk, dengan kadar segera dan tanpa berlengah, melakukan perkara berikut:
(a) membekukan dana, aset kewangan dan sumber ekonomi lain pelanggan; atau
(b) menyekat transaksi (jika berkenaan),

untuk mencegah pelepasan dana, aset kewangan dan sumber ekonomi lain.
- S** 24.6.2 Institusi pelapor dikehendaki untuk menolak bakal pelanggan sekiranya terdapat padanan nama positif.
- S** 24.6.3 Pembekuan dana, aset kewangan dan sumber ekonomi lain atau penyekatan transaksi mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terus kekal berkuat kuasa sehingga negara atau orang yang ditentukan dikeluarkan daripada Senarai UNSCR selaras dengan perenggan 24.3.6.

Transaksi yang Boleh Dibenarkan

- S** 24.6.4 Sebarang urusan yang melibatkan dana, aset kewangan atau sumber ekonomi lain yang dibekukan, sama ada oleh negara dan orang yang ditentukan, pihak berkaitan atau pihak lain yang berkepentingan yang dikenal pasti, perlu mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pengawal Perdagangan Strategik di bawah STA.
- S** 24.6.5 Dana, aset kewangan, atau sumber ekonomi lain yang dibekukan, boleh terus menerima deposit, dividen, faedah, bonus atau faedah-faedah lain. Walau bagaimanapun, dana dan faedah sedemikian hendaklah kekal dibekukan selagi negara dan orang tersebut terus tersenarai di bawah Senarai UNSCR.

Pengecualian untuk Perbelanjaan Asas dan Luar Biasa

- G** 24.6.6 Institusi pelapor boleh menasihati orang yang ditentukan, pihak berkaitan atau pihak lain yang berkepentingan terhadap dana, aset kewangan atau sumber ekonomi lain yang dibekukan atau transaksi

yang disekat atau ditolak, untuk mengemukakan permohonan kepada Pengawal Perdagangan Strategik di bawah STA untuk pengecualian ke atas perbelanjaan asas dan luar biasa.

- S** 24.6.7 Institusi pelapor boleh meneruskan pembayaran untuk perbelanjaan asas dan luar biasa hanya setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Pengawal Perdagangan Strategik di bawah STA.

Pengecualian Pembayaran yang Perlu Dijelaskan di bawah Perjanjian Sedia Ada

- G** 24.6.8 Institusi pelapor boleh menasihati orang yang ditentukan, pihak berkaitan atau pihak lain yang berkepentingan terhadap dana, aset kewangan atau sumber ekonomi lain yang dibekukan atau transaksi yang disekat atau ditolak, untuk mengemukakan permohonan kepada Pengawal Perdagangan Strategik di bawah STA untuk membenarkan pembayaran yang perlu dijelaskan di bawah perjanjian yang termeterai sebelum penentuan.

- S** 24.6.9 Institusi pelapor boleh meneruskan pembayaran yang perlu dijelaskan di bawah perjanjian sedia ada hanya setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Pengawal Perdagangan Strategik di bawah STA.

24.7 Pelaporan Padanan Nama Positif

Pelaporan setelah Penentuan Padanan Positif

- S** 24.7.1 Institusi pelapor dikehendaki untuk melaporkan dengan kadar segera kepada Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan, Bank Negara Malaysia mengenai sebarang tindakan pengesanan, pembekuan, penyekatan atau penolakan yang diambil ke atas dana, aset kewangan dan sumber ekonomi lain atau transaksi yang telah dikenal pasti, dengan menggunakan borang yang dilampirkan dalam Lampiran 6A atau 6B, jika berkenaan.

Laporan Berkala Padanan Nama Positif

- S** 24.7.2 Institusi pelapor yang telah melaporkan padanan nama positif dan mempunyai milikan atau kawalan ke atas dana, aset kewangan atau sumber ekonomi lain yang dibekukan atau disekat milik mana-mana orang yang ditentukan dan/atau pihak berkaitan dikehendaki untuk melaporkan sebarang perubahan kepada dana, aset kewangan dan sumber ekonomi lain tersebut dengan menggunakan borang dan pada jarak masa seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 7A atau 7B, jika berkenaan.

- S** 24.7.3 Walau apa pun dinyatakan dalam perenggan 24.7.2, institusi pelapor tidak perlu mengemukakan laporan berkala padanan nama positif untuk pelanggan yang melakukan transaksi sekali sahaja (*one-off transaction*) dan jika pelanggan tidak mempunyai akaun dengan institusi pelapor.

24.8 Pelaporan Transaksi yang Mencurigakan

Berkenaan Transaksi Berkaitan

- S** 24.8.1 Institusi pelapor perlu mengemukakan laporan transaksi yang mencurigakan, setelah penentuan mana-mana padanan positif atau mempunyai alasan untuk mengesyaki bahawa akaun atau transaksi mempunyai kaitan, atau digunakan atau dicadang untuk digunakan bagi atau oleh mana-mana negara dan orang yang ditentukan atau pihak berkaitan.
- S** 24.8.2 Institusi pelapor juga dikehendaki untuk mengemukakan laporan transaksi yang mencurigakan mengenai mana-mana transaksi cubaan yang dilakukan oleh negara dan orang yang ditentukan atau pihak yang berkaitan.

Berkenaan Padanan Nama dengan Senarai Sekatan Unilateral Lain

- G** 24.8.3 Institusi pelapor boleh mempertimbangkan untuk mengemukakan laporan transaksi yang mencurigakan sekiranya terdapat apa-apa padanan nama positif dengan individu atau entiti yang disenaraikan dalam senarai sekatan unilateral lain.

Pengenalan Langkah-Langkah Baharu

- S** 24.8.4 Sekiranya UNSC atau Jawatankuasa Sekatan yang berkaitan mengenakan langkah-langkah baharu yang berkaitan dengan pencegahan PF atau percambahan WMD, institusi pelapor hendaklah mematuhi langkah-langkah sepertimana yang ditentukan oleh Pengawal Perdagangan Strategik di bawah STA.

Pelaksanaan Progam Pematuhan Pencegahan Pembiayaan Percambahan

- G** 24.8.5 Institusi pelapor boleh melaksanakan perenggan 11 Program Pematuhan AML/CFT yang bertujuan untuk pencegahan terhadap PF dan percambahan WMD di bawah perenggan ini.

25 Obligasi Pelaporan Lain

- S** 25.1 Institusi pelapor dikehendaki untuk mengemukakan laporan berikut ke Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan, Bank Negara Malaysia, sebagaimana terpakai:
- (a) Laporan Data dan Pematuhan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia; dan
 - (b) Laporan lain sepertimana yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia.

BAHAGIAN C

GLOSARI, TEMPLAT DAN BORANG

LAMPIRAN 1 Glosari

Bil.	Singkatan	Penerangan
1.	AMLA	Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001
2.	AML/CFT	Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan
3.	CDD	Usaha Wajar Pelanggan
4.	CO	Pegawai Pematuhan
5.	CRP	Pemprofilan Risiko Pelanggan
6.	CSC	Kelab, Pertubuhan dan Badan Amal
7.	CTR	Laporan Nilai Ambang Tunai
8.	Directive on TFS-PF	Arahan Pelaksanaan Sekatan Kewangan Bersasar Berkaitan dengan Pembiayaan Percambahan
9.	DNFBPs	Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan Yang Ditentukan
10.	DPMS	Peniaga Logam Berharga atau Batu Berharga
11.	EDD	Usaha Wajar Pelanggan yang Dipertingkatkan
12.	FATF	Pasukan Petugas Tindakan Kewangan
13.	FATF Recommendations	Saranan FATF
14.	FINS	Sistem Perisikan Kewangan
15.	FSA	Akta Perkhidmatan Kewangan 2013
16.	GLC	Syarikat Berkaitan Kerajaan
17.	MIS	Sistem Pengurusan Maklumat
18.	ML/TF	Pengubahan Wang Haram/ Pembiayaan Keganasan
19.	NCC	Jawatankuasa Penyelaras Pencegahan Pengubahan Wang Haram Peringkat Kebangsaan
20.	Non- FTF	Tanpa Bersemuka
21.	NRIC	Kad Pengenalan Pendaftaran Negara
22.	ODD	Usaha Wajar yang Berterusan
23.	PEPs	Individu yang Mempunyai Pengaruh Politik (PEP)
24.	RBA	Pendekatan Berasaskan Risiko
25.	SRB	Badan Pengawalseliaan Kendiri
26.	STA	Akta Perdagangan Strategik 2010
27.	STR	Laporan Transaksi Yang Mencurigakan
28.	TFS	Sekatan Kewangan Bersasar
29.	TFS-PF	Sekatan Kewangan Bersasar terhadap Pembiayaan Percambahan
30.	UN/ PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
31.	UNSC	Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
32.	UNSCR	Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
33.	WMD	Senjata Pemusnah Besar-Besaran

LAMPIRAN 2 Takrifan / Definisi Institusi Pelapor Bersaiz Kecil

Institusi pelapor yang memenuhi kriteria di bawah tertakluk kepada kemudahan atau pengecualian daripada kehendak Program Pematuhan, menurut perenggan 11.1 dokumen dasar ini.

Sektor		Kriteria
- Institusi kewangan bukan bank - Pemberi Pinjam Wang - Pemegang Pajak Gadai - Syarikat Amanah		- Jumlah perolehan jualan tahunan kurang daripada RM 3 juta; DAN - Jumlah pekerja kurang daripada 30 orang
Peniaga Logam Berharga atau Batu Berharga (DPMS)	Syarikat atau perniagaan yang menjalankan perniagaan runcit	- Jumlah perolehan jualan tahunan kurang daripada RM 10 juta; DAN - Jumlah pekerja kurang daripada 30 orang.
	Syarikat atau perniagaan yang menjalankan perniagaan borong iaitu urusan perniagaan dengan perniagaan sahaja	Semua perniagaan tersebut tertakluk kepada pengecualian dan kemudahan bagi Program Pematuhan AML/CFT
- Peguam - Akauntan		Bilangan pemegang sijil amalan adalah 5 dan ke bawah
Setiausaha Syarikat		5 ahli dan ke bawah bagi badan yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 235(2)(a) Akta Syarikat 2016; atau 5 orang dan ke bawah yang memegang lesen sebagai setiausaha syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia; atau 5 orang dan ke bawah dengan mana-mana gabungan di atas
Ejen Harta Tanah Berdaftar		Jumlah fi tahunan kurang daripada RM 3 juta

LAMPIRAN 3 Borang Pemberitahuan Pencalonan Pegawai Pematuhan

Compliance Officer Nomination Form (Borang Pemberitahuan Pencalonan Pegawai Pematuhan)

IMPORTANT:

All reporting institutions under the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (AMLA) are required to inform Bank Negara Malaysia (BNM) on the appointment or change in the appointment of the Compliance Officer pursuant to paragraph 11.5.13 of the Anti-Money Laundering, Countering Financing of Terrorism and Targeted Financial Sanctions for DNFBPs and NBFIs (AML/CFT and TFS for DNFBPs and NBFIs).

Please note that this notification of appointment under the Policy Document does not tantamount to registration or licensing by Bank Negara Malaysia.

Reporting institutions are highly encouraged to notify appointment of Compliance Officer via online nomination form accessible here: [\[https://amlcft.bnm.gov.my/co/\]](https://amlcft.bnm.gov.my/co/) or any other way that may be specified by BNM.

PENTING:

Semua institusi pelapor di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 perlu memaklumkan kepada Bank Negara Malaysia (BNM) berkaitan pelantikan atau penukaran Pegawai Pematuhan seperti yang tertakluk di bawah perenggan 11.5.13 Dokumen Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Kewangan Bersasar untuk Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditentukan (DNFBP) dan Institusi Kewangan Bukan Bank (NBFi) (AML/CFT dan TFS untuk DNFBP dan NBFi).

Harap maklum bahawa pemberitahuan pelantikan ini tidak bermaksud institusi pelapor didaftarkan atau dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia.

Institusi pelapor sangat digalakkan untuk mengisi borang pemberitahuan pencalonan pegawai pematuhan atas talian yang boleh diakses di sini: [\[https://amlcft.bnm.gov.my/co/\]](https://amlcft.bnm.gov.my/co/) atau cara lain yang boleh ditentukan oleh BNM,

Type of Compliance Officer Nomination (Jenis Pencalonan Pegawai Pematuhan)			
☐ New appointment (Pelantikan baharu)	☐ Change of appointment (Penukaran pelantikan)		
	Name of the previous Compliance Officer as per the NRIC/ Passport (Nama Pegawai Pematuhan yang sebelumnya [mengikut NRIC/Pasport])		
	Please provide the Previous Compliance Officer No. (Sila berikan nombor Pegawai Pematuhan yang sebelumnya)		
Details of Compliance Officer (Maklumat Pegawai Pematuhan)			
Name as per the NRIC/ Passport (Nama mengikut NRIC/Pasport)			
Identity Card No./Passport No. (No. Kad Pengenalan/No. Pasport)		Email address (Alamat e-mel)	
Designation (Jawatan)		Date of appointment (Tarikh pelantikan)	
Nama Institusi Pelapor : (sila nyatakan semua entiti di bawah kumpulan sekiranya pelaporan dilakukan berdasarkan kumpulan)
Sektor :
Individu untuk Dihubungi :
Jawatan :
No. Tel & Faks :
E-mel :
Tarikh Pelaporan :

Nota:

Sila hantar borang yang lengkap kepada		Tarikh penghantaran	
Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan, Bank Negara Malaysia		Pembiayaan Keganasan:	
- Alamat : amlsanctions@bnm.gov.my - Perkara : Laporan setelah Penentuan (CFT/CPF/OSR*) *perlu dinyatakan rejim sekatan yang berkaitan		Senarai UNSC: Setiap 5hb Januari dan 5hb Julai Senarai Domestik: Setiap 15hb Mei dan 15hb November	
		Pembiayaan Percambahan & Rejim Sekatan Yang Lain:	
		Hanya jika terdapat sebarang perubahan pada dana yang dibekukan (selepas pelaporan pertama kali mengenai padanan nama yang positif) dan selewat-lewatnya pada 15 Januari tahun kalendar yang berikutnya	

Dikeluarkan pada: 31 Disember 2019

Tarikh pindaan : 03 Mei 2021

LAMPIRAN 7B Pelaporan Sekatan Kewangan Bersasar (DNFBP) - Laporan Berkala Padanan Nama Positif

LAPORAN BERKALA PADANAN NAMA POSITIF: () PEMBIAYAAN KEGANASAN () PEMBIAYAAN PERCAMBAHAN () REJIM SEKATAN YANG LAIN

Sila tandakan (✓) pada tanda kurung yang sesuai

Hanya untuk pelaporan Pembiayaan Keganasan*																												
Jenis Senarai : Senarai Domestik () Senarai UNSCR ()																												
Bil.	No Rujukan Tetap UNSCR / No Rujukan KDN (Contoh KPI.001 / KDN.I.01-2014)	Nama Pelanggan	Alamat	No. Kad Pengenalan/Pasport	Nama Institusi Pelapor	Cawangan yang menyediakan produk/perkhidmatan/kemudahan (jika berkenaan)	Produk/perkhidmatan/kemudahan yang ditawarkan, contohnya pajak gadai, pinjaman	Tarikh dana yang diterima oleh institusi pelapor (HH/BB/TT)	Status Akaun / Kemudahan (sebelum ditentukan)	Status produk/ kemudahan perkhidmatan (setelah ditentukan) (contohnya dibekukan, ditamatkan, dll.)	Tarikh dana yang diterima oleh institusi pelapor (HH/BB/TT)	Nilai produk/ perkhidmatan/ kemudahan	Butiran Transaksi (transaksi baris demi baris)					Baki Baharu Akaun pada: (HH / BB / TT)			Pihak Berkaitan	Catatan						
													No. Transaksi	Tarikh (HH/BB/TT)	Jenis (CR / DR)	Jumlah (RM)	Catatan	Perbankan (CR)	Perbankan (DR)	Sila nyatakan jenis dan nilai harta untuk akaun pinjaman								
1.																												
														1.														
														2.														
2.																												
3.																												

Butiran Institusi Pelapor

Nama Institusi Pelapor : (sila nyatakan semua entiti di bawah kumpulan sekiranya pelaporan dilakukan berdasarkan kumpulan)
 Sektor :
 Individu untuk Dihubungi :
 Jawatan :
 No. Tel & Faks :
 E-mel :
 Tarikh Pelaporan :

Nota:

Sila hantar borang yang lengkap kepada	Tarikh penghantaran
Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan, Bank Negara Malaysia	Pembiayaan Keganasan:
• Alamat : amlsanctions@bnm.gov.my	Senarai UNSC: Setiap 5hb Januari dan 5hb Julai
• Perkara : Laporan setelah Penentuan (CFT/CPF/OSR*)	Senarai Domestik: Setiap 15hb Mei dan 15hb November
*perlu dinyatakan rejim sekatan yang berkaitan	Pembiayaan Percambahan & Rejim Sekatan Yang Lain:
	Hanya jika terdapat sebarang perubahan pada dana yang dibekukan (selepas pelaporan pertama kali mengenai padanan nama yang positif) dan selewat-lewatnya pada 15 Januari tahun kalendar yang berikutnya

Tarikh pindaan : 03 Mei 2021

BAHAGIAN D PANDUAN

LAMPIRAN 8 Panduan Pemakaian Pendekatan Berasaskan Risiko

1.0 Pengenalan

- 1.1 Pendekatan berdasarkan risiko (*Risk-based approach*, RBA) adalah penting bagi pelaksanaan keperluan pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (AML/CFT) serta Saranan FATF (*FATF Recommendations*) yang berkesan. Tumpuan pada risiko diharapkan dapat memastikan institusi pelapor boleh mengenal pasti, menilai dan memahami risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (ML/TF) yang dihadapinya dan mengambil langkah-langkah kawalan AML/CFT yang perlu bagi menangani risiko tersebut.
- 1.2 Panduan ini bertujuan untuk:
 - (a) membantu institusi pelapor merancang dan melaksanakan langkah-langkah kawalan AML/CFT dengan memberikan pemahaman yang lazim tentang RBA; dan
 - (b) menjelaskan jangkaan polisi berkaitan dengan penilaian risiko ML/TF berasaskan perniagaan dan pelanggan dalam menerima pakai RBA. Sekiranya institusi pelapor telah merangka RBA yang tersendiri, institusi pelapor hendaklah memastikan RBA tersebut mencapai hasil sebagaimana yang dinyatakan dalam Dokumen Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Kewangan Bersasar untuk Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditentukan (DNFBP) & Institusi Kewangan Bukan Bank (NBFI) (Dokumen Dasar AML/CFT dan TFS untuk DNFBP dan NBFI) sebagaimana yang dijelaskan lebih lanjut dalam Panduan ini.
- 1.3 Panduan ini **tidak** bertujuan untuk menggantikan atau menukar mana-mana kehendak wajib RBA sedia ada yang diperuntukkan dalam Perenggan 10 Dokumen Dasar AML/CFT dan TFS untuk DNFBP dan NBFI.
- 1.4 RBA—
 - (a) mengenal pasti ancaman ML/TF terhadap institusi pelapor adalah berbeza antara pelanggan, negara, produk dan perkhidmatan, transaksi dan saluran penyampaian;
 - (b) membolehkan institusi pelapor menerima pakai polisi, tatacara, sistem dan kawalan yang bersesuaian untuk mengurus dan mengurangkan risiko ML/TF yang telah dikenal pasti berdasarkan jenis, saiz dan kerumitan struktur operasi perniagaan institusi pelapor dan profil risiko ML/TF; dan
 - (c) membolehkan peruntukan sumber dan struktur dalaman institusi pelapor secara lebih berkesan untuk mengurus dan mengurangkan risiko ML/TF yang telah dikenal pasti.
- 1.5 RBA memberi penilaian terhadap ancaman dan kelemahan institusi pelapor daripada digunakan sebagai saluran untuk aktiviti ML/TF. Dengan melaksanakan penilaian risiko ML/TF secara berkala, institusi pelapor mampu

melindungi dan memelihara integriti perniagaan dan sistem kewangan secara keseluruhan.

2.0 Penilaian Risiko Tahap Institusi dan Pemprofilan Risiko Pelanggan

2.1 RBA terdiri daripada dua (2) peringkat penilaian:

Penilaian Risiko Tahap Institusi (*Institutional Risk Assessment, IRA*)

Institusi pelapor perlu mengenal pasti faktor risiko ML/TF yang memberi kesan ke atas perniagaan dan menangani impak ke atas keseluruhan risiko ML/TF institusi pelapor.

- **Rujuk kehendak di bawah perenggan 10.2 dan 10.3 dalam dokumen dasar AML/CFT dan TFS untuk DNFBP dan NBFi**

- I. **Pelaksanaan penilaian risiko** - Institusi pelapor perlu melaksanakan penilaian mengenai tahap pendedahan perniagaan institusi pelapor terhadap risiko ML/TF dan menentukan tahap kesanggupan mengambil risiko (*risk appetite*). Oleh itu, institusi pelapor perlu merangkakan parameter yang khusus untuk setiap faktor risiko ML/TF yang dipertimbangkan.
- II. **Merangka dan melaksanakan langkah-langkah kawalan pengurusan dan mitigasi risiko perniagaan** - Institusi pelapor perlu mewujudkan dan melaksanakan polisi, kawalan dan tatacara untuk mengurus dan mengurangkan risiko ML/TF yang telah dikenal pasti. Langkah-langkah tersebut haruslah mencukupi untuk mengurus dan mengurangkan risiko ML/TF yang telah dikenal pasti.

Pemprofilan Risiko Pelanggan (*Customer Risk Profiling, CRP*)

Untuk CRP, institusi pelapor perlu mempertimbangkan risiko yang berkait dengan jenis produk, perkhidmatan, saluran penyampaian, dll. yang digunakan oleh pelanggan dan melaksanakan langkah-langkah yang sesuai untuk mengurus dan mengurangkan risiko ML/TF yang telah dikenal pasti.

- **Rujuk kehendak di bawah perenggan 10.4 dalam dokumen dasar AML/CFT dan TFS untuk DNFBP dan NBFi**

- I. **Menentukan parameter risiko untuk pemprofilan risiko pelanggan** - Institusi pelapor perlu mengenal pasti faktor risiko dan parameter ML/TF secara khusus untuk pemprofilan pelanggan. Sekiranya berkenaan, institusi pelapor boleh menggunakan parameter yang sama yang telah digunakan dalam penilaian risiko ML/TF IRA.

- II. *Menjalankan pemprofilan risiko terhadap pelanggan*** - Berdasarkan maklumat Usaha Wajar Pelanggan (CDD) yang diperoleh pada ketika pelanggan baharu menjalinkan hubungan perniagaan, atau maklumat usaha wajar pelanggan yang berterusan yang diperoleh daripada pelanggan sedia ada, mengikut mana-mana yang berkenaan, institusi pelapor perlu menentukan profil risiko ML/TF ke atas setiap pelanggan (misalnya tinggi, sederhana atau rendah) dengan menerima pakai parameter risiko yang telah ditentukan, untuk menentukan tahap CDD yang bersesuaian (iaitu standard atau yang dipertingkatkan) ke atas setiap pelanggan. Pemprofilan risiko ML/TF yang terhasil juga boleh mempengaruhi kekerapan dan intensiti usaha wajar pelanggan yang berterusan yang terpakai sepanjang tempoh hubungan perniagaan dengan pelanggan.
- III. *Menerima pakai langkah-langkah kawalan pengurusan dan pengurangan risiko pelanggan*** - Institusi pelapor perlu menerima pakai polisi, kawalan dan tatacara pengurusan dan pengurangan risiko yang sepadan dengan profil risiko ML/TF untuk setiap pelanggan, dalam mengurus dan mengurungi risiko ML/TF yang telah dikenal pasti dengan berkesan. Contohnya, pelanggan yang dinilai mempunyai risiko ML/TF yang lebih tinggi harus tertakluk kepada tatacara CDD yang dipertingkatkan, mendapatkan kelulusan pihak pengurusan kanan sebelum menawarkan atau meneruskan urusan niaga atau memberikan perkhidmatan profesional serta pelanggan harus tertakluk kepada tatacara usaha wajar pelanggan yang berterusan yang lebih kerap dan lebih ketat sepanjang tempoh hubungan perniagaan dengan pelanggan.
- 2.2 RBA perlu disepadankan dengan jenis, saiz dan kerumitan operasi, struktur dan aktiviti perniagaan institusi pelapor.
- 2.3 Institusi pelapor perlu merangkumi RBA ke dalam polisi dan tatacara yang sedia ada. Semua langkah dan proses yang berkaitan dengan RBA untuk tujuan IRA dan CRP perlu didokumentasikan dan disokong dengan rasional yang bersesuaian dan harus tertakluk kepada kelulusan daripada pihak pengurusan kanan dan/atau Lembaga Pengarah, yang sewajarnya.
- 2.4 Menyedari risiko ML/TF yang sentiasa berkembang dan berubah dari masa ke masa (disebabkan oleh timbulnya ancaman yang baharu, pengenalan produk/ perkhidmatan baharu, teknologi baharu, perkembangan sasaran pelanggan dll.), institusi pelapor perlu memahami bahawa penilaian dan pengurangan risiko ML/TF bukanlah bersifat statik. Oleh itu, institusi pelapor perlu menyemak semula, menilai dan mengemaskini RBA dengan kerap.
- 2.5 Hasil dapatan IRA dan CRP adalah saling melengkapi. Oleh itu, untuk melaksanakan RBA dengan berkesan—
- (a) institusi pelapor perlu menentukan faktor risiko dan parameter yang munasabah untuk IRA dan CRP; dan
 - (b) dalam jangka masa tertentu, data daripada CRP juga berguna dalam mengemas kini parameter IRA.

3.0 Penilaian Risiko Tahap Institusi (IRA)

A. Melaksanakan Penilaian Risiko

- 3.1 Memandangkan tiada kaedah yang ditetapkan, IRA perlu mengambil kira ancaman dan kelemahan ML/TF yang ketara dan dapat dijangka yang di mana institusi pelapor terdedah kepada dalam tempoh yang dikaji. Oleh itu, institusi pelapor boleh mewujudkan sistem manual atau automatik untuk melaksanakan penilaian risikonya.
- 3.2 Institusi pelapor perlu menilai kemungkinan dan takat risiko ML/TF di peringkat makro. Ketika menilai risiko ML/TF, institusi pelapor perlu mempertimbangkan kesemua faktor risiko yang berkaitan yang memberi kesan kepada perniagaan dan operasi, termasuklah seperti:
- (a) Faktor risiko yang khusus atau jenayah berisiko tinggi yang boleh dipertimbangkan oleh institusi pelapor untuk tujuan mengenal pasti risiko ML/TFnya;
 - (b) Jenis pelanggan;
 - (c) Lokasi kedudukan geografi institusi pelapor;
 - (d) Transaksi dan saluran penyampaian yang ditawarkan oleh institusi pelapor;
 - (e) Produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi pelapor;
 - (f) Struktur institusi pelapor; dan
 - (g) Hasil dapatan Penilaian Risiko Kebangsaan (*National Risk Assessment, NRA*).
- 3.3 Risiko ML/TF boleh diukur berpanduan kepada beberapa faktor. Kewajaran atau materialiti yang diberikan kepada faktor-faktor ini (secara individu atau gabungan) ketika menilai keseluruhan risiko potensi ML/TF mungkin berbeza antara institusi-institusi pelapor yang lain bergantung pada keadaan masing-masing. Oleh yang demikian, institusi pelapor perlu membuat penentuan sendiri mengenai kewajaran atau materialiti risiko bagi setiap faktor yang dipertimbangkan. Faktor-faktor ini sama ada secara individu atau gabungan, boleh meningkatkan atau menurunkan potensi risiko ML/TF terhadap institusi pelapor.
- 3.4 Untuk membantu institusi pelapor dalam menilai takat risiko ML/TF, institusi pelapor boleh mempertimbangkan beberapa contoh faktor risiko seperti berikut:
- a) **Pelanggan** - dalam menjalankan transaksi perniagaan, institusi pelapor terdedah kepada pelbagai jenis pelanggan yang boleh mendedahkan pelbagai tahap risiko ML/TF yang berbeza. Dalam menganalisa risiko pelanggan, institusi pelapor boleh mempertimbangkan beberapa contoh bukan muktamad seperti di bawah:
- *Pendedahan mengikut jenis pelanggan, individu dan bukan individu (syarikat, perniagaan, pengaturan yang berasaskan undang-undang (legal arrangements), persatuan, dll.);*

- *Pendedahan mengikut kewarganegaraan iaitu tempatan atau asing;*
- *Jenis perniagaan atau pekerjaan pelanggan;*
- *Pendedahan kepada pelanggan PEP asing;*
- *Pendedahan kepada pelanggan PEP domestik yang dinilai berisiko lebih tinggi;*
- *Pendedahan kepada pelanggan yang berkaitan dengan PEP yang dinilai berisiko lebih tinggi;*
- *Pendedahan kepada pelanggan yang merupakan pengaturan yang berdasarkan undang-undang (legal arrangements) (contohnya amanah) dan entiti korporat (legal person) dan tahap kerumitan struktur undang-undang tersebut;*
- *Pendedahan kepada pelanggan yang memberi kuasa kepada proksi / ejen untuk mewakili bagi pihak mereka;*
- *Pendedahan kepada syarikat yang mempunyai pemegang saham penama atau saham dalam bentuk pembawa;*
- *Pendedahan kepada entiti korporat (legal person) atau pengaturan yang berdasarkan undang-undang (legal arrangements) yang digunakan bagi tujuan pegangan aset peribadi;*
- *Pendedahan kepada pelanggan yang berasal dari atau berpangkalan di, dan/atau transaksi yang dilakukan di atau melalui negara berisiko lebih tinggi (disarankan oleh FATF atau Kerajaan Malaysia) atau negara yang tiada atau rendah liabiliti cukai (tax haven).*

- b) **Negara atau lokasi kedudukan geografi** - institusi pelapor harus mengambil kira faktor ini termasuklah lokasi syarikat pemegangan institusi pelapor, ibu pejabat, cawangan dan subsidiari dan agen (sekiranya berkenaan) dan sama ada syarikat pemegangan terletak di negara yang patuh dengan AML/CFT sepenuhnya seperti yang dikenal pasti oleh sumber yang boleh dipercayai. Contoh-contoh lain yang bukan muktamad adalah seperti berikut:

Lokasi syarikat pemegangan, cawangan, subsidiari, pedagang dan/atau agen di:

- *Tempat tumpuan pelancongan, kawasan tumpuan jenayah, sempadan negara dan pintu masuk;*
- *Negara yang ditetapkan oleh FATF atau Kerajaan Malaysia sebagai berisiko tinggi;*
- *Negara yang telah dikenal pasti oleh sumber yang boleh dipercayai sebagai mempunyai tahap rasuah atau kegiatan jenayah yang lain yang tinggi, contohnya laporan oleh Transparency International, Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC) dll;*
- *Negara yang telah dikenal pasti oleh sumber yang boleh dipercayai sebagai menyediakan dana atau sokongan untuk*

pengubahan wang haram, keganasan atau percambahan senjata pemusnah besar-besaran (WMD).

- c) **Transaksi dan saluran penyampaian** - Institusi pelapor mempunyai pelbagai kaedah transaksi dan penyampaian produk dan perkhidmatan. Beberapa kaedah transaksi dan saluran penyampaian mungkin lebih mudah terdedah kepada risiko ML/TF. Sebagai contoh, produk yang dijual secara tanpa bersemuka lebih mudah terdedah kepada risiko ML/TF berbanding dengan produk yang dijual secara bersemuka, dan transaksi yang dijalankan melalui ejen pihak ketiga institusi pelapor mungkin lebih terdedah kepada risiko ML/TF berbanding jika transaksi dijalankan di cawangan institusi pelapor itu sendiri. Oleh yang demikian, institusi pelapor perlu mempertimbangkan risiko ML/TF yang bersesuaian yang berpunca daripada semua kaedah transaksi dan saluran penyampaian yang ditawarkan kepada pelanggan oleh institusi pelapor, termasuk contoh-contoh yang bukan muktamad seperti berikut:

- *Kaedah penyampaian misalnya saluran secara langsung, atau melalui ejen, broker, penasihat kewangan, pencadang, transaksi berasaskan dalam talian atau teknologi;*
- *Jumlah dan kekerapan hubungan atau transaksi perniagaan secara tanpa bersemuka;*
- *Kaedah pembayaran, contohnya transaksi berasaskan tunai, e-pembayaran;*
- *Intensif tunai atau bentuk transaksi lain yang tanpa nama;*
- *Jumlah dan kekerapan transaksi yang dilakukan di kawasan atau negara yang berisiko tinggi;*
- *Bilangan saluran penyampaian yang terletak di kawasan atau negara yang berisiko tinggi; dan/atau*
- *Pendedahan kepada transaksi rentas sempadan dan / atau transaksi dalam negara berisiko tinggi.*

- d) **Produk dan perkhidmatan** - Institusi pelapor perlu mengenal pasti tahap risiko ML/TF yang sesuai yang berkaitan dengan jenis produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Antara contoh-contoh lain yang bukan muktamad adalah seperti berikut:

- *Jenis produk dan perkhidmatan;*
- *Tahap kerumitan produk dan perkhidmatan;*
- *Intensiti tunai yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan;*
- *Segmen pasaran produk dan perkhidmatan;*
- *Produk yang mudah dipindahkan ke pihak lain;*
- *Pemilikan produk yang tidak boleh dikesan dengan mudah;*
- *Produk yang boleh ditukar kepada tunai atau bentuk lain dengan mudah;*
- *Pelanggan boleh membuat deposit untuk suatu jangka masa bagi pembelian produk;*

- *Produk boleh diangkut atau disembunyikan dengan mudah;*
- *Produk boleh digunakan sebagai bentuk mata wang alternatif;*
- *Produk yang bernilai tinggi;*
- *Produk boleh dibeli secara tanpa bersemuka;*
- *Membenarkan penggunaan aset maya dan kaedah pembayaran tanpa nama yang lain;*
- *Membenarkan penggunaan kaedah pembayaran yang tidak lazim contohnya barang bernilai tinggi seperti harta tanah, logam berharga dan batu berharga;*
- *Perkhidmatan yang membolehkan pelanggan memindahkan dana tanpa nama; dan/ atau*
- *Perkhidmatan penama yang boleh mengaburkan pemilikan entiti korporat (legal person) atau pengaturan yang berasaskan undang-undang (legal arrangements).*

- e) **Struktur institusi pelapor** - risiko ML/TF institusi pelapor mungkin berbeza mengikut saiz, jenis dan kerumitan operasi perniagaan institusi pelapor. Penilaian yang bersesuaian ke atas model dan struktur perniagaannya dapat membantu institusi pelapor untuk mengenal pasti tahap risiko ML/TF ia terdedah kepada. Dalam hal ini, institusi pelapor boleh mempertimbangkan contoh-contoh bukan muktamad seperti berikut:

- *Bilangan cawangan, subsidiari dan/atau ejen;*
- *Saiz institusi pelapor berbanding industri/ sektor;*
- *Bilangan dan profil kakitangan;*
- *Tahap kebergantungan pada teknologi;*
- *Jumlah dan nilai transaksi rentas sempadan;*
- *Jumlah dan nilai produk bernilai tinggi;*
- *Intensiti tunai dalam perniagaan; dan/atau*
- *Tahap pusing ganti kakitangan, terutamanya jumlah kakitangan utama.*

- f) **Hasil dapatan Penilaian Risiko Kebangsaan (National Risk Assessment, NRA) atau mana- mana penilaian risiko yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang relevan** - dalam mengenal pasti, menilai dan memahami risiko ML/TF, institusi pelapor perlu mempertimbangkan sepenuhnya hasil dapatan NRA atau mana-mana penilaian risiko yang setara oleh pihak berkuasa yang relevan:

Berpandukan NRA, institusi pelapor perlu mempertimbangkan hal-hal berikut:

- *Sektor yang dikenal pasti sebagai sangat terdedah kepada risiko ML/TF dan pendedahan institusi pelapor kepada sektor tersebut oleh kerana segmen pelanggan yang diberikan perkhidmatan;*
- *Jenayah yang dikenal pasti berisiko tinggi atau lebih terdedah kepada ML/TF dan kecukupan langkah- langkah pengurangan*

risiko oleh institusi pelapor untuk mengesan dan mencegah hasil haram tersebut atau mencegah urus niaga dengan pelanggan yang terlibat dalam kegiatan haram tersebut; dan/atau

- *Risiko Pembiayaan Keganasan dan/atau risiko Pembiayaan Percambahan yang dihadapi oleh industri.*

g) Faktor- faktor lain - institusi pelapor juga boleh mengambil kira faktor lain dalam menentukan penilaian risikonya seperti:

- *Perkembangan dan tipologi semasa untuk sektor ini berkaitan dengan ML/TF dan jenayah lain;*
- *Hasil dapatan audit dalaman dan pengawalseliaan institusi pelapor;*
- *Perkembangan dan tipologi semasa untuk sektor lain yang memiliki model perniagaan atau penawaran produk/ perkhidmatan yang sama yang berkaitan dengan ML/TF dan jenayah lain;*
- *Jumlah laporan transaksi mencurigakan yang telah dilaporkan kepada Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan, Bank Negara Malaysia; dan/atau*
- *Sama ada institusi pelapor telah tertakluk kepada apa-apa perintah pembekuan atau penyitaan oleh mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang menurut AMLA, Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, dll.*

3.5 Dalam mempertimbangkan setiap faktor risiko yang disebutkan di atas, institusi pelapor perlu merangkakan parameter yang menunjukkan tahap kesanggupan mengambil risiko (*risk appetite*) berkaitan dengan potensi risiko ML/TF yang mungkin mereka akan terdedah kepada. Institusi pelapor perlu menetapkan parameter tersendiri sepadan dengan saiz dan kerumitan perniagaan. Contoh 1 di bawah ini hanya bertujuan untuk memberi gambaran/ ilustrasi dan memberikan pemahaman yang lebih baik mengenai bagaimana faktor risiko dan parameter dapat dilaksanakan. Contoh ini **tidak** bertujuan sebagai preskripsi atau cadangan mengenai parameter atau nilai ambang khusus yang harus diterima pakai oleh institusi pelapor:

Contoh 1 untuk semua sektor:

Faktor Risiko	Contoh:	Parameter Dirangkakan
Pelanggan	Pelanggan berisiko lebih tinggi	• Bilangan pelanggan berisiko lebih tinggi adalah lebih daripada 20% daripada jumlah keseluruhan pelanggan

		selama setahun • Bilangan pelanggan daripada orang yang terdedah kepada pengaruh politik (PEP) yang berisiko tinggi adalah lebih daripada 5% daripada jumlah pelanggan
	Pelanggan tempatan dan warganegara asing	• Peratusan pelanggan tempatan dan warganegara asing dalam tempoh setahun
	Syarikat yang mempunyai pemegang saham penama atau saham dalam bentuk pembawa;	• Peratusan syarikat tersebut terhadap jumlah keseluruhan pelanggan bukan individu
Transaksi dan Saluran Penyampaian	Intensif tunai atau jenis transaksi tanpa nama yang lain	• Jumlah transaksi tunai yang tinggi melebihi RM50,000 dalam tempoh setahun • Jumlah transaksi tanpa nama/proksi yang tinggi melebihi RM50,000 bagi setiap transaksi dalam tempoh setahun
	Peratusan transaksi secara tanpa bersemuka	• Transaksi secara tanpa bersemuka melebihi 50% daripada jumlah transaksi
	Kekerapan dan amaun pembayaran secara tunai	• Transaksi tunai melebihi RM10,000
	Pelbagai produk dan perkhidmatan e-perbankan	• Lebih daripada 30% akaun baru dibuka melalui internet, mel atau telefon tanpa hubungan terlebih dahulu
Hasil dapatan NRA	Sektor yang dikenal pasti sebagai sangat terdedah kepada risiko ML/TF	• Bilangan pelanggan yang mempunyai pekerjaan atau jenis perniagaan daripada sektor yang sangat terdedah yang dikenal pasti di bawah NRA

Nota: Contoh-contoh di atas tidak berperanan sebagai contoh atau preskripsi yang lengkap tentang faktor risiko atau parameter khusus yang harus diterima pakai oleh institusi pelapor dalam menilai risiko ML/TF perniagaan. Institusi pelapor perlu menentukan faktor risiko dan parameter tersendiri bertepatan dengan jenis, saiz dan kerumitan perniagaan masing-masing.

- 3.6 Dengan menerima pakai semua faktor risiko dan parameter dalam melaksanakan penilaian risiko, institusi pelapor harus mampu untuk menentukan setakat mana institusi pelapor terdedah kepada risiko ML/TF secara kuantitatif dan/atau kualitatif.
- 3.7 Hasil penilaian risiko akan menentukan tahap kebolehterimaan risiko ML/TF institusi pelapor (iaitu kesanggupan mengambil risiko oleh institusi pelapor) dan penarafan risiko yang sesuai. Tahap kesanggupan mengambil risiko (*risk appetite*) dan penarafan risiko mempunyai kesan langsung kepada cadangan polisi, kawalan dan tatacara pengurusan dan pengurangan risiko oleh institusi pelapor.
- 3.8 Selain daripada memastikan bahawa penilaian risiko diambil kira dalam polisi dan tatacaranya, institusi pelapor juga perlu memberi justifikasi terhadap hasil penilaian risiko yang dijalankan. Institusi pelapor diingatkan tentang kehendak-kehendak di bawah AMLA dan Dokumen Dasar AML/CFT dan TFS untuk DNFBP dan NBFI untuk menyimpan rekod yang tepat mengenai sebarang penilaian dan kelulusan oleh pengurusan kanan dan/atau Lembaga Pengarah mengenai penilaian risiko ML/TF yang dijalankan untuk membolehkan semakan semula diadakan sebagaimana dipinta dan apabila dikehendaki oleh pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa penyeliaan.

B. Merangka dan melaksanakan langkah-langkah kawalan bagi pengurusan dan pengurangan risiko di peringkat tahap institusi

- 3.9 Setelah institusi pelapor mengenal pasti dan menilai risiko ML/TF yang dihadapinya melalui penilaian risiko seperti pada perenggan 3A di atas, institusi pelapor perlu merangka dan melaksanakan langkah-langkah kawalan risiko yang sesuai untuk mengurus dan mengurangkan risiko tersebut.
- 3.10 Hasil yang diinginkan adalah langkah-langkah pengurangan dan kawalan adalah sepadan dengan risiko ML/TF yang telah dikenal pasti.
- 3.11 Jenis dan takat kawalan AML/CFT akan bergantung pada beberapa faktor, termasuk:
 - (a) jenis, saiz dan kerumitan struktur operasi institusi pelapor;
 - (b) kepelbagaian operasi institusi pelapor, termasuk lokasi kedudukan geografi;
 - (c) jenis pelanggan;
 - (d) produk atau perkhidmatan yang ditawarkan;

- (e) saluran penyampaian yang digunakan sama ada secara langsung, melalui pihak ketiga atau ejen atau secara tanpa bersemuka;
- (f) jumlah dan saiz transaksi; dan
- (g) sejauh mana institusi pelapor telah menyumber luar operasinya kepada entiti lain atau di peringkat kumpulan, sekiranya berkenaan.

3.12 Berikut adalah contoh-contoh yang bukan muktamad mengenai kawalan risiko yang boleh digunakan oleh institusi pelapor:

- (a) menyekat atau mengehadkan transaksi kewangan;
- (b) menetapkan keperluan untuk mendapatkan kelulusan tambahan dalaman untuk transaksi dan produk atau perkhidmatan tertentu;
- (c) menjalankan program latihan secara lebih kerap untuk pengarah dan kakitangan atau menambah sumber sekiranya berkenaan;
- (d) menggunakan saringan berasaskan teknologi atau pemantauan transaksi berdasarkan sistem; dan
- (e) menggunakan sistem biometrik untuk menentusahkan pelanggan dengan lebih baik.

4.0 Pemprofilan Risiko Pelanggan (*Customer Risk Profiling, CRP*)

A. Menentukan parameter risiko untuk pemprofilan pelanggan

4.1 Institusi pelapor perlu menentukan parameter risiko yang sesuai ketika mempertimbangkan faktor risiko seperti pelanggan, negara atau lokasi kedudukan geografi, produk atau perkhidmatan dan transaksi atau saluran penyampaian. Parameter risiko ini akan membantu institusi pelapor mengenal pasti faktor risiko ML/TF terhadap pelanggan untuk tujuan pemprofilan risiko. Rujuk contoh di bawah untuk tujuan ilustrasi:

Contoh untuk semua sektor:

Faktor Risiko	Parameter yang ditentukan untuk pemprofilan risiko		Taraf Risiko
Pelanggan	Jenis	Individu	Rendah
		Entiti Korporat (<i>Legal Person</i>)	Sederhana
		Pengaturan yang berasaskan undang-undang (<i>Legal Arrangement</i>)	Tinggi
	Status sosial	Bukan PEP	Rendah
		PEP Domestik	Sederhana
		PEP Asing	Tinggi
	Kewarganegaraan	Malaysia	Rendah
		Negara lain	Sederhana

		Negara berisiko tinggi atau sekatan Contoh: Korea Utara	Tinggi
	Negara Pemastautin	Malaysia	Rendah
		Negara lain	Sederhana
		Negara berisiko tinggi atau sekatan Contoh: Korea Utara	Tinggi
Transaksi atau Saluran Penyampaian	Bersemuka		Rendah
	Bagi pihak/melalui pengantara dan/atau agen		Sederhana
	Tanpa bersemuka		Tinggi

Nota 1: Contoh-contoh di atas tidak berperanan sebagai contoh atau preskripsi yang lengkap mengenai faktor risiko atau parameter khusus yang harus diterima pakai oleh institusi pelapor dalam menilai risiko ML/TF perniagaan. Institusi pelapor perlu menentukan faktor risiko dan parameter yang bersesuaian dengan jenis dan kerumitan pelanggan, produk/perkhidmatan yang ditawarkan dll.

Nota 2: Berkaitan dengan 'Penarafan Risiko', sementara contoh di atas adalah berdasarkan pada model penarafan yang berskala tiga yang mudah (iaitu Rendah, Sederhana atau Tinggi), ini tidak bertujuan untuk menyekat model penarafan risiko pelanggan yang diterima pakai oleh institusi pelapor. Institusi pelapor boleh melaksanakan pendekatan yang lebih terperinci misalnya model penarafan berskala empat atau lima atau lebih.

- 4.2 Sekiranya relevan, institusi pelapor boleh menggunakan faktor risiko dan parameter yang serupa yang telah digunakan untuk penilaian risiko ML/TF yang dipertimbangkan di bawah IRA.
- 4.3 Parameter CRP yang berbeza yang dipertimbangkan dalam faktor risiko pelanggan, negara atau kedudukan geografi, produk atau perkhidmatan dan transaksi atau saluran penyampaian mampu mempengaruhi tahap risiko yang didedahkan oleh setiap pelanggan secara individu atau gabungan.
- 4.4 Dengan hanya mengenal pasti satu petunjuk risiko tinggi untuk pelanggan tidak semestinya bermakna pelanggan tersebut adalah berisiko tinggi¹². CRP memerlukan institusi pelapor untuk mempertimbangkan semua faktor risiko,

¹² Kecuali untuk hubungan pelanggan berisiko tinggi yang telah ditetapkan, misalnya PEP Asing atau pelanggan daripada negara berisiko tinggi yang dikenal pasti oleh FATF.

parameter, termasuk corak transaksi dan aktiviti sepanjang tempoh hubungan perniagaan untuk menentukan cara terbaik untuk menilai risiko pelanggan tersebut secara berterusan.

- 4.5 Oleh itu, institusi pelapor perlu memastikan bahawa maklumat CDD yang diperoleh pada saat penerimaan pelanggan dan semasa membuat usaha wajar pelanggan yang berterusan adalah tepat dan terkini.

B. Menjalankan pemprofilan risiko ke atas pelanggan

- 4.6 Berdasarkan proses-proses di bawah perenggan 4A di atas, institusi pelapor perlu merangka mekanisme penilaian risiko sendiri untuk tujuan pemprofilan risiko pelanggan, misalnya tinggi, sederhana atau rendah. Ini akan membantu institusi pelapor menentukan sama ada untuk menerima pakai langkah-langkah CDD standard atau yang dipertingkatkan bagi setiap pelanggan.
- 4.7 Institusi pelapor perlu mendokumentasikan alasan dan asas bagi setiap pemprofilan risiko dan penarafan risiko yang diberikan kepada pelanggannya.
- 4.8 Pemprofilan risiko pelanggan yang tepat adalah sangat penting untuk tujuan menerima pakai langkah-langkah kawalan yang berkesan. Pelanggan yang diprofilkan sebagai berisiko lebih tinggi harus tertakluk kepada langkah-langkah kawalan yang lebih ketat termasuk pemantauan yang lebih kerap berbanding pelanggan yang berisiko rendah.
- 4.9 Walaupun langkah-langkah CDD dan pemprofilan risiko pelanggan dilakukan pada permulaan hubungan perniagaan, profil risiko pelanggan boleh berubah setelah pelanggan menjalankan transaksi. Pemantauan berterusan akan membantu menentukan sama ada transaksi adalah konsisten dengan maklumat terakhir pelanggan yang diketahui.

C. Menerima pakai langkah-langkah kawalan pengurusan dan pengurangan risiko

- 4.10 Berdasarkan pemprofilan risiko yang dijalankan terhadap pelanggan, institusi pelapor perlu menerima pakai tatacara pengurusan dan pengurangan risiko, sistem dan langkah-langkah kawalan yang sepadan dengan profil risiko pelanggan untuk mengurus dan mengurangkan risiko ML/TF secara berkesan.
- 4.11 Contoh-contoh bukan muktamad mengenai langkah-langkah kawalan bagi pengurusan dan pengurangan risiko untuk CRP termasuklah:

- (a) Membangunkan dan melaksanakan polisi dan tatacara penerimaan pelanggan yang jelas;
- (b) Mendapatkan dan sekiranya perlu, menentusahkan maklumat tambahan pelanggan;

- (c) Kerap mengemas kini maklumat identiti pelanggan dan pemilik benefisial;
- (d) Mendapatkan maklumat tambahan mengenai jenis hubungan perniagaan yang diinginkan;
- (e) Mendapatkan maklumat mengenai sumber dana dan/atau sumber kekayaan pelanggan;
- (f) Mendapatkan maklumat mengenai tujuan transaksi yang diinginkan atau dilakukan;
- (g) Mendapatkan kelulusan pihak pengurusan kanan untuk memulakan atau meneruskan hubungan perniagaan;
- (h) Melaksanakan pemantauan berterusan pada tahap dan kekerapan yang sepadan dengan risiko yang dikenal pasti;
- (i) Meneliti transaksi berpandukan nilai ambang monetari yang munasabah dan/atau corak transaksi yang ditetapkan; dan
- (j) Menetapkan had transaksi atau nilai ambang tertentu.

5.0 Pelaksanaan RBA secara berterusan

- 5.1 Pelaksanaan RBA adalah proses berterusan untuk memastikan bahawa proses-proses RBA untuk mengurus dan mengurangkan risiko ML/TF adalah sentiasa disemak semula secara berkala.
- 5.2 Institusi pelapor perlu menjalankan penilaian berkala terhadap risiko ML/TFnya (sebaiknya setiap dua tahun atau lebih awal sekiranya terdapat perubahan pada model perniagaan institusi pelapor) dengan mempertimbangkan pertumbuhan perniagaan, jenis produk/ perkhidmatan baharu dan perkembangan dan tipologi terkini dalam sektornya.
- 5.3 Melalui penilaian berkala, institusi pelapor mungkin dikehendaki untuk mengemas kini atau menyemak semula IRA atau CRPnya.
- 5.4 Institusi pelapor perlu mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memastikan bahawa polisi dan tatacaranya dikemas kini berdasarkan kepada penilaian risiko dan pemantauan yang berterusan terhadap pelanggannya.

6.0 Mendokumentasi proses RBA

6.1 Institusi pelapor perlu memastikan proses RBA didokumentasikan dengan betul.

6.2 Dokumentasi oleh institusi pelapor termasuklah:

- (a) Proses dan tatacara RBA;
- (b) Maklumat yang menunjukkan petunjuk risiko yang lebih tinggi telah dipertimbangkan, dan jika petunjuk-petunjuk ini telah dipertimbangkan dan disingkirkan, alasan yang munasabah untuk keputusan tersebut;
- (c) Analisis risiko ML/TF dan kesimpulan ancaman dan kelemahan ML/TF yang institusi pelapor terdedah kepada; dan
- (d) Langkah-langkah yang dilaksanakan untuk petunjuk risiko yang lebih tinggi dan untuk memastikan bahawa langkah-langkah ini sepadan dengan risiko yang lebih tinggi yang dikenal pasti.

6.3 Di samping itu, bergantung kepada setiap kes, institusi pelapor perlu mendokumentasikan alasan untuk setiap langkah-langkah CDD tambahan yang telah dilakukannya berbanding pendekatan CDD standard.

6.4 Penilaian risiko yang didokumentasikan perlu dibentangkan, dibincangkan dan dipertimbangkan dengan pihak pengurusan kanan (termasuk Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)) dan Lembaga Pengarah institusi pelapor, sekiranya berkenaan.

LAMPIRAN 9 Templat Penilaian Risiko Tahap Institusi

Templat Penilaian Risiko	
Seperti yang dikehendaki di bawah: - Seksyen 19 AMLA; dan - Perenggan 10.2 dan 10.3 AML/CFT dan TFS untuk DNFBP dan NBFi Sila rujuk Panduan Pemakaian Pendekatan Berasaskan Risiko. Penafian: - Dokumen ini berperanan sebagai panduan untuk pelaksanaan penilaian risiko peringkat institusi bagi membantu institusi pelapor mematuhi keperluan AMLA sahaja. Institusi pelapor boleh merangka templat tersendiri dengan mempertimbangkan saiz, jenis dan kerumitan operasi perniagaan. - Dokumen ini tidak mengandungi nasihat atau maklumat yang muktamad yang berkaitan dengan hal perkara dan juga tidak boleh digunakan sebagai pengganti nasihat undang-undang. - Sekiranya maklumat dalam dokumen bercetak rasmi Bank Negara Malaysia atau apa-apa Akta berbeza dengan maklumat yang terdapat dalam dokumen ini, maklumat dalam Akta dan dokumen rasmi tersebut hendaklah mengatasi diutamakan.	

Dalam menjalankan penilaian risiko iaitu untuk mengenal pasti, menilai dan memahami risiko ML/TF mereka di peringkat institusi, institusi pelapor boleh mempertimbangkan contoh faktor-faktor risiko berikut:

a) Risiko Perniagaan Secara Keseluruhan

Mengenal pasti aktiviti perniagaan berisiko lebih tinggi:

Bil	Aktiviti Perniagaan Utama	Risiko ML	Risiko TF	% Sumbangan kepada Jumlah Perniagaan
1	Cth: Menjual barang kemas termasuk batu berharga contohnya berlian	Cth: Tinggi	Cth: Tinggi	Cth: 90%

Struktur firma:

Bilangan Cawangan	
Bilangan Ejen	
Bilangan Kakitangan	

Pemetaan keperluan AMLA ke bahagian / jabatan / skop pekerjaan masing-masing:

Bil	Keperluan AMLA	Tanggungjawab/ Bahagian/ Jabatan / Skop Kerja/ Tugas yang Berkaitan	Polisi dan Tatacara	Tahap Kesedaran & Latihan
1	Cth: Usaha Wajar Pelanggan	Cth: Kakitangan Kaunter Depan	Cth: Ya	Cth: Lemah / Tidak mencukupi

a) Risiko Produk dan Perkhidmatan

i. Produk

Untuk setiap produk, institusi pelapor boleh mempertimbangkan faktor risiko berikut:

Bil	Faktor Risiko	
1	Produk yang mudah dipindahkan kepada pihak lain	☐ Ya ☐ Tidak
2	Pemilikan produk tidak mudah dikesan	☐ Ya ☐ Tidak
3	Produk mudah ditukar kepada tunai atau bentuk lain	☐ Ya ☐ Tidak
4	Pelanggan boleh membuat deposit untuk suatu tempoh masa bagi pembelian produk	☐ Ya ☐ Tidak
5	Produk mudah diangkut atau disembunyikan	☐ Ya ☐ Tidak
6	Produk boleh digunakan sebagai bentuk mata wang alternatif	☐ Ya ☐ Tidak
7	Jenis produk bernilai tinggi	☐ Ya ☐ Tidak
8	Produk boleh dibeli secara tanpa bersemuka	☐ Ya ☐ Tidak
9	Membolehkan penggunaan aset maya dan lain-lain kaedah pembayaran tanpa nama	☐ Ya ☐ Tidak
10	Membolehkan penggunaan kaedah pembayaran yang tidak lazim contohnya barang bernilai tinggi seperti harta tanah, logam berharga dan batu berharga;	☐ Ya ☐ Tidak
11	Lain-lain (Sila nyatakan)	

Penilaian risiko produk:	☐ Rendah	☐ Sederhana	☐ Tinggi
---------------------------------	---------------------------------	------------------------------------	---------------------------------

ii. Perkhidmatan

Untuk setiap perkhidmatan, institusi pelapor boleh mempertimbangkan faktor risiko berikut:

Bil	Faktor Risiko	
1	Perkhidmatan yang membenarkan deposit/pembayaran daripada pihak ketiga/pihak yang tidak dikenali	☐ Ya ☐ Tidak
2	Perkhidmatan yang membenarkan pemindahan dana kepada pihak ketiga/pihak yang tidak dikenali	☐ Ya ☐ Tidak
3	Perkhidmatan yang membolehkan pemindahan dana rentas sempadan	☐ Ya ☐ Tidak
4	Perkhidmatan yang membolehkan pelanggan mendepositkan/memindahkan dana melalui akaun pelanggan firma	☐ Ya ☐ Tidak
5	Perkhidmatan merangkumi pembentukan /penubuhan pengaturan yang berasaskan undang-undang (<i>legal arrangements</i>) yang kompleks	☐ Ya ☐ Tidak

6	Perkhidmatan yang mampu menyembunyikan pemilikan benefisial daripada pihak berkuasa berwajib	☐ Ya ☐ Tidak
7	Perkhidmatan yang menyediakan pengarah/pemegang saham penama	☐ Ya ☐ Tidak
8	Perkhidmatan yang menyediakan ketanpanamaan untuk identiti pelanggan	☐ Ya ☐ Tidak
9	Perkhidmatan ditawarkan melalui penggunaan ejen atau perantara	☐ Ya ☐ Tidak
10	Perkhidmatan yang membenarkan penggunaan syarikat lindungan (<i>shell companies</i>) atau syarikat dengan pemilikan melalui saham penama atau saham pembawa atau kawalan melalui pengarah penama dan korporat	☐ Ya ☐ Tidak
11	Pelanggan boleh mendapatkan perkhidmatan secara tanpa bersemuka	☐ Ya ☐ Tidak
12	Perkhidmatan membenarkan penggunaan aset maya dan kaedah-kaedah pembayaran lain tanpa nama	☐ Ya ☐ Tidak
13	Perkhidmatan membenarkan penggunaan kaedah pembayaran yang tidak lazim contohnya barang bernilai tinggi seperti harta tanah, logam berharga dan batu berharga	☐ Ya ☐ Tidak
14	Lain-lain (Sila nyatakan)	

Penilaian risiko perkhidmatan:	☐ Rendah	☐ Sederhana	☐ Tinggi
---------------------------------------	---------------------------------	------------------------------------	---------------------------------

Penilaian risiko produk dan perkhidmatan secara keseluruhan:	☐ Rendah	☐ Sederhana	☐ Tinggi
---	---------------------------------	------------------------------------	---------------------------------

b) Risiko Pelanggan

Bil	Faktor Risiko		Jumlah	Peratusan (%)
1	Jenis pelanggan	Pelanggan individu		
		Orang yang sah di sisi undang-undang (<i>legal persons</i>)		
		Pengaturan yang berasaskan undang-undang (<i>legal arrangements</i>)		
		Kelab, Pertubuhan dan Badan Amal		
		Lain-lain (Sila nyatakan)		
2	Jenis pekerjaan untuk pelanggan individu	Bergaji		
		Bekerja sendiri	Perdagangan	
			Perkhidmatan	
			Lain-lain	
3	Jenis perniagaan orang yang sah di sisi undang-undang (<i>legal persons</i>)	Perdagangan		
		Perkhidmatan		
		Perniagaan berintensif tunai (contohnya runcit)		
		Lain-lain		

4	Tahap Risiko (berdasarkan pemprofilan risiko pelanggan institusi pelapor)	Risiko rendah			
		Risiko sederhana			
		Risiko Tinggi			
5	Ciri-ciri pelanggan	Bernilai bersih tinggi (<i>High Net Worth</i>)			
		PEP domestik			
		PEP asing			
6	Struktur / jenis pelanggan	Entiti korporat (<i>legal persons</i>) yang mempunyai struktur yang kompleks atau pemilikan pelbagai lapisan			
		Entiti korporat (<i>legal persons</i>) yang mempunyai hubungan penama			
		Pelanggan yang mempunyai perniagaan berintensif tunai			
		Lain-lain (Sila nyatakan)			
7	Lokasi geografi pelanggan	Domestik	Semua pelanggan tempatan		
			Sekitar kawasan perniagaan		
			Pelanggan luar kawasan		
		Luar Negara	Semua pelanggan asing		
			Pelanggan dari negara berisiko lebih tinggi		
8	Faktor lain (sila nyatakan):				

Penilaian risiko pelanggan secara keseluruhan:	☐ Rendah	☐ Sederhana	☐ Tinggi
---	---------------------------------	------------------------------------	---------------------------------

c) Risiko Lokasi Kedudukan Geografi

		Jumlah	Peratusan (%)
Lokasi Ibu Pejabat dan Cawangan Domestik/	Bilangan cawangan termasuk ibu pejabat yang terletak di / berhampiran kawasan tumpuan pelancong		
	Bilangan cawangan termasuk ibu pejabat yang terletak di/ berhampiran kawasan tumpuan jenayah		
	Bilangan cawangan termasuk ibu pejabat yang terletak di/ berhampiran sempadan negara		
	Bilangan cawangan termasuk ibu pejabat yang terletak di/ berhampiran pintu masuk negara		
Lokasi Cawangan Luar Negara	Bilangan cawangan yang berada di negara berisiko lebih tinggi		

Penilaian risiko lokasi geografi:	☐ Rendah	☐ Sederhana	☐ Tinggi
--	---------------------------------	------------------------------------	---------------------------------

d) Risiko Transaksi dan Saluran Penyampaian

Bil	Faktor Risiko		Jumlah	Peratusan (%)
1	Kaedah penyampaian	Jumlah transaksi secara tanpa bersemuka contoh dalam talian, ejen		
		Nilai transaksi secara tanpa bersemuka contoh dalam talian, ejen		
2	Kaedah pembayaran	Tunai	Jumlah transaksi tunai (jumlah transaksi tunai / jumlah semua transaksi)	
			Nilai transaksi tunai (jumlah nilai transaksi tunai / jumlah nilai semua transaksi)	
			Purata transaksi tunai (Jumlah nilai transaksi tunai / jumlah semua transaksi tunai)	
		Pembayaran elektronik	Jumlah e-pembayaran (jumlah transaksi e-pembayaran / jumlah semua transaksi)	
			Nilai transaksi e-pembayaran (Jumlah nilai transaksi e-pembayaran / jumlah nilai semua transaksi)	
			Purata transaksi e-pembayaran (Jumlah nilai transaksi e-pembayaran / jumlah semua transaksi e-pembayaran)	
3	Lokasi transaksi	Domestik	Dana diterima dari luar kawasan perniagaan anda	
			Dana dipindahkan ke luar kawasan perniagaan anda	
		Luar Negara	Dana diterima dari luar Malaysia	
			Dana dipindahkan ke luar Malaysia	
			Jumlah transaksi dari / ke negara berisiko lebih tinggi	
			Nilai transaksi dari / ke negara berisiko lebih tinggi	

Penilaian risiko transaksi dan Saluran Penyampaian:

☐ Rendah

☐ Sederhana

☐ Tinggi

e) Tahap Risiko ML/TF Peringkat Tahap Institusi Secara Keseluruhan

e) Tahap Risiko ML/TF Peringkat Tahap Institusi Secara Keseluruhan

☐ Rendah

☐ Sederhana

☐ Tinggi


f) Kawalan dan Pengurangan Risiko

Bil	Kawasan yang Dikenal Pasti Berisiko ML/TF Tinggi : Produk / Perkhidmatan / Lokasi / Proses Kerja / Bahagian / Pelanggan atau Kumpulan Pelanggan / Jenis Transaksi / Saluran Penyampaian	Cadangan Langkah Kawalan – polisi, tatacara dan kawalan untuk mengurus dan mengurangkan risiko ML/TF yang telah dikenalpasti
1	Contoh: Pendedahan yang tinggi kepada pelanggan berisiko lebih tinggi	<i>Contohnya; memantau transaksi pelanggan berisiko lebih tinggi dengan lebih terperinci</i>
2	Contoh: Pendedahan yang tinggi kepada individu yang terdedah dari segi politik	<i>Contohnya; menggunakan penyaringan berasaskan teknologi untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan usaha wajar pelanggan yang dipertingkatkan</i>
3	Contoh: Transaksi berisiko lebih tinggi yang telah dikenal pasti	<i>Contohnya; memperkenalkan had untuk transaksi berisiko lebih tinggi yang telah dikenal pasti</i>

LAMPIRAN 10 Infografik berkenaan Pendekatan Berasaskan Risiko

Panduan Pendekatan Berasaskan Risiko (RBA)

RBA adalah proses mengenal pasti, menilai dan memahami pendedahan firma anda terhadap risiko pengubahan wang haram/ pembiayaan keganasan (ML/TF) dan mengambil langkah-langkah pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan keganasan (AML/CFT) yang munasabah dan wajar dengan berkesan dan cekap untuk mengurangkan dan mengurus risiko tersebut.



Nota: Sila rujuk Perenggan 10 Dokumen Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Kewangan Bersasar untuk Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditentukan (DNFBPs) & Institusi Kewangan Bukan Bank (NBFI) (Dokumen Dasar AML/CFT dan TFS untuk DNFBPs & NBFI)

Faktor Risiko untuk Pemprofilan Risiko dan Penilaian Risiko Tahap Institusi

Faktor risiko yang perlu dipertimbangkan untuk pemprofilan risiko dan penilaian risiko tahap institusi pada umumnya adalah serupa. Perbezaannya ialah pemprofilan risiko melihat pada pelanggan secara individu, manakala penilaian risiko tahap institusi melihat risiko firma/ perniagaan secara keseluruhan.

CONTOH-CONTOH FAKTOR RISIKO



PEMPROFILAN RISIKO

Risiko pelanggan

- Individu yang mempunyai pengaruh politik (PEP)
- Pelanggan bernilai bersih tinggi (*high net worth customer*) contohnya pelanggan dengan aset nilai bersamaan atau melebihi RM3 juta
- Kewarganegaraan
- Pelanggan dengan struktur perniagaan yang besar dan kompleks
- Penglibatan pemegang saham/ pengarah penama
- Sebarang maklumat negatif mengenai pelanggan misalnya penglibatan dalam penyiasatan atau mempunyai rekod jenayah

Risiko produk/ perkhidmatan

- Produk/ perkhidmatan membenarkan produk / perkhidmatan tanpa nama
- Nilai/ jumlah/ jenis produk/ perkhidmatan tidak sepadan dengan profil pelanggan
- Melibatkan perkhidmatan penama
- Melibatkan transaksi kompleks dan luar biasa

Risiko kedudukan geografi

- Pelanggan yang berkaitan dengan atau berasal dari negara-negara berisiko lebih tinggi (seperti dinyatakan oleh FATF atau Kerajaan Malaysia)
- Lokasi perniagaan

Risiko transaksi/ saluran penyampaian

- Tanpa bersemuka
- Transaksi rentas sempadan
- Melibatkan kaedah pembayaran yang rumit dan luar biasa
- Penglibatan pihak ketiga yang tidak diketahui untuk pembayaran



PENILAIAN RISIKO TAHAP INSTITUSI

Risiko pelanggan

- Apakah pendedahan firma anda terhadap pelanggan yang berisiko lebih tinggi **secara keseluruhan**?

Risiko produk/ perkhidmatan

- Apakah pendedahan firma anda terhadap risiko produk/ perkhidmatan **secara keseluruhan**?

Risiko geografi

- Apakah pendedahan firma anda terhadap risiko kedudukan geografi **secara keseluruhan**?

Risiko transaksi/ saluran penyampaian

- Apakah pendedahan firma anda terhadap risiko saluran transaksi/ penyampaian **secara keseluruhan**?

Contoh-contoh tambahan faktor risiko :

- **Saiz perniagaan:** Firma bersaiz lebih besar dan berstruktur rumit terdedah kepada risiko ML/TF yang lebih tinggi
- **Risiko yang dikenal pasti melalui NRA:** Pendedahan kepada pelanggan dari sektor yang berisiko ML/TF yang lebih tinggi

Penafian:

Dokumen ini adalah untuk maklumat umum anda sahaja. Dokumen ini tidak mengandungi nasihat atau maklumat lengkap yang berkaitan perkara di atas dan juga tidak boleh digunakan sebagai pengganti kepada nasihat undang-undang. Sekiranya maklumat dalam dokumen bercetak rasmi Bank Negara Malaysia atau mana-mana Akta berbeza dengan maklumat yang terkandung di dalam dokumen ini, maklumat dalam Akta tersebut dan dokumen rasmi adalah diutamakan dan diterima pakai.

LAMPIRAN 11 Infografik berkenaan Peranan dan Tanggungjawab Pegawai Pematuhan

Panduan berkaitan Pegawai Pematuhan (CO)

Apakah peranan CO?

CO ialah **sumber rujukan utama** untuk semua perkara berkaitan pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (AML/CFT) bagi institusi pelapor

CO dikehendaki di sisi undang-undang untuk mengemukakan laporan transaksi mencurigakan (STR) bagi pihak institusi pelapor.

Kriteria CO

- Mempunyai tahap kedudukan, kuasa dan senioriti yang mencukupi dalam institusi pelapor supaya dapat mengambil bahagian dan mempengaruhi secara berkesan keputusan berkaitan AML/CFT
- Layak dan sesuai untuk melaksanakan tanggungjawab AML/CFT dengan berkesan
- Mempunyai pengetahuan dan kepakaran yang diperlukan untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab dengan berkesan

Apakah tugas-tugas CO?



Pelantikan Pegawai Pematuhan •

Institusi pelapor dikehendaki untuk memaklumkan kepada Bank Negara Malaysia mengenai pelantikan CO **secara bertulis*** atau dengan melengkapkan **Borang Pemberitahuan Pencalonan Pegawai Pematuhan** yang disediakan di lampiran yang berkenaan dalam Dokumen Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Kewangan Bersasar untuk Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditentukan (DNFBPs) & Institusi Kewangan Bukan Bank (NBFI) (Dokumen Dasar AML/CFT dan TFS untuk DNFBPs & NBFI) dalam tempoh 10 hari bekerja dari pelantikan atau penukaran CO melalui mana-mana cara yang berikut:

Borang atas talian:

E-mel: fied@bnm.gov.my

Mel: Pengarah

Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan,

Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

Faks: 03-26910368

* Sila sertakan butiran seperti nama, jawatan, alamat pejabat, nombor telefon pejabat, nombor faks, alamat e-mel

Nota: Sila rujuk Perenggan 19 Dokumen Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Kewangan Bersasar untuk Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditentukan (DNFBPs) & Institusi Kewangan Bukan Bank (NBFI) (Dokumen Dasar AML/CFT dan TFS untuk DNFBPs & NBFI)

Penafian:

Dokumen ini adalah untuk maklumat umum anda sahaja. Dokumen ini tidak mengandungi nasihat atau maklumat lengkap yang berkaitan perkara di atas dan juga tidak boleh digunakan sebagai pengganti kepada nasihat undang-undang. Sekiranya maklumat dalam dokumen bercetak rasmi Bank Negara Malaysia atau mana-mana Akta berbeza dengan maklumat yang terkandung di dalam dokumen ini, maklumat dalam Akta tersebut dan dokumen rasmi adalah diutamakan dan diterima pakai.

LAMPIRAN 12 Infografik berkenaan Usaha Wajar Pelanggan (CDD)

Panduan Usaha Wajar Pelanggan (CDD)



Bilakah CDD dijalankan?

1. Memulakan Hubungan Perniagaan

Anda dikehendaki menjalankan CDD ketika memulakan hubungan perniagaan dengan pelanggan anda.

2. Menjalankan Sebarang Transaksi atau Transaksi Secara Sekali Sekala yang Melibatkan Keadaan atau Amaun Sebagaimana yang Ditentukan di bawah Perenggan 14A hingga 14H dalam Dokumen Dasar.



KASINO BERLESEN

Apa-apa transaksi bersamaan atau melebihi **RM10,000** termasuklah keadaan di mana transaksi yang dijalankan adalah suatu transaksi tunggal atau melalui beberapa transaksi dalam sehari yang didapati berkaitan



INSTITUSI PERJUDIAN BERLESEN

Jumlah kemenangan pelanggan bersamaan atau melebihi **RM50,000** termasuklah keadaan di mana transaksi yang dijalankan adalah suatu transaksi tunggal atau melalui beberapa transaksi dalam sehari yang didapati berkaitan



PEMBERI PINJAM WANG

Apabila memberikan pembiayaan nilai bersamaan atau melebihi **RM3,000** termasuklah keadaan di mana transaksi yang dijalankan adalah suatu transaksi tunggal atau melalui beberapa transaksi dalam sehari yang didapati berkaitan



PEMEGANG PAJAK GADAI

Amaun sandaran nilai bersamaan atau melebihi **RM3,000** termasuklah keadaan di mana transaksi yang dijalankan adalah suatu transaksi tunggal atau melalui beberapa transaksi dalam sehari yang didapati berkaitan



PENIAGA LOGAM BERTHARGA ATAU BATU BERTHARGA

Apa-apa transaksi tunai dengan pelanggan dengan nilai bersamaan atau melebihi **RM50,000** atau apa-apa amaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwajib. Ini termasuk:

- Transaksi yang dijalankan adalah suatu transaksi tunggal atau melalui beberapa transaksi dalam sehari yang didapati berkaitan dan merentasi semua cawangan institusi pelapor; dan
- Pembayaran secara agregat dalam suatu tempoh masa untuk untuk suatu pembelian tunggal



SEKTOR PENGAWAL (peguam, akauntan, setiausaha syarikat dan syarikat amanah)

Semasa menyediakan atau menjalankan mana-mana aktiviti yang diwartakan untuk pelanggan mereka (Sila rujuk Dokumen Dasar untuk keterangan lebih lanjut)



EJEN HARTA TANAH YANG BERDAFTAR

Menjalankan CDD ke atas kedua-dua pembeli dan penjual, atau tuan tanah dan penyewa suatu harta tanah

3. Kecurigaan berkaitan pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan(ML/TF)

Sekiranya terdapat sebarang rasa syak berkaitan (ML/TF) tanpa mengira amaun

4. Keraguan

Sekiranya terdapat sebarang keraguan terhadap kebenaran atau kecukupan maklumat yang diperoleh sebelum ini daripada pelanggan

Nota: Sila rujuk Seksyen 16 Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 (AMLA) dan Perenggan 14 Dokumen Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Kewangan Bersasar untuk Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditentukan (DNFBPs) & Institusi Kewangan Bukan Bank (NBFIs) (Dokumen Dasar AML/CFT dan TFS untuk DNFBPs & NBFIs)

Apakah maklumat khusus yang diperlukan berdasarkan jenis pelanggan?

Untuk mematuhi kehendak CDD, anda dikehendaki untuk mengenalpasti dan menentusahkan identiti pelanggan menggunakan dokumentasi, data elektronik atau langkah-langkah lain yang boleh dipercayai dan bebas, yang difikirkan wajar.

1

PELANGGAN INDIVIDU DAN PEMILIK BENEFISIAL

- Nama
- No. Kad Pengenalan/ Paspot
- Alamat kediaman dan surat-menyurat
- Tarikh lahir
- Kewarganegaraan
- Jenis pekerjaan
- Nama majikan atau jenis pekerjaan sendiri/ jenis perniagaan
- Nombor telefon
- Tujuan transaksi

2

ENTITI KORPORAT (LP), PENGATURAN BERASASKAN UNDANG-UNDANG (LA) DAN KELAB, PERTUBUHAN DAN BADAN AMAL (CSC)

Langkah 1 Memahami jenis perniagaan, struktur pemilikan dan struktur kawalannya

Langkah 2 Mengenal pasti pelanggan dan menentusahkan identitinya melalui maklumat berikut:

Entiti Korporat

cth. syarikat/ perniagaan

- Nama, jenis pembentukan dari segi undang- undang dan bukti kewujudan;
- Nombor pendaftaran syarikat/ perniagaan;
- Kuasa yang mengawal dan mengikat pelanggan, dan juga individu yang mempunyai jawatan pengurusan kanan;
- Alamat perniagaan dan alamat berdaftar;
- Individu yang diberi kuasa untuk mewakili syarikat/ perniagaan; dan
- Jenis perniagaan

Pengaturan berasaskan

Undang-Undang

cth. amanah

- Nama, jenis pembentukan dari segi undang- undang dan bukti kewujudan;
- Kuasa yang mengawal dan mengikat pelanggan, dan juga individu yang mempunyai jawatan pengurusan kanan; dan
- Alamat perniagaan dan alamat pendaftaran pejabat pemegang amanah

Kelab, Pertubuhan &

Badan Amal

cth. persatuan, yayasan

- Berdasarkan CDD yang dijalankan ke atas LP atau LA, sekiranya berkenaan; dan
- Pemegang jawatan atau individu yang diberi kuasa untuk mewakili CSC

Contoh-contoh dokumen penentusahan



Sijil Pemerbadanan



Perlembagaan



Resolusi Pengarah



Perjanjian Perkongsian



Surat Ikatan Amanah



Sijil Pendaftaran



Dokumen Pengenalan Pemegang Jawatan

Langkah 3

Mengenalpasti dan mengambil langkah-langkah munasabah untuk menentusahkan identiti pemilik benefisial melalui maklumat yang berikut:

Siapakah Pemilik Benefisial (BO)?

- Merujuk kepada mana-mana **orang sebenar yang MEMILIKI atau MENGAWAL pelanggan dan/atau orang sebenar yang bagi pihaknya transaksi tersebut dijalankan**
- Termasuklah **orang sebenar yang menjalankan KAWALAN BERKESAN MUTLAK** ke atas entiti korporat (*legal person*) atau pengaturan berasaskan undang-undang (*legal arrangement*)


'memiliki atau mengawal secara mutlak' atau 'kawalan berkesan mutlak' merujuk kepada situasi di mana pemilikan atau kawalan dilaksanakan melalui rantaian pemilikan atau melalui cara kawalan selain daripada kawalan secara langsung

Entiti Korporat	Pengaturan berasaskan Undang-Undang	Kelab, Pertubuhan dan Badan Amal
A. Identiti orang sebenar yang akhirnya mempunyai kepentingan kawalan pemilikan dalam entiti korporat. Pada tahap minimum, ini termasuk: Pengenalpastian pengarah/ pemegang saham dengan kepentingan ekuiti lebih daripada 25%; B. Sekiranya terdapat keraguan pada kepentingan kawalan pemilikan - identiti orang sebenar yang menjalankan kawalan melalui cara lain; DAN C. Apabila tiada orang sebenar yang dikenal pasti melalui A atau B seperti di atas, identiti orang sebenar yang memegang jawatan pengurusan kanan	A. Identiti: - Setlor; - Pemegang Amanah; - Pelindung (jika ada); - Benefisiari atau kelas benefisiari; dan - Mana-mana orang sebenar yang menjalankan kawalan berkesan mutlak ke atas amanah tersebut (termasuk melalui rangkaian kawalan/ pemilikan) B. Untuk jenis pengaturan (LA) yang lain, identiti individu yang mempunyai kedudukan setaraf atau serupa	A. Berdasarkan CDD yang dilaksanakan ke atas LP atau LA, yang berkenaan; B. Identiti anggota lain dengan kawalan berkesan ke atas CSC

Contoh-contoh Kaedah Lain yang Digunakan Oleh Individu Sebenar dalam Melaksanakan Kawalan ke atas LP, LA atau CSC

Hubungan secara kontraktual atau secara peribadi dengan pengurusan atau pengarah	Penerima pinjaman atau faedah lain (contoh, penyewaan harta tanah/ pelesenan harta tanah) yang mempunyai syarat pemberian hak kawalan	Keupayaan untuk mempengaruhi aktiviti korporat (contoh, hak veto, hak membuat keputusan, hak ke atas keuntungan, dll)
Pengaturan pemilikan lain (contoh, penama, pengaturan pemilikan bersama)	Kawalan pengurusan (hak untuk melantik atau menyingkirkan majoriti pengarah)	Pemilikan hak mengundi

Proses Aliran Usaha Wajar Pelanggan (CDD)



1 Senarai Gabungan UNSCR: <https://www.un.org/securitycouncil/content/un-sc-consolidated-list>
2 Senarai Domestik: <http://www.federalgazette.agc.gov.my>

Nota: Sila rujuk Seksyen 16 Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 (AMLA) dan Perenggan 14 Dokumen Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Kewangan Bersasar untuk Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditentukan (DNFBPs) & Institusi Kewangan Bukan Bank (NBFIs) (Dokumen Dasar AML/CFT dan TFS untuk DNFBPs & NBFIs)

Penafian:

Dokumen ini adalah untuk maklumat umum anda sahaja. Dokumen ini tidak mengandungi nasihat atau maklumat lengkap yang berkaitan perkara di atas dan juga tidak boleh digunakan sebagai pengganti kepada nasihat undang-undang. Sekiranya maklumat dalam dokumen bercetak rasmi Bank Negara Malaysia atau mana-mana Akta berbeza dengan maklumat yang terkandung di dalam dokumen ini, maklumat dalam Akta tersebut dan dokumen rasmi adalah diutamakan dan diterima pakai.

LAMPIRAN 13 Infografik berkenaan Laporan Transaksi Yang Mencurigakan

Panduan Laporan Transaksi yang Mencurigakan (STR)

Apakah STR?

STR adalah dokumen yang perlu dikemukakan oleh institusi pelapor apabila mengesyaki pelanggan terlibat dalam **pengubahan wang haram (ML)**, **pembiayaan keganasan (TF)** atau **jenayah berat yang lain**



Mengapa mengemukakan STR?

STR memberikan maklumat risikan yang bernilai kepada agensi penguatkuasaan undang-undang bagi aktiviti jenayah yang berpotensi

Bilakah STR perlu dikemukakan?

Tanpa mengambil kira amaun transaksi yang dilakukan, anda dikehendaki untuk mengemukakan STR dengan kadar segera, setiap kali anda mengesyaki atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa transaksi tersebut (termasuk transaksi cubaan):

- kelihatan aneh
- tidak mempunyai tujuan ekonomi yang jelas
- kelihatan tidak sah
- melibatkan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan
- menunjukkan bahawa pelanggan terlibat dalam ML/TF




Bagaimanakah anda mengenalpasti transaksi yang mencurigakan?



1. **Menyaring** akaun pelanggan
2. **Bertanya** pelanggan soalan yang sesuai
3. **Menyelidik** rekod pelanggan dengan menyemak maklumat sedia ada
4. **Menilai** semua maklumat sedia ada dan mempertimbangkan untuk mengemukakan STR

Anda juga dikehendaki untuk mewujudkan **petunjuk transaksi yang mencurigakan** yang bersesuaian dengan perniagaan atau perkhidmatan anda untuk mengesan transaksi yang mencurigakan.

Contoh-contoh petunjuk transaksi mencurigakan disediakan dalam Dokumen Dasar.





YA [DILAKUKAN]

- Memastikan bahawa STR dikemukakan pada hari bekerja berikutnya, bermula dari tarikh Pegawai Pematuhan mempunyai rasa syak ke atas transaksi tersebut
- Mewujudkan mekanisme pelaporan untuk penyerahan STR
- Mewujudkan polisi mengenai jangka masa untuk semakan STR dalaman oleh Pegawai Pematuhan
- Memastikan kerahsiaan STR sentiasa terpelihara



JANGAN

- Mendedahkan penyerahan STR kepada orang lain, kecuali dalam keadaan tertentu (rujuk Seksyen 14A Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 (AMLA) dan Perenggan 20 Dokumen Dasar
- Memberi maklumat kepada individu yang dilaporkan – memberikan layanan seperti biasa supaya mereka tidak mengesyaki bahawa STR telah dilaporkan ke atas mereka

Bagaimanakah untuk mengemukakan STR?

1. Isi borang STR, yang boleh didapati di www.amlcft.bnm.gov.my atau di lampiran berkenaan dalam Dokumen Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Kewangan Bersasar untuk Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditentukan (DNFBPs) & Institusi Kewangan Bukan Bank (NBFI) (Dokumen Dasar AML/CFT dan TFS untuk DNFBPs & NBFI)

2. Pegawai Pematuhan institusi pelapor perlu mengemukakan STR melalui mana-mana cara berikut:

a) **Surat:** Pengarah

Jabatan Perisikan dan
Penguatkuasaan Kewangan
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
(Untuk dibuka oleh penerima sahaja)

b) **Faks:** +603-26933625

c) **E-mel:** str@bnm.gov.my

d) **Platform FINS** (jika berkenaan):
<https://bnmapp.bnm.gov.my/fins2>

Nota: Sila rujuk Seksyen 14 Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 (AMLA) dan Perenggan 19 Dokumen Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Kewangan Bersasar untuk Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditentukan (DNFBPs) & Institusi Kewangan Bukan Bank (NBFI) (Dokumen Dasar AML/CFT dan TFS untuk DNFBPs & NBFI)

Penafian:

Dokumen ini adalah untuk maklumat umum anda sahaja. Dokumen ini tidak mengandungi nasihat atau maklumat lengkap yang berkaitan perkara di atas dan juga tidak boleh digunakan sebagai pengganti kepada nasihat undang-undang. Sekiranya maklumat dalam dokumen bercetak rasmi Bank Negara Malaysia atau mana-mana Akta berbeza dengan maklumat yang terkandung di dalam dokumen ini, maklumat dalam Akta tersebut dan dokumen rasmi adalah diutamakan dan diterima pakai.

LAMPIRAN 14 Infografik berkenaan Sekatan Kewangan Bersasar

Panduan Sekatan Kewangan Bersasar terhadap Pembiayaan Keganasan, Pembiayaan Percambahan dan Rejim- rejim Sekatan UN yang lain

Sekatan kewangan bersasar adalah langkah- langkah pembekuan aset dan larangan yang bertujuan untuk menghalang dana atau aset-aset lain daripada digunakan, secara langsung atau tidak langsung, untuk kepentingan entiti ditentukan atau individu disenaraikan di bawah sekatan kewangan bersasar.

Pembiayaan keganasan adalah perbuatan membiayai kegiatan keganasan, serta pengganas dan kumpulan pengganas melalui sumber yang sah atau tidak sah.

Pembiayaan percambahan adalah perbuatan menyalurkan dana atau memberikan perkhidmatan kewangan, sama ada sepenuhnya atau sebahagian, untuk tujuan pembuatan, pemerolehan, penyimpanan, pembangunan, eksport, penghantaran rentas sempadan (*transshipment*), pembrokeran, pemindahan, penyimpanan stok atau penggunaan senjata nuklear, kimia atau biologi dan kaedah penghantaran dan bahan- bahan berkaitan (termasuk teknologi dan bahan dua kegunaan untuk tujuan yang tidak sah), yang bertentangan dengan undang-undang negara atau, sekiranya berkenaan, obligasi antarabangsa.

Rejim-rejim Sekatan UN yang lain merujuk kepada rejim sekatan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) yang lain yang memelihara keamanan dan keselamatan, serta pencegahan konflik bersenjata dan pelanggaran hak asasi manusia.

APAKAH YANG PERLU ANDA LAKUKAN?

1 	2 	3 	4 
MENYENGGARA & MENGEMASKINI SENARAI SEKATAN	MENJALANKAN SARINGAN NAMA & USAHA WAJAR	MEMBEKUKAN/ MENOLAK	MELAPORKAN
Anda dikehendaki untuk menyenggara pangkalan data sekatan mengenai Senarai Sekatan Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa- Bangsa Bersatu (UNSCR) dan Senarai Domestik. Senarai UNSCR dan Senarai Domestik mengandungi nama dan butiran entiti /individu yang ditentukan oleh UNSC dan Menteri Dalam Negeri (KDN). Anda boleh mendapatkan senarai sekatan melalui laman sesawang yang berikut: • Senarai Gabungan UNSCR: https://www.un.org • Senarai Domestik: http://www.federalgazette.agc.gov.my Anda dikehendaki untuk mengemas kini pangkalan data sebaik sahaja penerbitan atau penentuan oleh UNSC atau KDN	Anda dikehendaki untuk menjalankan saringan sekatan ke atas pelanggan sedia ada, bakal atau baharu (termasuk pemilik benefisial dan benefisiari) terhadap senarai sekatan. • Memastikan bahawa potensi padanan adalah padanan yang benar dan bukan positif palsu (<i>false positives</i>) Menjalankan usaha wajar terhadap pihak berkaitan (rujuk Soalan-soalan Lazim (FAQ))	Sekiranya padanan nama adalah positif, anda dikehendaki dengan kadar segera dan tanpa berlengah: • Menolak transaksi untuk pelanggan baharu/ bakal • Membekukan dana/harta bagi pelanggan sedia ada • Menyekat transaksi (jika berkenaan)	Sekiranya padanan nama adalah positif, anda dikehendaki dengan kadar segera: • Melaporkan kepada Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan Kewangan (FIED), Bank Negara Malaysia dan Ketua Polis Negara (jika berkenaan) • Menghantar Laporan Transaksi yang Mencurigakan (STR) kepada FIED Anda juga hendaklah mengemukakan STR apabila mengesyaki bahawa akaun atau transaksi (termasuk transaksi cubaan) berkait dengan entiti atau individu yang ditentukan / pihak berkaitan

APA YANG HARUS DILAKUKAN DENGAN DANA/ HARTA MILIK INDIVIDU DISENARAIKAN?

Dana dan harta boleh terus menerima deposit, dividen, faedah, bonus atau manfaat lain. Walau bagaimanapun, dana dan faedah sedemikian hendaklah kekal dibekukan selagi entiti/ individu ditentukan terus tersenarai di bawah Senarai UNSCR dan Senarai Domestik.

Sekiranya pembekuan dibuat yang berkaitan dengan **pembiayaan keganasan**,

- Sebarang urusan yang melibatkan dana atau harta yang dibekukan, sama ada oleh entiti yang ditentukan, pihak berkaitan atau pihak lain yang berkepentingan, perlu mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Menteri Dalam Negeri
- Anda boleh menasihati pelanggan, pihak berkaitan atau pihak lain yang berkepentingan terhadap dana atau harta yang dibekukan untuk mengemukakan permohonan kepada Menteri Dalam Negeri untuk membenarkan pengecualian ke atas perbelanjaan asas dan luar biasa seperti sewa, ubat-ubatan, dll
- Anda boleh meneruskan pembayaran hanya setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Menteri Dalam Negeri.

Sekiranya pembekuan dibuat yang berkaitan dengan **pembiayaan percambahan dan sekatan UN yang lain**,

- Sebarang urusan yang melibatkan dana yang dibekukan, aset kewangan, atau sumber ekonomi lain, sama ada oleh negara dan orang / individu yang ditentukan, pihak berkaitan atau pihak lain yang berkepentingan yang dikenal pasti, perlu mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pengawal Perdagangan Strategik (STC) di bawah Akta Perdagangan Strategik (STA)
- Anda boleh menasihati pelanggan, pihak berkaitan atau pihak lain yang berkepentingan terhadap dana, aset kewangan atau sumber ekonomi lain yang dibekukan, atau transaksi yang disekat atau ditolak, untuk mengemukakan permohonan kepada STC di bawah STA untuk membenarkan pengecualian ke atas perbelanjaan asas dan luar biasa dan untuk membenarkan pembayaran yang perlu dijelaskan di bawah perjanjian yang termeterai sebelum penentuan.
- Anda boleh meneruskan pembayaran hanya setelah mendapat kebenaran bertulis dan pengesahan daripada STC di bawah STA

KEPADA SIAPA PERLU ANDA LAPORKAN DAN BAGAIMANA?

Pembiayaan Keganasan

(Setelah penentuan padanan nama dengan **Senarai Domestik**, **Senarai UNSCR 1988 dan 1267**)

	1 Setelah Penentuan	2 Laporan Berkala
 Kekerapan	Dengan kadar segera setelah penentuan padanan nama positif	Untuk padanan nama positif dengan: • Senarai UNSCR Setiap 5 Januari dan 5 Julai • Senarai Domestik Setiap 15 Mei dan 15 Nov Tidak perlu menghantar laporan berkala untuk pelanggan yang melakukan transaksi sekali sahaja (<i>one-off transaction</i>) dan jika pelanggan tidak mempunyai akaun dengan institusi pelapor
 Penerima	FIED, Bank Negara Malaysia & Ketua Polis Negara	FIED, Bank Negara Malaysia
 Borang	Lampiran 6A atau 6B, jika berkenaan	Lampiran 7A atau 7B, jika berkenaan

Pembiayaan Percambahan dan Rejim Sekatan UN yang Lain

(Setelah penentuan padanan nama dengan **Senarai UNSCR 1718 dan 2231** dilakukan)

	1 Setelah Penentuan	2 Laporan Berkala
 Kekerapan	Dengan kadar segera setelah penentuan padanan nama positif	Hanya jika terdapat sebarang perubahan kepada dana yang dibekukan (selepas pelaporan pertama kali mengenai padanan nama yang positif) dan selewat-lewatnya pada 15 Januari tahun kalendar yang berikutnya
 Penerima	FIED, Bank Negara Malaysia	FIED, Bank Negara Malaysia
 Borang	Lampiran 6A atau 6B, jika berkenaan	Lampiran 7A atau 7B, jika berkenaan

SENARAI SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

1	Siapakah "pihak berkaitan"? - Individu yang mempunyai kaitan dengan harta dan dana yang dimiliki atau dikawal sepenuhnya atau bersama, secara langsung atau tidak langsung, oleh entiti / individu yang ditentukan - Individu yang bertindak bagi pihak atau atas arahan entiti / individu yang ditentukan/	2	Bolehkah institusi pelapor menerima pembayaran pinjaman daripada entiti/ individu ditentukan? Sekiranya perjanjian pinjaman dibuat sebelum penyenaraian entiti/ individu ditentukan dalam senarai sekatan tersebut, anda boleh terus menerima pembayaran balik pinjaman daripada perjanjian tersebut
----------	--	----------	--

Nota: Sila rujuk Perenggan 23 dan 24 Dokumen Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Kewangan Bersasar untuk Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditentukan (DNFBPs) & Institusi Kewangan Bukan Bank (NBFI) (Dokumen Dasar AML/CFT dan TFS untuk DNFBPs & NBFIs)

Penafian:

Dokumen ini adalah untuk maklumat umum anda sahaja. Dokumen ini tidak mengandungi nasihat atau maklumat lengkap yang berkaitan perkara di atas dan juga tidak boleh digunakan sebagai pengganti kepada nasihat undang-undang. Sekiranya maklumat dalam dokumen bercetak rasmi Bank Negara Malaysia atau mana-mana Akta berbeza dengan maklumat yang terkandung di dalam dokumen ini, maklumat dalam Akta tersebut dan dokumen rasmi adalah diutamakan dan diterima pakai.

BAHAGIAN E PETUNJUK TRANSAKSI YANG MENCURIGAKAN

LAMPIRAN 15 Contoh-contoh Petunjuk Transaksi yang Mencurigakan

Contoh- contoh Petunjuk Transaksi yang Mencurigakan

Penafian:

Contoh- contoh petunjuk transaksi yang mencurigakan ini bertujuan sebagai panduan untuk pematuhan terhadap AMLA sahaja. Institusi pelapor dikehendaki untuk mewujudkan petunjuk transaksi yang mencurigakan untuk mengesan transaksi yang mencurigakan.

Petunjuk Transaksi yang Mencurigakan - Umum

A. Petunjuk Transaksi yang Mencurigakan untuk Pelanggan Individu

1. Pelanggan enggan memberikan maklumat yang diperlukan oleh institusi pelapor, cuba untuk meminimumkan tahap maklumat yang diberikan atau memberikan maklumat yang mengelirukan atau sukar untuk disahkan
2. Pelanggan yang mengelak daripada berhubung secara peribadi tanpa penjelasan yang munasabah
3. Aktiviti kewangan dan transaksi tidak sejajar dengan profil pelanggan
4. Terdapat unsur tidak konsisten yang tidak dapat dijelaskan ketika proses mengenalpasti atau menentusahkan pelanggan
5. Pelanggan bertegas ingin menggunakan perantara (sama ada profesional atau tidak rasmi) tanpa alasan yang munasabah
6. Pelanggan yang pernah disabitkan dengan apa-apa jenayah yang serius
7. Pelanggan yang sedang dalam siasatan atau mempunyai hubungan yang diketahui dengan penjenayah
8. Pelanggan menggunakan banyak akaun bank (domestik atau luar negara) untuk menyelesaikan suatu transaksi tanpa penjelasan yang munasabah
9. Pelanggan memberikan rekod atau dokumen palsu
10. Pelanggan menjalankan transaksi bernilai tinggi atau secara kerap menggunakan mata wang asing tanpa alasan ekonomi yang munasabah.
11. Pelanggan secara aneh menjadi prihatin dan/atau sering bertanya tentang keperluan AML/CFT dan polisi, tatacara atau kawalan pematuhan dalaman

B. Petunjuk Transaksi yang Mencurigakan untuk Entiti Korporat (*Legal Persons*) atau Pengaturan yang Berasaskan Undang-Undang (*Legal Arrangements*)

1. Entiti korporat (*legal persons*) mempunyai peningkatan aktiviti perniagaan secara tiba-tiba dan tanpa penjelasan setelah tidak aktif atau tiada aktiviti dalam suatu tempoh yang panjang selepas ditubuhkan
2. Entiti korporat (*legal persons*) yang berdaftar di bawah nama yang menggambarkan syarikat itu menjalankan aktiviti atau menawarkan perkhidmatan yang tidak diberikannya tanpa alasan yang munasabah
3. Entiti korporat (*legal persons*) atau pengaturan yang berasaskan undang-undang (*legal arrangements*) yang berdaftar di bawah nama yang kelihatan menyerupai nama syarikat lain, terutamanya syarikat multinasional berprofil tinggi tanpa alasan yang munasabah
4. Entiti korporat (*legal persons*) atau pengaturan yang berasaskan undang-undang (*legal arrangements*) yang berdaftar di alamat yang tidak sepadan dengan profil syarikat tanpa alasan yang munasabah
5. Entiti korporat (*legal persons*) atau pengaturan yang berasaskan undang-undang (*legal arrangements*) yang berdaftar di alamat yang juga disenaraikan untuk beberapa syarikat lain atau pengaturan yang berasaskan undang-undang (*legal arrangements*), yang menunjukkan penggunaan perkhidmatan peti surat tanpa alasan yang munasabah
6. Apabila pengarah atau pemegang saham yang mempunyai kawalan tidak dapat dicari atau dihubungi
7. Apabila pengarah atau pemegang saham yang mempunyai kawalan kelihatan tidak mempunyai peranan aktif dalam syarikat tanpa penjelasan yang munasabah
8. Apabila pengarah, pemegang saham yang mempunyai kawalan dan/atau pemilik benefisial disenaraikan bersama-sama akaun entiti korporat (*legal persons*) atau pengaturan yang berasaskan undang-undang (*legal arrangements*) lain, yang menunjukkan penggunaan penama secara profesional
9. Pengaturan yang berasaskan undang-undang (*legal arrangements*) atau amanah yang mengisytiharkan jumlah benefisiari atau kepentingan kawalan yang luar biasa besarnya
10. Entiti korporat (*legal persons*), pengaturan yang berasaskan undang-undang (*legal arrangements*) atau amanah yang membenarkan banyak penandatanganan tanpa penjelasan atau justifikasi perniagaan yang munasabah

11. Entiti korporat (*legal persons*) atau pengaturan yang berasaskan undang-undang (*legal arrangements*) yang ditubuhkan di negara yang dianggap mendedahkan risiko ML/TF yang tinggi
12. Aktiviti kewangan dan transaksi yang dijalankan oleh entiti korporat (*legal persons*) tidak sepadan dengan profil korporatnya
13. Entiti korporat (*legal persons*) yang melibatkan beberapa pemegang saham yang masing-masing mempunyai kepentingan pemilikan betul-betul di bawah kadar/nilai ambang untuk pengenalan pemilikan benefisial
14. Entiti korporat (*legal persons*) yang menunjukkan tanda- tanda digunakan sebagai syarikat lindungan (*shell company*) contohnya penggunaan penama tidak rasmi, tidak ada aktiviti perniagaan sebenar dijalankan, tidak mempunyai kewujudan fizikal
15. Media atau sumber lain yang boleh dipercayai menunjukkan bahawa pelanggan mungkin ada kaitan dengan kegiatan jenayah

C. Petunjuk Transaksi yang Mencurigakan untuk Transaksi

1. Transaksi yang dijalankan menimbulkan persoalan atau keraguan yang tidak dapat dijelaskan dengan sebaiknya oleh pelanggan
2. Transaksi melibatkan banyak pembayaran tunai dengan amaun yang tinggi tanpa penjelasan yang munasabah
3. Pelanggan kerap menjalankan transaksi dengan syarikat antarabangsa tanpa alasan korporat atau perdagangan yang mencukupi
4. Transaksi yang kerap dan besar tanpa tujuan ekonomi atau undang-undang yang jelas atau nyata
5. Pembayaran untuk produk/perkhidmatan diterima daripada pihak ketiga yang bukan pemilik dana, tanpa alasan yang jelas
6. Transaksi yang memerlukan penggunaan entiti undang-undang atau pengaturan yang berasaskan undang-undang (*legal arrangements*) yang rumit dan tidak jelas tanpa penjelasan yang munasabah
7. Transaksi atau arahan yang melibatkan kerumitan yang tidak wajar atau tidak dianggap sebagai kaedah perniagaan yang paling munasabah, mudah dan selamat

8. Jumlah transaksi yang tinggi dalam jangka masa yang singkat tanpa sebarang tujuan ekonomi atau justifikasi komersial
9. Pemindahan dana atau pembayaran yang tidak wajar daripada/ kepada/ melalui akaun pihak ketiga tanpa penjelasan yang munasabah
10. Transaksi dijalankan melalui beberapa pembayaran dari akaun atau dengan cara pembayaran yang sama atau berbeza yang dipecahkan menjadi amaun yang lebih kecil tanpa penjelasan yang munasabah
11. Transaksi dijalankan dengan tergesa-gesa atau tanpa pertimbangan sewajarnya sebagaimana seseorang kebiasaannya akan memberi pertimbangan kepada transaksi tersebut

D. Petunjuk Transaksi yang Mencurigakan untuk Lokasi Kedudukan Geografi

1. Terdapat pemindahan dana masuk atau keluar yang banyak tanpa tujuan perniagaan atau ekonomi lain yang munasabah, ke atau dari lokasi yang dikenal pasti mempunyai kaitan ML/TF
2. Entiti korporat (*legal persons*) atau pengaturan yang berasaskan undang-undang (*legal arrangements*) ditubuhkan di kawasan yang dikenal pasti mempunyai kaitan ML/TF
3. Jarak lokasi antara pelanggan dan institusi pelapor tidak dapat dijelaskan secara yang munasabah

E. Petunjuk Transaksi yang Mencurigakan untuk Saluran Penyampaian

1. Penggunaan pihak ketiga untuk mengelak berhubung secara peribadi tanpa penjelasan yang munasabah

Petunjuk Transaksi yang Mencurigakan - Mengikut Sektor

A. Institusi Perjudian Berlesen

1. Transaksi yang dijalankan menunjukkan bahawa petaruh yang sama sering menang dan amaunnya melebihi kadar yang ditetapkan
2. Petaruh meminta amaun kemenangan dibayar melalui beberapa cek untuk individu yang berbeza
3. Petaruh mengemukakan banyak tiket kemenangan

4. Petaruh yang berbeza meminta agar cek kemenangan dikeluarkan kepada individu yang sama
5. Petaruh meminta amaun kemenangan dibayar melalui pelbagai kaedah seperti cek, tunai, pemindahan bank

B. Peguam dan Akauntan

1. "Penstrukturan" pembayaran pendahuluan atau transaksi wang *escrow* untuk menyembunyikan sumber sebenar dana yang digunakan atau memecahkan pemindahan tanpa penjelasan yang munasabah
2. Transaksi dibatalkan setelah dana diterima dalam akaun pelanggan, yang mana kemudiannya pelanggan meminta agar dana yang didepostikan, dihantar kepada pihak ketiga dan mengelak berhubung secara peribadi tanpa penjelasan yang munasabah
3. Penggunaan beberapa akaun untuk mengumpul dan kemudiannya menyalurkan dana kepada sebilangan kecil benefisiari luar negara yang berada di lokasi yang dikenal pasti mempunyai kaitan ML/TF.
4. Menerima sejumlah besar dana modal dengan cepat setelah penggabungan atau pembentukan, yang dibelanjakan atau dipindahkan ke tempat lain dalam jangka masa yang singkat tanpa justifikasi komersial
5. Pelanggan mempunyai beberapa pemegang saham yang masing-masing mempunyai kepentingan pemilikan betul-betul di bawah kadar/nilai ambang untuk pengenalpastian pemilikan benefisial
6. Melakukan pembayaran yang kerap kepada perantara profesional luar negara tanpa alasan yang munasabah atau tujuan ekonomi yang jelas
7. Transaksi yang dijalankan melibatkan dua atau lebih pihak yang berkaitan tanpa alasan perniagaan yang jelas
8. Transaksi perniagaan yang melibatkan satu atau lebih ahli keluarga tanpa alasan perniagaan yang sah
9. Transaksi yang dijalankan daripada akaun perniagaan tetapi kelihatan seperti membiayai pembelian peribadi, termasuk pembelian aset atau aktiviti rekreasi yang tidak sepadan dengan profil syarikat
10. Transaksi yang dijalankan daripada akaun perniagaan dan melibatkan jumlah tunai yang besar, sama ada sebagai deposit atau pengeluaran, yang tidak sepadan dengan profil syarikat

Tambahan untuk Peguam

11. Pemindahan harta tanah antara beberapa pihak dalam jangka masa yang luar biasa singkat tanpa penjelasan yang munasabah
12. Pembayaran deposit melalui beberapa transaksi di bawah kadar/nilai ambang yang telah ditetapkan untuk laporan nilai ambang tunai (CTR) ke dalam akaun pelanggan firma
13. Pelanggan yang menawarkan untuk membayar sejumlah upah yang luar biasa nilainya untuk perkhidmatan yang tidak memerlukan premium seperti itu tanpa penjelasan yang munasabah
14. Dana didepositkan ke dalam akaun pelanggan firma yang tidak sepadan dengan profil pelanggan
15. Pembelian harta tanah tanpa pinjaman dan penjelasan yang munasabah
16. Mendeposit pembayaran ke dalam akaun pelanggan firma dari pelbagai lokasi tanpa penjelasan yang munasabah

Tambahan untuk Akauntan

17. Pelanggan mempunyai sejarah atau kecenderungan menukar akauntan dengan kerap tanpa penjelasan yang munasabah
18. Mewujudkan pekerja rekaan di bawah senarai penggajian
19. Syarikat mengarahkan untuk memindahkan sejumlah wang ke syarikat luar pesisir melalui akaun pelanggan tanpa penjelasan yang munasabah
20. Dana yang didepositkan ke dalam akaun pelanggan adalah secara relatifnya lebih besar berbanding dengan pendapatan sederhana yang dijana oleh seseorang pelanggan atau daripada aktiviti perniagaannya, yang mana lebihan dana diserahkan kepada pihak ketiga dan bukannya dikembalikan kepada pelanggan tersebut
21. Transaksi yang berulang-ulang antara pihak-pihak dalam jangka masa menurut kontrak tanpa tujuan ekonomi
22. Transaksi bernilai tinggi atau berulang, dan pelanggan yang menjalankan transaksi tersebut adalah penandatanganan akaun, tetapi tidak dikenal pasti sebagai mempunyai kepentingan kawalan dalam syarikat atau aset

C. Setiausaha Syarikat

1. Peningkatan modal yang ketara bagi syarikat yang baharu ditubuhkan atau sumbangan secara berturut-turut dalam jangka masa yang singkat kepada syarikat yang sama
2. Syarikat menerima suntikan modal atau aset yang tinggi jika dibandingkan dengan perniagaan, saiz atau nilai pasaran syarikat
3. Transaksi kewangan yang besar, terutamanya jika dikehendaki oleh syarikat yang baharu ditubuhkan yang tiada justifikasi dari segi tujuan korporat, aktiviti pelanggan atau syarikat kumpulannya
4. Penyediaan perkhidmatan pengarah atau pemegang saham penama tanpa tujuan komersial yang jelas dan sah atau alasan yang munasabah
5. Penggunaan syarikat lindungan (*shell company*) yang mana pemilikan luar negara/asing daripada pelbagai negara
6. Ahli keluarga yang tidak mempunyai peranan atau penglibatan dalam menjalankan perniagaan dikenal pasti sebagai pemilik benefisial untuk orang yang sah di sisi undang-undang (*legal persons*)
7. Pelanggan menerima sejumlah besar dana modal dengan cepat setelah penggabungan atau pembentukan, yang kemudiannya dibelanjakan atau dipindahkan ke tempat lain dalam jangka masa yang singkat tanpa justifikasi komersial
8. Pelanggan mempunyai beberapa pemegang saham yang masing-masing mempunyai kepentingan pemilikan betul-betul di bawah kadar/nilai ambang untuk pengenpastian pemilikan benefisial
9. Pelanggan kerap membuat pembayaran kepada perantara profesional luar negara tanpa alasan yang munasabah atau tanpa justifikasi komersial
10. Pelanggan berminat dengan pembentukan syarikat luar negara, terutama di negara yang dikenali sebagai menawarkan insentif cukai yang rendah atau kerahsiaan, tanpa penjelasan komersial
11. Syarikat yang mempunyai struktur yang rumit atau pelbagai lapisan pemegang saham, iaitu struktur kompleks yang melibatkan pelbagai entiti korporat (*legal persons*) atau pengaturan yang berasaskan undang-undang (*legal arrangements*) tanpa penjelasan yang munasabah
12. Transaksi yang melibatkan dua atau lebih pihak yang berkaitan tanpa alasan perniagaan yang jelas

13. Transaksi perniagaan yang melibatkan antara satu atau lebih ahli keluarga tanpa alasan perniagaan
14. Transaksi bernilai tinggi atau berulang, dan pelanggan yang menjalankan transaksi tersebut adalah penandatanganan akaun, tetapi tidak dikenal pasti sebagai mempunyai kepentingan kawalan dalam syarikat atau aset
15. Transaksi yang dijalankan daripada akaun perniagaan tetapi kelihatan seperti membiayai pembelian peribadi, termasuk pembelian aset atau aktiviti rekreasi yang tidak sepadan dengan profil syarikat
16. Transaksi yang dijalankan daripada akaun perniagaan dan melibatkan jumlah tunai yang besar, sama ada sebagai deposit atau pengeluaran, yang tidak sepadan dengan profil syarikat
17. Pelanggan berminat dengan pembentukan syarikat luar negara, terutama di negara yang dikenali sebagai menawarkan insentif cukai yang rendah atau kerahsiaan, tanpa penjelasan komersial

D. Syarikat Amanah

1. Pelanggan mengisytiharkan bilangan benefisiari yang luar biasa banyak
2. Pengeluaran aset amanah sebaik sahaja dimasukkan ke dalam akaun amanah tanpa alasan yang munasabah
3. Penggunaan secara intensif akaun amanah yang sebelumnya tidak aktif, tanpa alasan yang munasabah
4. Aktiviti amanah yang tidak jelas atau berbeza daripada tujuan yang dinyatakan di dalam surat ikatan amanah
5. Pengurusan pemegang amanah kelihatan seperti bertindak mengikut arahan daripada orang yang tidak dikenali atau tidak sesuai
6. Transaksi yang berkaitan dengan akaun amanah dijalankan dengan negara atau entiti yang telah dilaporkan berkaitan dengan kegiatan pengganas atau dengan orang yang telah ditentukan sebagai pengganas
7. Struktur amanah atau transaksi yang berkaitan dengan akaun amanah menggunakan entiti undang-undang atau pengaturan yang rumit dan tidak jelas, atau yayasan peribadi luar negara yang beroperasi di negara yang mempunyai undang-undang kerahsiaan, yang mana syarikat amanah tidak dapat memahami sepenuhnya tujuan atau aktiviti-aktiviti penggunaannya

8. Perbezaan antara kekayaan setlor yang sewajarnya dengan objek penyelesaian

E. Peniaga Logam Berharga atau Batu Berharga

Risiko yang berkaitan dengan pelanggan dan tingkah laku pelanggan:

1. Pelanggan tidak mempertimbangkan nilai, saiz, kualiti dan/atau warna logam berharga, batu berharga atau barangan kemas semasa membuat pembelian
2. Transaksi yang kerap dijalankan oleh seorang pelanggan dalam jangka masa yang singkat di bawah kadar/nilai ambang untuk pelaksanaan usaha wajar pelanggan
3. Pelanggan yang dikenali menambah pembelian jongkong emas secara mendadak tanpa alasan yang jelas
4. Pelanggan yang sebelum ini tidak dikenali meminta kilang untuk menukar emas kepada jongkong emas tanpa alasan yang jelas
5. Pelanggan membatalkan pesanan setelah membayar amaun wang pendahuluan yang tinggi dan meminta pemulangan dana dalam bentuk cek atau pemindahan telegraf tanpa alasan yang jelas
6. Kekerapan pembelian oleh PEP yang tidak sepadan dengan profilnya
7. Pembelian yang melibatkan amaun tunai yang besar tanpa alasan yang jelas

Risiko yang berkaitan dengan pihak balas perniagaan (*counterparty*) :

8. Pihak balas perniagaan kelihatan tidak memiliki pengetahuan perniagaan tentang industri yang dia bercadang untuk berurusan
9. Pihak balas perniagaan tidak mempunyai tempat perniagaan, peralatan atau kewangan yang diperlukan untuk menyokong aktiviti perniagaan

F. Ejen Harta Tanah Berdaftar

1. Pembeli menamakan harta tanah atas nama seorang penama
2. Pelanggan menukar nama pembeli pada saat terakhir tanpa penjelasan yang munasabah
3. Pembeli menjual semula harta tanah dalam jangka masa yang singkat tanpa penjelasan yang munasabah

4. Pembelian beberapa harta tanah dalam jangka masa yang singkat dan tidak sepadan dengan profil pembeli
5. Pembayaran yang dibuat untuk pembelian harta tanah tidak datang dari negara asal pelanggan, tanpa penjelasan yang munasabah
6. Pembelian dibuat tanpa melihat harta tanah tanpa penjelasan yang munasabah
7. Penjual atau pemilik harta tanah menjual harta tanah dengan harga yang jauh lebih rendah daripada harga pembelian tanpa penjelasan yang munasabah
8. Terdapat jarak kedudukan geografi yang ketara dan tidak dapat dijelaskan di antara pembeli dengan lokasi harta tanah
9. Pembelian harta tanah tanpa pinjaman
10. Pembelian yang tidak sepadan dengan profil pelanggan
11. Deposit untuk harta tanah dibayar dalam amaun tunai dengan banyak
12. Pembelian oleh entiti korporat (*legal persons*) atau pengaturan yang berasaskan undang-undang (*legal arrangements*) untuk mengaburi pemilik benefisial pelanggan yang sebenar
13. Bayaran atau deposit dilunaskan oleh pihak ketiga tanpa penjelasan yang munasabah
14. Bayaran atau deposit dilunaskan oleh pelbagai pihak

G. Pemberi Pinjam Wang, Pemegang Pajak Gadai, Pemajikan dan Pemfaktoran

1. Pelanggan mengelak daripada memberitahu tujuan pinjaman atau tujuan yang dinyatakan adalah tidak jelas
2. Pelanggan menjelaskan pinjaman yang lama tertunggak secara tiba-tiba tanpa penjelasan yang munasabah
3. Pelanggan membuat pembayaran pinjaman yang besar dan tidak dijangka dengan sumber dana yang tidak diketahui, atau dengan sumber dana yang tidak sepadan dengan profil pelanggan yang diketahui
4. Pelanggan membayar pinjaman jangka masa panjang dalam jangka masa yang singkat tanpa penjelasan yang munasabah

5. Pelanggan menunjukkan sumber pendapatan dari luar negara untuk permohonan pinjaman dan enggan memberikan perincian
6. Dokumentasi pelanggan untuk pengesahan identiti, pendapatan atau pekerjaan diberikan oleh perantara yang tidak mempunyai alasan yang jelas untuk terlibat
7. Pelanggan menawarkan deposit yang bernilai tinggi atau sebarang bentuk insentif lain sebagai balasan untuk mendapat layanan yang baik terhadap permohonan pinjaman tanpa justifikasi komersial
8. Pelanggan meminta untuk mencagar asetnya untuk permohonan pinjamannya dan asal-usul aset tersebut tidak diketahui
9. Pelanggan meminta untuk mencagar barangan bernilai tinggi atau harta tanah yang disediakan oleh pihak ketiga yang tidak berkaitan untuk permohonan pinjamannya tanpa alasan yang munasabah
10. Transaksi pinjaman yang tidak masuk akal dari segi ekonomi, contohnya pelanggan mempunyai aset yang banyak, oleh itu tidak mempunyai alasan perniagaan yang kukuh untuk transaksi tersebut
11. Pelanggan kelihatan tidak peduli dengan terma kredit atau kos yang terlibat untuk melengkapkan suatu transaksi pinjaman
12. Pelanggan memohon pinjaman berdasarkan kekuatan penyata kewangan yang menggambarkan pelaburan besar atau pendapatan dari perniagaan yang diperbadankan di negara-negara yang terkenal dengan kerahsiaan perbankan dan undang-undang korporat dan permohonan itu adalah di luar kebiasaan bidang perniagaan pelanggan
13. Kerap mengingkari atau dengan sengaja mengingkari pada pinjaman yang dijamin dengan barangan atau aset bernilai tinggi yang boleh ditukar kepada tunai dengan mudah
14. Pelanggan membuat beberapa cagaran yang berturut-turut dengan nilai agregat pinjaman yang tinggi tanpa justifikasi komersial
15. Pelanggan menggunakan wang kertas dalam denominasi yang luar biasa untuk pelanggan semasa menjelaskan pinjaman
16. Pelanggan memohon pinjaman dengan amaun yang luar biasa jika dibandingkan dengan amaun transaksi yang lalu
17. Permohonan pemajakan kewangan nampak tidak munasabah dari segi penggunaan peralatan yang diinginkan atau aktiviti perniagaan pelanggan (contohnya keadaan tidak konsisten yang jelas antara saiz pelaburan dan

aktiviti perniagaan pemajakan, atau ketidakcukupan peralatan berbanding dengan aktiviti perniagaan yang dilakukan atau yang dicadangkan untuk dilakukan oleh pemajak)

18. Pelanggan menjelaskan hutang kontrak sewaan dengan menggunakan dana yang dipindahkan dari negara-negara yang terkenal dengan undang-undang kerahsian perbankan dan korporat
19. Pelanggan didapati menghasilkan invois rekaan dengan amaun yang terlalu tinggi untuk mendapatkan perkhidmatan pemfaktoran
20. Pelanggan yang sering menggadaikan barang dalam kuantiti yang banyak
21. Pelanggan yang menunjukkan sikap tidak berminat untuk menebus semula barang yang digadaikan
22. Pelanggan yang mendedahkan bahawa dana daripada barang gadaian akan digunakan untuk membiayai kos perjalanan ke kawasan konflik